

[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN NEGARA

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 17

Khamis

9 Disember 2004

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Kematian Mendiang Senator R. Sinniah (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004 (Halaman 25)

Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 (Halaman 89)

USUL:

Usul Menteri Luar Negeri Di Bawah Peraturan Mesyuarat 26(3)
- *Konflik Israel-Palestin* (Halaman 37)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 9 Disember 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

KEMATIAN MENDIANG SENATOR R. SINNIAH

Timbalan Yang di-Petua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa seorang daripada Ahli Dewan Negara ini iaitu Senator R. Sinniah telah meninggal dunia pada hari Rabu 8 Disember 2004, jam 8.30 malam di Kuala Lumpur. Mendiang dilantik menjadi Ahli Dewan Negara pada 10 April 2001 dan dilantik semula pada 21 Julai baru-baru ini.

Saya bagi pihak Majlis Dewan Negara mengambil kesempatan ini untuk merakamkan perasaan yang amat dukacita dan sedih di atas pemergian beliau itu. Bagi memperingati beliau, saya ingin menyatakan latar belakang beliau secara ringkas untuk makluman Majlis.

Mendiang dilahir pada 10 Februari 1948 di Mersing, berumur 56 tahun. Beliau adalah seorang tokoh politik yang aktif dalam parti MIC dan di bidang kemasyarakatan. Pada masa ini beliau adalah Setiausaha MIC Negeri Johor.

Mendiang meninggalkan seorang balu dan dua orang anak. Jenazah beliau akan disemadikan pada hari ini 9 Disember 2004 di alamat No. 9, Jalan Padi Huma 7, Bandar Baru UDA, Johor Bahru.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memperingati mendiang, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat semua bangun untuk bertafakur selama satu minit.

[Majlis bertafakur selama satu minit]

Terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Chiam Yong Tee** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-
 - (a) bilangan penghidap HIV/AIDS mengikut negeri dan bulan pada tahun ini; dan
 - (b) berapa banyak kes pengedaran dadah dikesan mengikut negeri pada tahun ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2004 sehingga bulan Jun, seramai 2,609 kes HIV telah dilaporkan di seluruh negara. Mengikut pecahan negeri-negeri pula, dari Januari hingga Jun 2004, negeri Kelantan mencatat kes HIV yang tertinggi di Malaysia iaitu seramai 444 kes diikuti dengan negeri Pahang – 412 kes, negeri Selangor 357 kes dan Perak – 290 kes. Negeri-negeri yang paling kurang dijangkit HIV adalah Sarawak hanya 34 kes dan Sabah – 15 kes.

Bagi kes AIDS pula, sepanjang tahun 2004 sehingga Jun seramai 546 kes telah dilaporkan di seluruh negara, negeri yang paling ramai ialah Kelantan iaitu seramai 107 kes AIDS, diikuti negeri Perak seramai 78 kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur – 77 kes dan Selangor sebanyak 53 kes. Sekian.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, menurut statistik yang dilaporkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan pada lapan bulan pertama tahun ini, bilangan penagih dadah telah meningkat sebanyak 28.29%, memandangkan demikian, apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa jumlah mereka yang terlibat dengan HIV/AIDS itu juga tidak meningkat begitu tinggi. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang selalunya bekerjasama dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk mengatasi pesakit HIV/AIDS di kalangan penagih dadah dan kita memang faham berkaitan dengan statistik yang menunjukkan kebanyakan pesakit HIV/AIDS ini adalah terdiri daripada penagih dadah dan kita sentiasa memberi pendidikan kepada mereka supaya mereka tidak berkongsi jarum apabila mereka hendak buat suntikan. Sekian.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Statistik yang telah diberi oleh Yang Berhormat bahawa negeri Kelantan merupakan negeri yang paling banyak sekali orang-orang yang dijangkiti HIV. Jadi, selaku negeri yang diiktibarkan, ditabalkan sebagai 'serambi Mekah', mengapa dan kenapakah perkara ini masih lagi berlaku yang menyebabkan Kelantan yang dikatakan begitu kuat pegangan imannya, iktikadnya masih lagi merupakan negeri yang paling tinggi sekali dijangkiti dengan AIDS. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, kita rasa ada beberapa sebab mengapa pesakit-pesakit HIV/AIDS di Kelantan ini adalah tinggi, di antaranya adalah:-

- (i) berkaitan dengan pengetahuan atau pendidikan iaitu barangkali mereka tidak faham apakah sebab penyebaran AIDS ini;
- (ii) barangkali negeri ini adalah terletak di sempadan dengan negara Thai, kita tidak menuduh bahawa negara Thai ini ada banyak AIDS tetapi hakikatnya memang macam itu, kerana kalau kita lihat statistik yang terdapat dari negara Thailand ini, mereka memang mempunyai banyak pesakit HIV/AIDS.

Kalau tidak salah saya statistik mereka adalah sebanyak lebih kurang 10% daripada penduduk mereka adalah pesakit HIV/AIDS dan ini sedikit sebanyak telah menyumbang kepada pengunjung-pengunjung ke negara itu, kalau pengunjung itu melibatkan mereka dalam seks, barangkali akan terjadi disebarkan atau dikenakan dengan HIV/AIDS ini. Sekian.

[Soalan No. 2 – Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin – tidak hadir]

3. Tuan Ismail bin Kasim minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah langkah-langkah tegas yang perlu diambil terhadap pengusaha rangkaian telekomunikasi yang tidak dapat menyediakan liputan telefon bimbit dan alat pemancar telefon selular di kawasan luar bandar untuk kemudahan pengguna di kawasan tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon izin untuk memberi jawapan mengenai perkara ini secara serentak kepada pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Ooi Siew Kim dan Yang Berhormat Dato'

Hamzah bin Zainudin, kedua-duanya pada 13 Disember 2004 yang mana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah mengenai liputan perkhidmatan telefon selular.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Kadar sewa bulanan telefon mudah alih yang juga dikenali sebagai bayaran access, adalah tidak tertakluk kepada seksyen 201 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu berhubung dengan kaedah-kaedah komunikasi dan multimedia berikutan pemansuhan peraturan-peraturan atur yang dahulunya digunakan untuk mengawal selia perkhidmatan selular.

Oleh itu, kadar yang dikenakan tidak dikawal oleh kerajaan sebaliknya diserahkan kepada kuasa pasaran.

Sejak peraturan-peraturan atur dimansuhkan, bayaran access yang dikenakan oleh pemberi perkhidmatan telah turun akibat persaingan di antara pemberi perkhidmatan, kini kadar bayaran access yang dikenakan adalah berbeza mengikut pemberi perkhidmatan dan pakej yang dilanggan, ada pemberi perkhidmatan yang hanya mengenakan bayaran RM10 sebulan sahaja, oleh kerana banyak pakej dalam pasaran, pengguna dinasihatkan untuk selidik sedikit mengenai kadar-kadar yang dikenakan sebelum langganan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan bahawa rangkaian penerimaan telefon mudah alih adalah lemah, dimaklumkan bahawa tindakan sedang diambil untuk meningkatkan perkhidmatan di seluruh negara, kementerian ini telah mengarahkan pemberi perkhidmatan untuk menyediakan liputan penuh kepada kawasan MSC, Putrajaya dan Kuala Lumpur sebelum akhir tahun ini.

Di samping itu, syarikat telekomunikasi juga telah diarahkan untuk menyediakan liputan kepada seluruh negara meliputi bandar-bandar, kawasan-kawasan perindustrian, kawasan-kawasan pelancongan, dan jalan-jalan raya di mana sebanyak 1,650 buah menara baru perlu dibina bagi menempatkan 4,448 buah stesen pemancar sehingga penghujung tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, para pemberi perkhidmatan telefon bergerak bersel juga telah membina sebanyak 600 hingga 800 buah stesen pemancar setiap tahun bagi kawasan yang telah pun diberi liputan bagi meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan mereka. Selain itu, tindakan juga sedang diambil untuk memperkenalkan perayauan tempatan, atau dengan izin, *domestic roaming*, pihak syarikat pemberi perkhidmatan telefon bergerak bersel juga telah mengenal pasti sebanyak 153 kawasan di luar

bandar yang tidak diberi liputan oleh semua pemberi perkhidmatan untuk diberi liputan secara perayauan tempatan, dengan izin, *domestic roaming*. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu komprehensif. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian kenapakah masa yang diambil untuk merancang dan membina sesebuah *tower* itu mengambil masa yang terlalu lama sedangkan kita lihat tempoh untuk menyiapkan lebuhraya pun sudah cukup bagi sebuah syarikat itu merancang dan menyiapkan sesebuah *tower* bagi kawasan berkenaan bagi mendapatkan liputan luas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ismail kerana menanyakan soalan itu. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang mana mengatakan masa yang diperlukan untuk menyiapkan satu lebuhraya adalah lebih lama daripada mendirikan tower tetapi sebagaimana yang kita ketahui sebelum Akta Komunikasi Multimedia ini ia terletak di bawah Jabatan Telekom Malaysia. Akta Suruhanjaya Komunikasi ini hanya ditubuhkan pada tahun 1998. Setelah ditubuhkan inilah baru Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini merangka strategi bagaimanakah kawasan-kawasan tower hendak didirikan, di kawasan-kawasan manakah perlu diberi liputan kerana sebelum adanya Akta Suruhanjaya Komunikasi ini terpulanglah kepada pengusaha-pengusaha telefon mudah alih ini untuk mendirikan tower yang mereka rasakan mempunyai pulangan yang baik kepada mereka tetapi setelah akta ini ditubuhkan dan bergerak secara cergas pada hari ini barulah kerajaan menekankan bahawa liputan perlu diberikan secara menyeluruh di negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini bermakna keadaan akan lebih baik setelah akta ini dikuatkuasakan.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab dengan begitu jelas. Satu soalan kepada Yang Berhormat, adakah pihak kementerian menubuhkan unit kawal selia untuk mengawasi perjalanan syarikat telefon selular di seluruh negara?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk pengetahuan, kementerian ini juga menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu yang dianggotai oleh CEO-CEO syarikat-syarikat telekomunikasi mudah alih ini yang mana

dipengerusikan sendiri oleh Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi Multimedia ini sendiri untuk memantau segala perkembangan industri telefon mudah alih yang ada di negara ini termasuklah dari segi liputan, kualiti liputan dan juga dari segi kos dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan Tan Bon You minta Menteri Pengangkutan menyatakan Kerajaan telah menetapkan Pelabuhan Klang sebagai *National Load Centre* dan Pelabuhan Tanjung Pelepas sebagai *Transshipment Hub* dan kedua-dua pelabuhan ini telah berjaya mencapai kedudukan ke 12 dan 16 di antara pelabuhan kontena utama dunia. Apakah dasar-dasar kerajaan terhadap pelabuhan-pelabuhan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar-dasar kerajaan mengenai taraf pelabuhan-pelabuhan lain adalah seperti berikut, pertama pelabuhan-pelabuhan lain iaitu Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Pasir Gudang, Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Kemaman akan menjadi feeder port kepada Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Pelepas. Objektif dan dasar ini adalah untuk mengumpul kontena yang telah dipecahkan-pecahkan di pelabuhan-pelabuhan negara kepada hanya di kedua-dua buah pelabuhan sahaja supaya dapat menarik lebih banyak kapal-kapal induk singgah secara terus di pelabuhan-pelabuhan tersebut. Di samping itu dasar ini juga bertujuan untuk menggalakkan pengimport dan pengeksport Malaysia menggunakan pelabuhan tempatan dan mengurangkan aliran kargo ke negara-negara jiran. Kedua, manakala pelabuhan Bintulu adalah berperanan sebagai hub bagi kargo-kargo di kawasan-kawasan BIMP-EAGA dan pusat pengumpulan bagi kargo-kargo dari pelabuhan-pelabuhan di Sabah dan Sarawak.

Tuan Tan Bon You: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah usaha-usaha yang telah dan akan diambil oleh kerajaan di dalam meningkatkan prestasi pelabuhan negara khususnya dari segi daya saing dengan pelabuhan-pelabuhan negara jiran? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Langkah yang terkini yang diambil oleh kementerian adalah penubuhan satu jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Meningkatkan Daya Saing Pelabuhan-pelabuhan di Malaysia. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri sendiri Yang Berhormat Dato' Seri Chan Kong Choy dan matlamat ini adalah untuk melihat kedudukan pelabuhan-pelabuhan

kita di seluruh negara dari segi produktiviti, dari segi kebolehan, dari segi segala birokrasi sistem aliran dan segala pentadbiran pelabuhan ini supaya kita dapat bersaing dengan pelabuhan bukan sahaja di rantau ini tetapi di seluruh dunia.

5. Tuan Saravanam a/l Murugan minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan sama ada penggunaan perkataan 'ceti haram' boleh digunakan di dalam pertuturan harian atau tidak kerana ia boleh mengganggu emosi golongan 'ceti'.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ceti haram bermaksud peminjam wang tanpa lesen. Dengan demikian sebutan ceti haram tidak salah digunakan dalam pertuturan harian malahan golongan ceti tidak seharusnya tersinggung, sebaliknya merasa lebih selamat dan dilindungi kerana ceti merupakan peminjam wang yang diiktiraf oleh kerajaan tetapi bukan ceti haram. Sekian, terima kasih.

Tuan Saravanam a/ Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, golongan ceti merupakan satu kumpulan etnik minoriti daripada kaum keturunan India yang telah menjalankan kegiatan meminjamkan wang lebih kurang 100 tahun dahulu di negara ini apabila tiada sebarang sistem perbankan di negara ini. Mereka kini terdiri lebih kurang 5,000 orang di negara ini dan kebanyakannya adalah profesional. Penggunaan perkataan ceti haram menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan mereka maka saya harap kerajaan sebagai sebuah kerajaan yang prihatin mengkaji semula perkara ini dan menggantikan perkataan ceti haram itu dengan apa-apa nama yang sesuai seperti Along Haram ataupun Peminjam Haram. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jangan kait dengan ceti.

Tuan Saravanam a/l Murugan: Ya Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Saravanam a/l Murugan. Saya rasa pertuturan ceti haram bukan satu pertuturan semata-mata untuk menghina golongan ceti iaitu satu golongan kaum India yang berasal dari Malaba atau Koromoda, India. Mereka telah banyak berjasa kepada negara tetapi mengikut kamus Dewan edisi keempat iaitu ceti haram ditakrifkan sebagai Along, sementara Along pula ditakrifkan sebagai orang yang memberikan pinjaman wang secara haram dan mengenakan bunga yang sangat tinggi. Biasanya mereka akan bertindak ganas

sekiranya pinjaman tersebut tidak dibayar. Along dilabelkan sebagai satu bahasa percakapan. Mengikut kamus Dewan ini juga, haram pada fasa ceti haram bermaksud ditegah terlarang oleh undang-undang atau tidak sah di sisi undang-undang. Saya harap penggunaan perkataan haram yang membawa maksud begini “dia ditangkap kerana masuk negara ini secara haram, kumpulan haram dan sebagainya”. Perkataan haram ini dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan perkataan haram dengan makna di atas telah digunakan dengan meluas dalam bahasa Melayu termasuklah dengan menggabungkan dengan perkataan lain. Saya harap kerajaan boleh kaji dan juga tengok bagaimana untuk menggantikan atau mengaitkan ceti haram dengan Along dan akan membawa satu perasaan yang beremosi kepada ceti haram. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya kira ceti tidak perlu bimbang asalkan perniagaannya itu sah dan halal.

6. Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapa ramai gadis-gadis yang telah hilang kehormatan telah dibaik pulih akhlak mereka. Apakah program kerajaan dalam membendung pergaulan bebas muda-mudi pada hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab ke atas kanak-kanak di bawah usia 18 tahun yang terjebak dengan pelacuran atau yang bekerja sebagai GRO di pusat-pusat hiburan. Mereka yang terlibat akan diselamatkan dan diperintahkan oleh Mahkamah bagi kanak-kanak bagi menjalani pemulihan di pusat-pusat pemulihan di seluruh negara yang dikenali sebagai Taman Seri Puteri mengikut peruntukan Akta Kanak-kanak 2001. Bilangan kanak-kanak atau gadis yang telah diperintahkan masuk ke lima buah pusat pemulihan wanita dan gadis adalah 272 orang bagi tahun 2002, dan 199 orang bagi tahun 2003 dan 191 orang bagi tahun 2004 sehingga bulan November 2004. Di Taman Seri Puteri ada disediakan berbagai program pemulihan yang telah disusun khas untuk membimbing dan mendidik mereka serta balik ke pangkal jalan. Dengan ini adalah diharapkan mereka akan insaf dan akan meninggalkan perbuatan yang tidak diterima oleh masyarakat.

Di samping itu terdapat juga program yang berunsur aktiviti pencegahan yang dijalankan dengan kerjasama Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah dan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak. Aktiviti kemasyarakatan yang dimaksudkan ialah mengadakan kempen kesedaran yang melibatkan agensi-agensi kerajaan seperti pihak polis, Jabatan Kesihatan, Jabatan Penerangan, media massa dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Program dan aktiviti yang dijalankan juga tertumpu kepada usaha mengintegrasikan mereka semula dalam masyarakat dengan penglibatan aktif ibu bapa. Sekian. terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, fenomena yang ada hari ini kita kedengaran banyak anak-anak haram yang dibuang. Setakat ini adakah kementerian membuat pemantauan berapa ramaikah anak-anak luar nikah yang dilahirkan dalam negara dan bagaimanakah nasib mereka setakat ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi ceti haram. Sekarang anak haram. Sila jawab Yang Berhormat.

Puan Chew Mei Fun: Saya tidak ada angka anak luar nikah sekarang, saya akan beri jawapan secara bertulis dan untuk membantu anak-anak luar nikah ini sekarang kita dalam perbincangan untuk *restructuring* Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya kita ada satu bahagian khusus untuk kanak-kanak dan kita sudah wujudkan satu sistem bila kita ada kes-kes sebegini, pegawai-pegawai kami akan memberi satu laporan kepada Menteri dalam masa 24 jam. Terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit soalan tambahan. Kita tahu bahawa ramai gadis-gadis yang telah hilang kehormatan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, yang kita tahu gadis-gadis berkenaan mempunyai ibu dan bapa. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mengambil tindakan terhadap ibu bapa yang gagal mengawasi anak-anak mereka? Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Buat masa kini kita tidak ada cadangan untuk mengambil tindakan atau hukuman ke atas ibu bapa-ibu bapa yang anak-anak mereka terlibat dalam gejala sosial. Walau bagaimanapun, di bawah Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara, kita telah menyediakan modul sejak tahun 1997 iaitu Pancaran Kasih (*Smart Father*) untuk bapa sementara Belaian Kasih (*Smart Kiddy*) untuk anak kecil, Permata Kasih untuk remaja berumur 13 tahun ke 25 tahun. Mutiara

Kasih untuk Ibu bapa Penjaga Anak Remaja, Bahtera Kasih untuk pasangan yang bakal memasuki alam perkahwinan kerana kita menganggap untuk menangani masalah sosial ini kita mesti adakan satu pendekatan yang holistic dalam melaksanakan program untuk memberi tumpuan pembangunan dan pementapan keluarga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya tajuk ini cukup menarik, saya benarkan lagi satu soalan. Silakan Dato' Haji Abdul Rashid.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari jawapan-jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat, jelaslah bahawa Yang Berhormat menerima istilah hilang kehormatan yang dimaksudkan atau yang dipakai oleh Yang Berhormat yang bertanya.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah sebenarnya takrif hilang kehormatan dan adakah dengan mudah daripada segi luaran dapat dikenal pasti gadis yang hilang kehormatan?

Puan Chiew Mei Fun: Takrif itu termasuk mereka yang terlibat dalam kegiatan pelacuran, seks dan mereka yang terdedah kepada bahaya moral atau berkemungkinan menjadi mangsa pelacuran dan gadis-gadis yang dirujuk kepada mahkamah syariah dan kes-kes mereka yang mengandungi secara di luar nikah. Terima kasih.

7. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang belum menukar kad pengenalan kepada MyKad serta perancangan kementerian untuk mengatasi masalah kesesakan di kaunter-kaunter oleh mereka yang selalu memohon di waktu-waktu terakhir.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 25 November 2004 sebanyak 13.1 juta MyKad telah dikeluarkan dan dianggarkan seramai 4.9 juta pemegang kad pengenalan masih belum menukar kepada MyKad. Jabatan Pendaftaran Negara telah membuat persediaan bagi mengatasi masalah kesesakan pada saat terakhir iaitu sehingga pada 31 Disember 2005. Di antara tindakan yang diambil ialah:-

- (i) menambah bilangan kaunter di kebanyakan pejabat pendaftaran negara di peringkat negeri dan daerah;

- (ii) mengganti serta menambah peralatan komputer bagi mempercepatkan penerimaan, permohonan dan pemprosesan;
- (iii) memindah sebanyak 17 pejabat cawangan-cawangan lama ke cawangan baru bagi mendapatkan ruang pejabat yang lebih luas dan selesa. Sebanyak 15 daripada cawangan tersebut telah siap dan boleh digunakan;
- (iv) mewujudkan sebanyak 25 cawangan baru di kawasan-kawasan yang dikenal pasti mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi sebanyak 11 cawangan telah siap dan boleh digunakan;
- (v) menambah masa bekerja di pejabat Pendaftaran Negara Ibu Pejabat, semua kaunter di pejabat negeri dan cawangan termasuk pada hari kerja biasa pada hari Sabtu minggu pertama; dan
- (vi) mewujudkan pasukan khas bergerak di Sabah dan Sarawak bagi membantu penduduk-penduduk di kawasan pedalaman.

Sekian. Terima kasih

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapa lamakah tempoh masa yang dicadangkan oleh pihak kementerian dalam memproses MyKad ini sebab ada kes yang melibatkan lebih daripada tiga bulan tetapi masih belum mendapat MyKad yang dikehendaki walaupun telah ditukar di pejabat yang dikehendaki. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di *Klang Valley* biasanya boleh menerima MyKad dalam masa dua minggu tetapi di negeri-negeri lain memang mengambil masa antara satu hingga dua bulan untuk menerima MyKad. Kes-kes yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat yang mengambil masa tiga, empat atau lima bulan ini bermakna ada masalah mengenai permohonan di mana cap jari (*thumb print*) mereka berlainan daripada semasa mereka berumur 12 tahun. Jadi, Ibu Pejabat JPN kena semak secara teliti. Ini adalah salah satu sebab di mana pemohon tidak menerima MyKad dalam masa yang pendek. Saya memohon supaya janganlah merasa bimbang, bersabarlah dan akhirnya mereka akan dapat MyKad.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah tidak perlu bimbang. Silakan Yang Berhormat Tuan Krishnan a/l Maniam.

8. **Tuan Krishnan a/l Maniam** minta Menteri Kesihatan menyatakan tentang tahap kesihatan rakyat Malaysia secara purata dan bagaimanakah kementerian memainkan peranan dalam membantu pesakit-pesakit kritikal yang tidak berkemampuan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan menyediakan beberapa mekanisme untuk membantu pesakit yang kurang mampu memperoleh rawatan perubatan yang sewajarnya. Antara mekanisme bantuan yang disediakan ialah:

- (a) pembayaran subsidi untuk rawatan di Institut Jantung Negara;
- (b) pengurangan dan pengecualian bayaran untuk rawatan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Unit Hasil; dan
- (c) pembayaran sepenuhnya atau sebahagian kos rawatan melalui Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan.

Sekian.

9. **Dato' Rhina Bhar** minta Perdana Menteri menyatakan apakah status simpanan (*reserve*) petroleum negara dan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menggunakan tenaga alternatif sebagai langkah untuk menjimatkan kekurangan simpanan petroleum negara kita.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini negara mempunyai rizab simpanan minyak sebanyak 4.8 bilion tong manakala rizab simpanan gas asli pula ialah 89 trilion kaki padu. Berdasarkan kepada kadar pengeluaran kadar semasa bagi minyak dan gas jangka hayat bagi rizab simpanan minyak adalah 18 tahun dan gas 35 tahun. Jumlah rizab yang besar ini adalah disebabkan kejayaan kita meneroka kawasan yang baru terutama di laut dalam (*continental shelf*).

Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini Malaysia berada pada kedudukan ke 24 dari segi simpanan minyak dunia dan di tangga 13 dari segi simpanan gas. Bagi menjimatkan sumber petrol negara kerajaan telah menggalakkan penggunaan gas asli (NGV) bagi sektor pengangkutan, khususnya bagi pengangkutan awam, menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui seperti tenaga suria dan *biomass* dan penggunaan minyak sawit yang dicadangkan sebagai *biofuel*. Pelbagai

insentif seperti pelepasan cukai jalan turut diberi oleh kerajaan untuk menggalakkan penggunaan tenaga alternatif ini. Di samping itu sektor swasta termasuk Petronas juga turut memberi *rebate* kepada peralatan NGV.

Berikutan kenaikan mendadak harga minyak baru-baru ini, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji impak kenaikan harga produk petroleum untuk memantau dan memastikan usaha penggalakan penggunaan tenaga alternatif ini dapat dipergiatkan lagi. Terima kasih.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Yang di Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah sebahagian dari hasil petroleum dilaporkan di institusi-institusi selamat untuk pulangnya sebagai pampasan pada satu masa hadapan apabila rizab petroleum negara tamat. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Petronas mendapat hasil daripada pengeluaran petroleum, hasil ini datang daripada eksport iaitu penjualan keluar negara juga jualan dalam pasaran tempatan. Kira-kira 35% daripada hasil Petronas datang daripada pengeluaran di luar negara. Petronas juga terlibat dalam pengeluaran minyak petroleum luar negara. Hasil ini menjadi keuntungan Petronas setelah ditolak kos-kosnya dan keuntungan Petronas ini diberi kepada kerajaan kerana Petronas adalah sebuah syarikat milik kerajaan seratus peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini Petronas dijangka memberi dividen dan lain-lain. Hasil yang perlu dikutip oleh kerajaan kira-kira RM25 bilion ini adalah sumbangan Petronas kepada hasil negara yang menyumbang kira-kira 25% kepada hasil negara. Sebahagian daripada keuntungan Petronas itu dipulangkan kepada kerajaan dalam bentuk hasil kerana Petronas adalah sebuah syarikat milik kerajaan seratus peratus.

Lebih daripada dividen dan lain-lain cukai yang dibayar kepada kerajaan, Petronas sebagai sebuah syarikat ternama di dunia, ia merupakan syarikat terulung dalam *Fortune 500 Companies* yang mempunyai satu dasar pelaburan yang amat baik dan segala hasilnya diuruskan dengan begitu cekap dan kerajaan berpuas hati bukan sahaja dengan prestasi Petronas dengan hasil yang diberikan kepada kerajaan tetapi juga cara Petronas menguruskan perolehan daripada kegiatan-kegiatan dalam dan luar negara. Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan negeri-negeri mana dalam Malaysia ini yang

mempunyai *reserve* terbanyak dan yang kedua bolehkah Yang Berhormat menyatakan apakah boleh royalti 5% yang diberikan kepada negeri-negeri daripada hasil minyak itu dikaji semula supaya royalti itu yang lebih tinggi diberikan kepada negeri-negeri. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Kerajaan Persekutuan berpuas hati dengan kadar royalti 5% yang diberikan kepada negeri-negeri yang berhak menerimanya dan mengenai rizab petroleum ini sebanyak 56% adalah didapati di Semenanjung Malaysia, 19% di Sabah dan 25% di Sarawak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri sendiri, saya membenarkan satu ataupun dua lagi soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apakah kemudahan-kemudahan dan juga insentif-insentif yang diberi kepada pengusaha-pengusaha yang sedang membuat penyelidikan dalam mencari tenaga alternatif oleh kerana saya melihat daripada laporan surat khabar hari ini bahawa e-motosikal yang menggunakan *electricity* tidak dibenarkan langsung di jalan raya. Kalau ada alternatif-alternatif seperti tenaga suria dan sebagainya kenapa mereka itu tidak diberi galakan dan juga insentif supaya lebih ramai menggunakan kemudahan-kemudahan ini. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Setakat ini insentif yang paling banyak diberikan ialah untuk penggunaan *natural gas vehicle* (NGV) untuk pengangkutan teksi dan juga pengangkutan awam umpamanya kita mengurangkan 50% cukai jalan bagi kenderaan NGV, kenderaan yang menggunakan *monogas*. Kita juga tidak mengenakan cukai import kepada *conversion kits* untuk menggunakan NGV. Ini adalah antara insentif yang diberikan. Insentif yang paling banyak diberikan kepada penggunaan NGV.

Bagi tenaga-tenaga alternatif termasuklah *biomass* dan juga suria, insentif ini sedang dikaji oleh Jawatankuasa Kabinet yang baru ditubuhkan dan kita menjangkakan mesyuarat kedua akan diadakan sama ada pada bulan Januari atau Februari akan datang dan insentif tambahan ini akan kita kaji. Kerajaan juga sedang mengkaji kemungkinan memberikan insentif bagi menggunakan *palm diesel* ataupun *green fuel* di mana pihak tertentu sedang membuat kajian untuk mencampurkan diesel dengan *palm oil* dan menggunakan ini sebagai tenaga untuk digunakan dalam sektor

pengangkutan. Ini adalah di antara kajian-kajian yang sedang dibuat oleh kerajaan dan kerajaan akan mengumumkannya apabila tiba masanya kelak.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan laluan kepada saya. Peranan Petronas amat besar dalam memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi negara. Setakat ini, mengapakah laporan Petronas ini tidak dibentangkan di Parlimen dan setakat ini berapakah zakat yang telah dikeluarkan oleh Petronas terhadap perolehan yang berbilion-bilion ringgit itu? Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Laporan tahunan Petronas dikeluarkan sebagai sebuah syarikat memang diperolehi melalui *website*. Petronas juga ada beberapa anak syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan laporan tahunan syarikat-syarikat ini memang dapat diperolehi oleh ahli-ahli Dewan Negara dan rakyat Malaysia yang berminat untuk mendapatkan laporannya. Mengenai zakat, pada pengetahuan saya pada masa ini Petronas belum lagi mengeluarkan zakat dan saya akan melihat perkara ini bagi mendapatkan maklumat lanjut.

10. Datuk Mohamed Jins bin Shamsudin minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan sejauh manakah kejayaannya Dasar Perfileman Negara setelah lebih dari tujuh tahun dasar tersebut digubal dan diluluskan oleh kerajaan dan apakah dasar tersebut telah dapat dimanfaatkan oleh pengamal industri perfileman negara.

Timbalan Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab, izinkan saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Datuk Mohamed Jins bin Shamsudin merupakan seorang pelakon, pengarah dan producer filem yang berpengalaman. Pelantikan beliau akan memastikan pandangan-pandangan warga perfileman dapat diketengahkan di Dewan yang mulia ini.

Saya rasa sedikit tertekan di hadapan seorang yang begitu berpengalaman. Beralih kepada jawapan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banyak kejayaan telah dicapai dalam industri perfileman tanah air dan ini boleh dilihat dengan pertambahan pengeluaran filem. Dalam tempoh tujuh tahun sebanyak 83 buah filem telah dikeluarkan.

Melalui skim kemudahan produksi pula, dalam tempoh yang sama sebanyak 31 buah filem cereka telah dihasilkan. Kecemerlangan dan mutu filem tempatan semakin meningkat. Ini terbukti di dalam festival filem Asia di Fokuka, Jepun baru-baru ini di mana Malaysia telah menggondol dua anugerah iaitu Pelakon Wanita Terbaik dalam filem Puntianak Harum Sundal Malam dan Best Sound melalui filem Belari Ke Langit.

Filem Puteri Gunung Ledang pula telah ditayangkan untuk umum di peringkat antarabangsa iaitu di Viana, Austria. Kementerian ini akan memberi penumpuan untuk meningkatkan profesionalisme pengeluar-pengeluar filem dengan menyediakan kemudahan latihan dan peralatan infrastruktur pasca produksi.

Selain daripada itu, peruntukan untuk perolehan peralatan seperti *Keen Transfer* dan *Dolby Sround* akan juga dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. FINAS juga akan menubuhkan Muzium Perfileman yang akan menyemarakkan lagi kemajuan filem tanah air. Sekian, terima kasih.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimana dengan penubuhan Dasar Perfileman Negara kerana dilihat tidakkah kerajaan bercadang untuk melaksanakan Dasar Perfileman Negara yang telah tertangguh selama lebih daripada 7 tahun. Dasar ini pada mulanya telah digubal pada 18 Januari 1992 telah diperakui pada tahun 1997 tetapi sehingga hari ini dasar ini belum lagi dilaksanakan. Oleh kerana itu, dasar ini juga melibatkan berbagai-bagai kementerian.

Saya difahamkan lima buah kementerian yang terlibat di dalam penggubalan dasar ini dan ini telah bertindih tentang tanggungjawab dan tugas kementerian-kementerian yang berkenaan dan apakah kerajaan tidak bercadang untuk menjadikannya *one stop agency*, dengan izin supaya dapat semua kementerian ini duduk dan menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk membincangkan supaya pelaksanaan dasar ini dapat diteruskan dan apabila DFN ini dilaksanakan, adakah kerajaan bercadang untuk memansuhkan FINAS dan menubuhkan Lembaga Perfileman Malaysia seperti yang disarankan oleh Kementerian Penerangan dalam risalahnya yang diterbitkan pada tahun 1997.

Akhirnya bilakah dasar ini dapat dilaksanakan bagi tujuan untuk penglibat-penglibat industri dapat mengamalkannya dan menyokong dasar-dasar kerajaan bagi melaksanakan tanggungjawab mereka melahirkan filem-filem yang bermutu berpandukan dasar-dasar yang telah dilaksanakan di dalam dasar ini.

Untuk itu, kami menunggu telah terlalu lama, lebih 7 tahun lamanya, dasar ini belum lagi dilaksanakan. Ini menyebabkan mereka selalu bertanya-bertanya, maka itulah saya mewakilinya walaupun telah ada dasar ini digubal, kemudian turun lagi lebih tipis kepada ini dan akhirnya pergi kepada ini dan hari ini sudah lebih 7 tahun belum lagi dilaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat telah ada tiga soalan dalam soalan tambahan itu.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah berdepan dengan seorang yang begitu berpengalaman saya rasa sedikit tertekan. Memang dalam satu *mouth hole*, Yang Berhormat Datuk sudah mengeluarkan perasaan beliau sebagai seorang warga perfileman. Bagaimanapun, saya minta sedikit masa lebih untuk menjawab soalan tambahan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Perfileman Negara iaitu DFN yang digubal pada tahun 1996 itu telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri tetapi tidak dibawa ke Parlimen. Objektif-objektif utama DFN iaitu Dasar Perfileman Negara ialah:

- (i) mewujudkan pemangkin *catalyst* pertubuhan industri filem tempatan termasuk industri huluan dan hiliran ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat destinasi perfileman luar pesisir dan pusat industri filem serantau,
- (ii) memupuk sikap keterbukaan filem tempatan dengan pertanggungjawaban,
- (iii) memperagakan dan meningkatkan imej negara kepada dunia,
- (iv) meningkatkan mutu filem negara dengan mendekati penerapan nilai daya murni dan kemanusiaan serta menggarap persoalan yang lebih serius mengenai isu-isu kemanusiaan yang universal,
- (v) menghubungkan kaitkan industri filem dengan matlamat dan falsafah yang terkandung dalam Wawasan 2020 dan Dasar Pembangunan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada 5 Julai 2000, Jemaah Menteri telah membuat keputusan supaya DFN dikaji semula supaya selaras dengan perkembangan semasa. Dasar perlu menyeluruh dan meliputi aspek produksi, pemasaran, peralatan, infrastruktur, kewangan dan pembangunan sumber manusia. Di dalam dasar itu juga kita akan menubuhkan satu *one stop agency*.

Berkenaan dengan sama ada FINAS akan dimansuhkan atau sebagainya, kita akan kaji dasar itu dan kita akan memastikan dengan pelaksanaan dasar itu industri perfileman negara kita berdaya saing di serantau ini dan juga di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penangguhan dasar ini, saya akan beri jaminan kepada Yang Berhormat Datuk iaitu kita amat prihatin kepada warga perfileman dan kita akan melaksanakan dengan secepat mungkin dan berkenaan dengan kementerian saya, *the buck will stop here* dengan izin dan saya haraplah Yang Berhormat Datuk sabar sedikit lagi. Beliau akan menyaksikan iaitu pelaksanaan Dasar Perfileman Negara ini. Terima kasih.

11. Tuan Hassan bin Haji Shukri minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan senarai projek-projek pembangunan di seluruh negara yang dilaksanakan tanpa mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman dan latar belakang, tidak semua projek-projek pembangunan perlu mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar kecuali projek-projek yang berpotensi mencemarkan alam sekitar dan projek-projek yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Projek-projek pembangunan ini meliputi projek yang berasaskan industri serta projek yang perlu mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA). Projek-projek pembangunan yang dilaksanakan tanpa mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar mengikut keperluan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya serta yang telah diambil tindakan penguatkuasaan bagi tempoh 2000 sehingga 2003 adalah sebanyak 636 kes. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayaratham: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Yang Berhormat apakah status laporan Jabatan Alam Sekitar mengenai satu kes projek *marina* yang dicadangkan di bina di Pulau Tioman.

Tuan Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu sebenarnya di luar daripada soalan asal. Tetapi saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Terpulang kepada Yang Berhormat sama ada hendak menjawab ataupun tidak.

Tuan Sazmi bin Miah: Laporan EIA telah pun dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar bagi projek tersebut dan telah pun diluluskan dengan syarat-syarat sebanyak 44 syarat. Di antara 44 syarat itu, terdapat syarat-syarat yang perlu dilakukan oleh pihak pemaju sebelum projek itu dapat dilaksanakan. Buat masa sekarang ini terdapat beberapa syarat yang masih belum dipatuhi oleh pihak pemaju dan menunggu kelulusan seterusnya di Jabatan Alam Sekitar. Terima kasih.

12. Puan Ooi Siew Kim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan siapakah yang dilantik sebagai Ahli Majlis Perdamaian/Tribunal Perkahwinan di bawah Akta Pindaan Undang-undang 1976, Seksyen 106 (Perkahwinan dan Perceraian) dan berapa kes masalah perkahwinan telah dirujuk hingga sekarang dari seluruh negara dan kadar kejayaan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kebiasaannya ahli-ahli tribunal yang dilantik daripada pegawai-pegawai kebajikan, pemimpin-pemimpin kaum yang banyak membantu dan menyumbang kepada kebajikan orang-orang awam, pesara-pesara yang dilatih atau mempunyai pengetahuan dalam bidang kaunseling.

Bilangan kes masalah perkahwinan yang dirujuk kepada Tribunal Perkahwinan adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan kes
2001	2,890
2002	3,146
2003	3,428
2004 (sehingga Oktober)	3,000

Manakala kes-kes yang dapat diselesaikan pula seperti berikut:

2001	62
2002	48
2003	69
2004 (sehingga Oktober)	88

Sekian, terima kasih.

Puan Ooi Siew Kim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya memandangkan kadar kejayaan yang dicapai oleh Tribunal Perkahwinan setakat ini boleh dianggap rendah. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian supaya Tribunal Perkahwinan ini boleh berfungsi dengan lebih efektif atau berkesan. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kes-kes masalah perkahwinan yang dirujukkan kepada Tribunal Perkahwinan kebiasaannya mereka pun telah membuat keputusan untuk bercerai. Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Tribunal Perkahwinan telah berusaha untuk mendamaikan mereka tetapi masih menghadapi banyak masalah.

Saya bagi satu contoh, kes yang tidak dapat diselesaikan dengan segera kerana pemohon sama ada suami atau isteri tidak dapat menghadirkan diri semasa siasatan dilakukan. Ini berlaku kerana salah satu pihak tersebut dengan sengaja berhasrat untuk mengelakkan diri daripada bercerai. Tetapi sangat susah untuk mendamaikan sepasang suami isteri. Lebih elok bila sebelum kahwin kena fikir baik-baik dan berhati-hati. Ini nasihat daripada saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya pun faham Yang Berhormat Dato', kerja ini bukan senang.

13. Datin Naomi Chong Set Mui minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada terdapat pelan serta-merta untuk memperkenalkan pendidikan seks di sekolah-sekolah disebabkan peningkatan kes-kes seksual di kalangan pelajar-pelajar sekolah yang semakin meningkat kebelakangan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, di dalam kurikulum persekolahan, pendidikan seks dikenali sebagai Pendidikan Kesihatan Keluarga dan Seksualiti. Pendidikan Kesihatan Keluarga dan Seksualiti telah dilaksanakan sejak tahun 1989 bagi sekolah menengah dan tahun 1994 bagi sekolah rendah.

Pendidikan Kesihatan Keluarga diajar melalui Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan. Manakala elemen pendidikan kesihatan keluarga dan seksualiti diajar secara merentas kurikulum iaitu melalui mata pelajaran sains, sains tambahan, biologi, pendidikan moral dan pendidikan Islam. Murid didedahkan dengan pendidikan ini dari Tahun Satu sehingga Tingkatan 5.

Pendidikan Kesihatan Keluarga dan Seksualiti ditawarkan dengan tujuan untuk melengkapkan murid dengan pengetahuan, nilai dan kemahiran agar mereka bersedia memikul tanggungjawab kehidupan dewasa, perkahwinan, keibubapaan dan hidup bermasyarakat bagi kehidupan yang sihat dan sejahtera. Terima kasih.

14. Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Bank Negara mengeluarkan arahan kepada bank-bank perdagangan untuk mengenakan caj pendepositan wang (wang kertas dan syiling) kepada peniaga/orang perseorangan bagi urusan penyimpanan wang di bank-bank, dan
- (b) apakah garis panduan yang diberikan oleh pihak Bank Negara terhadap caj ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, secara amnya pengenaan caj ke atas urusan pendeposit wang *note* dan wang syiling adalah berdasarkan kepada polisi dalaman institusi perbankan yang terlibat dengan mengambil kira faktor-faktor seperti kos yang ditanggung serta strategi penetapan harga bagi institusi tersebut.

Urusan pendeposit wang ini melibatkan beberapa prosedur seperti pembungkusan wang mengikut dinominasi, penyediaan laporan oleh agensi perbankan bagi penghantaran wang, penghantaran dan penyimpanan wang di lokasi simpanan selanjutnya. Memandangkan prosedur-prosedur yang dilakukan dalam urusan mendeposit wang ini melibatkan kos maka sesetengah insstitusi perbankan akan mengenakan sedikit caj bagi perkhidmatan disediakan.

Walau bagaimanapun, sebahagian daripada institusi perbankan masih menawarkan perkhidmatan ini secara percuma kepada pelanggan. Oleh yang demikian para pelanggan adalah digalakkan untuk membuat perbandingan berkenaan dengan caj yang dikenakan oleh institusi-institusi perbankan bagi tujuan ini. Di samping itu Bank Negara juga akan memperkenalkan garis panduan mengenai tahap ketelusan dan pendedahan maklumat produk-produk perbankan bagi membantu pengguna membuat keputusan yang lebih bernas.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk menuju ke arah masyarakat tanpa tunai atau *cash society* pengguna dan pedagang perlu digalakkan untuk menggunakan

kemudahan MEPs cash atau lain-lain *e-payment* bagi urusan pembayaran yang bertujuan untuk mengurangkan kos pengurusan dan meningkatkan lagi keselamatan urusan-urusan perbankan.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, memandangkan wang-wang syiling atau wang seringgit ini kebanyakan digunakan oleh peniaga-peniaga kecil yang mana saya difahamkan setiap RM2,000 dikenakan RM10, sekiranya masuk RM5,000 (RM40). Memandangkan terlalu besar bagi perniagaan-perniagaan kecil.

Saya berharap kepada pihak menteri dan juga Bank Negara supaya dapat memberikan satu sekatan kepada bank-bank ini jangan sewenang-wenangnya mengenakan caj kepada peniaga-peniaga kecil yang mana saya lihat perkara ini telah pun dikemukakan dalam surat-surat khabar. Saya harap pada hari ini pihak kementerian dapat memberikan satu sekatan kepada bank-bank ini supaya dikenakan tetapkan harga.

Ada sesetengah bank mengenakan caj, ada sesetengah bank tidak mengenakan caj sedangkan peniaga-peniaga kecil kita ini hendak tukar duit syiling dicaj lagi. Hendak masuk duit dalam bank kena caj lagi. Ini menjadi satu beban kepada peniaga-peniaga kecil kita di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan tadi, bukan semua bank mengenakan caj. Ada bank yang memberi perkhidmatan percuma kepada pelanggan-pelanggan mereka. Bank yang mengenakan seperti rekod yang ada ini hanya ada 9 buah bank sahaja iaitu:

- (i) Maybank,
- (ii) BCB,
- (iii) HSBC,
- (iv) Hong Leong,
- (v) Aliance Bank,
- (vi) Public Bank,
- (vii) RHB Bank, dan
- (viii) Bank Islam.

Itu pun mengikut masing-masing jugalah ada yang saya berikan contohlah misalnya Maybank, misal kata bagi RM1,000 keping wang syiling yang pertama tidak

dikenakan bayaran (*free*). Bagi seribu keping yang berikutnya dikenakan bayaran RM10 bagi tiap-tiap seribu keping wang syiling, ini kerana kos-kos mereka iaitu kos-kos yang mereka terpaksa keluarkan kerana hendak menguruskan wang-wang ini.

Tujuan Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Bank Negara bila kalau caj yang dikenakan terlalu tinggi maka kita boleh buat laporan kepada Bank Negara supaya boleh ditegur bank-bank ini. Tetapi kalau caj berpatutan maka Bank Negara membenarkan dikenakan caj kerana pada akhirnya kerajaan mahu supaya masyarakat kita menggunakan kemudahan-kemudahan urusan bank yang moden seperti yang telah saya sebutkan tadi menggunakan urusan melalui elektronik, secara elektronik bermakna tidak perlu pergi ke bank ataupun berbagai-bagai cara lagi yang moden. Sebab itu pihak Bank Negara membenarkan dikenakan caj sedikit, tidak begitu tinggi.

15. Puan Jaya Partiban minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) langkah-langkah kementerian bagi menggalakkan perubatan komplementri dan apakah kementeriannya bercadang menempatkan doktor-doktor perubatan komplementri di hospital kerajaan di negara ini seperti yang diamalkan di negara-negara lain, dan
- (a) juga menerangkan langkah-langkah yang diambil untuk menentukan bahawa hanya mereka yang berkelayakan dalam bidang-bidang tertentu sahaja mengetuai semua persatuan perubatan tradisional.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), Kementerian Kesihatan Malaysia memang sedia mengadakan pelbagai aktiviti bagi menggalakkan lagi perkembangan perubatan tradisional dan komplementri atau TCM. Perkara ini adalah jelas dinyatakan dalam posisi perubatan tradisional dan komplementri kebangsaan yang telah pun dilancarkan pada tahun 2000 di mana kementerian telah menyatakan visinya untuk mengintegrasikan perubatan tradisional dan komplementri yang dibuktikan sahih, mujarab dan selamat ke dalam sistem perubatan kebangsaan.

Polisi tersebut sedia menggariskan dasar dan pendekatan kerajaan yang mana memberikan penekanan pelbagai aspek TCM dan ia termasuklah bagi menyelia kawal pelbagai amalan, latihan, produk dan penyelidikan perubatan tradisional dan komplementri. Penempatan pelbagai pengamal termasuklah pengamal komplementri di

hospital kerajaan adalah rancangan jangka masa akan datang dan mereka perlu mematuhi pelbagai etika kerja profesional selain pengamal tersebut terlatih dengan kepakaran berkenaan dan juga amalan tersebut menepati *evidence base practice* dan selamat.

Bagi menjawab Soalan (b), penyeragaman profesion pelbagai pengamal TCM sedang diperkemas bagi memastikan bahawa pengamal adalah terlatih serta mengamalkan etika kerja sewajarnya dan kementerian dengan bantuan pelbagai badan pengamal yang mewakili pelbagai amalan TCM di Malaysia telah pun mengedarkan pelbagai garis panduan bagi mengiktiraf pengamal di mana ia termasuklah penentuan latihan yang perlu dijalani oleh pengamal berkenaan.

Bila mana penguatkuasaan akta TCM yang dijangka akan dilancarkan pada tahun 2006, pemantauan aktiviti amalan TCM akan diambil alih secara automatik dan ini adalah sejajar dengan kawalan sedemikian rupa bagi pengamal perubatan *elopathy* melalui akta perubatan. Ini bererti hanya mereka yang berkelayakan akan menerajui pelbagai aktiviti berkaitan termasuklah dalam persatuan yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian mempunyai kepakaran untuk memantau perkara-perkara seperti yang telah diterangkan tadi. Sebagai contoh, adakah kementerian itu mempunyai bomoh sendiri? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian memang ada kepakaran kerana kita bukan sahaja *depend* di atas kemahiran kita sahaja tetapi kita juga mengambil kepakaran dari persatuan-persatuan dan juga dari pihak pengamal-pengamal. Untuk *traditional and complimentary medicine* ini, di negara-negara lain seperti di Australia dan sebagainya, mereka telah mengadakan *evidence base practices* di mana di universiti-universiti mereka telah ada kursus untuk melatih pengamal-pengamal TCM ini. Begitu juga di negara-negara lain seperti negara China dan kalau tidak salah saya negara India juga dan di negara-negara Eropah, kita pun ada banyak kursus-kursus di universiti yang mengadakan dan yang dapat menghasilkan pengamal-pengamal TCM ini yang diwujudkan atas *evidence base practices* ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan sudah cukup.

[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2004) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” (**8 Disember 2004**).

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi menyambung menjawab.

11.13 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung semula penggulungan saya yang telah bermula pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan juga Yang Berhormat Puan Siti Zailah ingin tahu sama ada kerajaan bercadang untuk mengkaji kadar pemberian mengikut bilangan orang ataupun *capitation grant* kepada negeri-negeri yang lama tidak dikaji. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kajian telah dibuat. Peraturan tahun 1992 telah dikaji semula pada tahun 2002 dan kerajaan dari semasa ke semasa telah pun mengkaji dan setakat ini mengikut peraturan yang telah dikaji semula pada tahun 2002, bagi 100,000 orang penduduk yang pertama Kerajaan Pusat bagi RM72 seorang (satu kepala)

Bagi 500,000 orang yang berikutnya RM10.20 seorang dan 500,000 orang yang berikutnya selepas itu kerajaan bagi RM10.80 seorang (satu kepala) dan baki selebihnya RM11.40 seorang. Kenaikan-kenaikan ini melibatkan kenaikan peruntukan sebanyak RM87 juta ataupun kenaikan 36% daripada yang sebelum itu.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin Fook Weng juga bersama dengan Yang Berhormat Puan Siti Zailah ingin tahu kos yang terlibat dalam menguruskan pilihan

raya untuk semua agensi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan peruntukan tambahan kepada SPR sebanyak RM100 juta bagi tujuan menguruskan pilihan raya umum ke-11. Peruntukan tersebut untuk bayaran elaun kehormat petugas-petugas pilihan raya, kos latihan petugas-petugas, penyewaan kenderaan, pembelian peralatan dan lain-lain. Bagi agensi-agensi lain hanya PDRM sahaja yang diberikan peruntukan khas untuk menghadapi pilihan raya umum ke-11 iaitu sebanyak RM80 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan juga Yang Berhormat Puan Siti Zailah lagi membangkitkan tentang dana khas penyakit kronik. Mereka mempersoalkan mengapa terlalu sukar untuk mendapatkan bantuan tersebut dan ingin tahu jumlah permohonan, jumlah yang diluluskan dan usaha-usaha untuk mengurangkan masalah kelewatan mendapat bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan kini dalam proses menubuhkan penubuhan dana khas penyakit kronik di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 57 dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada awal tahun 2005. Sementara menunggu penubuhan dana khas tersebut bagi golongan yang kurang berkemampuan yang mengidap penyakit kronik. Bantuan telah pun disalurkan melalui Tabung Kebajikan Kesihatan kebangsaan ataupun TKKK.

Sehingga 1 September 2004, seramai 205 orang pesakit telah menerima bantuan di bawah tabung tersebut dengan melibatkan kos sebanyak RM5,131,014. Kementerian telah mengambil tindakan yang proaktif untuk mempercepatkan kelulusan permohonan bantuan seperti berikut:

- (a) format borang permohonan dipermudahkan, pemohon hanya perlu mengisi maklumat peribadi kepada sekeping borang sahaja,
- (b) borang boleh diperolehi di semua pejabat hospital-hospital kerajaan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Maklumat mengenai laporan sosial-ekonomi diisi oleh pegawai kerja sosial perubatan di hospital kerajaan atau pegawai kebajikan masyarakat bagi hospital yang tidak mempunyai pegawai kerja sosial perubatan. Maklumat mengenai bantuan dan borang boleh didapati di dalam laman web Kementerian Kesihatan Malaysia.

Berikutnya Yang Berhormat Datuk Yaakob telah bertanya berkenaan dengan Kementerian Pelancongan meminta Kementerian Pelancongan meningkatkan lagi

galakan perancangan promosi pelancongan di dalam dan luar negeri. Memang kementerian telah menyediakan sejumlah RM200 juta setiap tahun bagi meningkatkan promosi pelancongan di dalam dan di luar negara melalui agensi *Tourism Malaysia* di seluruh dunia.

Yang kedua, Yang Berhormat mencadangkan supaya kementerian mencari pusat tarikan baru kepada pelancongan dan banyakkkan *hand-out* ataupun peta kepada pelancong untuk pergi ke tempat-tempat tersebut. Dalam perkara ini kajian terhadap tempat-tempat berpotensi dibangunkan sebagai produk pelancongan sedang dijalankan oleh kementerian dan akan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Isu yang berikutnya ialah Kementerian Pelancongan harus dan melihat agar dapat membuat sesuatu perubahan yang lebih menarik di depan Istana Negara kerana ramai pelancong di depan Istana Negara tersebut. Ini memanglah, tiap-tiap hari pun saya lalu depan itu, Tuan Yang di-Pertua. kementerian akan mengkaji, mengambil maklum akan pandangan Yang Berhormat dan mungkin satu usaha sama boleh dilakukan dengan pihak Istana Negara.

Seterusnya Yang Berhormat meminta Kementerian Pelancongan membuat suatu didikan kepada pemandu teksi agar dapat membuat sumbangan secara langsung kepada industri pelancongan. Perkara ini kementerian dengan kerjasama LPKP sentiasa mengenakan kursus serta taklimat kepada pemandu-pemandu teksi tentang perkhidmatan pelancongan yang sesuai kepada pelancong-pelancong kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Datuk Yaakob menyentuh tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Beliau meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) meningkatkan lagi kebersihan di kawasan PBT terutamanya dari segi tandas awam, tempat letak kereta, taman rekreasi awam dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, PBT adalah dimaklumkan dari semasa ke semasa mengenai keperluan menjaga kebersihan di kawasan PBT. Sehubungan dengan itu juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada menganjurkan beberapa pertandingan seperti 'bersih dan indah' dalam pertandingan landskap demi menggalakkan kebersihan di kawasan PBT masing-masing.

Bagi tandas awam KPKT – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan sedang berusaha dengan SIRIM untuk mengeluarkan garis panduan reka bentuk dan

sistem penilaian kebersihan tandas awam. Di samping itu juga KPKT telah mengeluarkan peruntukan kepada PBT-PBT untuk menaik taraf tandas awam dan membina tandas awam baru demi untuk menggalakkan kebersihan tandas-tandas awam. KPKT juga menganjurkan kempen tandas awam mulai tahun 2003 dan akan diteruskan pada tahun-tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob juga membangkitkan tentang berapa jumlah wang deposit yang belum dituntut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 10 calon Parlimen dan 25 calon Ahli Dewan Undangan Negeri yang belum membuat tuntutan wang deposit mereka. Suruhanjaya Pilihan raya sedang dalam proses membuat pembayaran balik dengan menunggu resit tuntutan rasmi daripada calon-calon ini. Surat peringatan telah dikeluarkan untuk calon-calon yang terlibat. Jumlah yang belum dituntut adalah sebanyak RM225,000.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Yang Berhormat Datuk Yaakob membangkitkan tentang Jabatan Perkhidmatan Awam pula. Berapa jumlah kekosongan jawatan awam di seluruh negara terutamanya di kementerian-kementerian, meminta urusan-urusan kenaikan pangkat dapat disegerakan. Tuan Yang di-Pertua, jumlah kekosongan jawatan awam di seluruh negara ialah 265,705 orang. Urusan kenaikan pangkat dibuat berdasarkan kekosongan jawatan dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siti Zailah menyentuh tentang Kementerian Pertahanan, apakah usaha yang dibuat untuk mengurangkan perkara-perkara negatif dalam program Latihan Khidmat Negara dan kenapa modul agama tidak dimasukkan dalam khidmat negara. Kerajaan akan terus memperkemas pelaksanaan PLKN. Antara tindakan termasuklah;

- (i) mengetatkan kawalan disiplin di kalangan pelatih dengan diwujudkan unit disiplin di dalam kementerian;
- (ii) setiap dometri akan ditempatkan seorang jurulatih;
- (iii) menyediakan khidmat kaunseling di dalam kem;
- (iv) memantapkan *syllabus*, modul-modul sedia ada;
- (v) sebolehnya di dalam kementerian tidak ada menyentuh mana-mana sensitiviti kaum; dan

- (vi) tidak boleh memfokuskan untuk sesuatu agama sahaja, dan di dalam kem akan ditempatkan anggota kor agama angkatan tentera

Yang Berhormat Puan Siti Zailah juga bangkitkan tentang hutang Kerajaan Persekutuan dikenakan *interest* kepada kerajaan negeri. Minta kerajaan mengkaji balik kemampuan kerajaan negeri, membayar balik hutang-hutang kerajaan, meminta kerajaan mengkaji balik kemampuan kerajaan negeri membayar balik hutang-hutang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman kerajaan-kerajaan negeri telah pun dijadualkan semula di mana bayaran balik adalah berasaskan kepada kemampuan dan keupayaan kerajaan negeri masing-masing. Sehingga kini jumlah hutang kerajaan-kerajaan negeri adalah sebanyak RM12.725 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM2.45 bilion telah pun dijadualkan semula dan sejumlah RM293 juta telah ditukar kepada geran, berdasarkan kepada kemampuan ataupun keupayaan kerajaan-kerajaan negeri tersebut. Bagi negeri Kelantan, sehingga 30 Jun 2004, bagi pinjaman sebenar adalah sebanyak RM788 juta. Daripada jumlah tersebut, RM583 juta telah pun dijadualkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siti Zailah dan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri bertanyakan tentang bantuan kapital kepada sekolah-sekolah agama. Mereka mencadangkan supaya kerajaan supaya kerajaan memulihkan bantuan per kapital kepada semua sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan untuk menghentikan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah agama rakyat (SAR). Sehubungan dengan itu kerajaan membuat tawaran kepada sekolah agama rakyat untuk menjadi sekolah bantuan kerajaan, untuk membolehkan mereka menerima bantuan seperti sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang lain. Kerajaan masih meneruskan bantuan kewangan secara sumbangan kepada SAR – sekolah agama rakyat tidak sepenuh masa, murid-murid yang terdiri daripada murid-murid sekolah kebangsaan yang belajar secara sambilan di sekolah petang ataupun pagi.

Bagi sekolah agama rakyat sepenuh masa yang tidak menerima tawaran kerajaan untuk menjadi sekolah bantuan kerajaan, kerajaan tidak ada cadangan untuk memberi sebarang bentuk bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Syed Ali mencadangkan supaya duti eksais ke atas rokok dinaikkan.....

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: [*Bangun*] Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan sedikit tentang bantuan SAR, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, tawaran telah dibuat oleh pihak kerajaan kepada sekolah-sekolah supaya masuk dalam sekolah bantuan kerajaan. Setakat ini berapa buah sekolahkah yang telah dibuat tawaran dan berapa sekolahkah yang telah menerima tawaran daripada pihak kerajaan persekutuan? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu angka sebenarnya tetapi kalau ikut pengalaman saya di Pulau Pinang dahulu, saya dahulu pernah jadi Yang Dipertua Majlis Agama Islam di Pulau Pinang dan memang ada 16 buah sekolah menengah agama *fulltime* yang jenis persendirian ini, yang ditawarkan, semua sekali. Maknanya di Pulau Pinang yang saya tahu semua sekali ditawarkan, sekolah menengah agama ini, ditawarkan supaya mereka menjadi sekolah bantuan kerajaan, tetapi cuma dua sahaja yang mahu terima. Yang lain ada alasan masing-masing, macam-macam alasan, tidak mahu terima tawaran kerajaan.

Bila dia jadi sekolah bantuan kerajaan, maka dia dapatlah, guru akan diberi gaji seperti guru-guru yang lain dan pelbagai lagi bantuan seperti yang sekolah lain dapat, tetapi mereka masih lagi enggan menerima, menjadi sekolah bantuan kebangsaan. Kalau ini gambaran yang berlaku di Pulau Pinang, saya yakin di negeri-negeri lain pun begitu jugalah, maknanya semua sekolah ditawarkan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat notis untuk memberi jawapan ini?

Dato' Dr. Hilmi Yahaya: Kalau Yang Berhormat hendak maklumat, saya akan dapatkan maklumat, dia ambil masa sedikitlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Dr. Hilmi Yahaya: Saya yakin memang begitulah keadaannya, gambaran di negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Syed Ali bangkitkan supaya, mencadangkan supaya duti eksais ke atas rokok dinaikkan sebanyak 200% hingga RM300% bagi tahun depan. Dia tidak merokok. Mencadangkan kedai 24 jam dipantau supaya tidak menjual minuman keras kepada remaja, dan mencadangkan harga minuman keras harus dinaikkan setinggi mungkin. Cadangan ini bolehlah diberi pertimbangan sewajarnya pada bajet tahun hadapan, tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim bercakap berkenaan dengan Skim Mikro Kredit. Beliau mendakwa bahawa kadar pinjaman yang kecil iaitu antara RM5,000 hingga RM10,000 mendedahkan kepada masalah salah guna sebagai pinjaman peribadi. Oleh itu beliau mencadangkan supaya kadar dinaikkan kepada RM50,000. Tuan Yang di-Pertua, kadar pinjaman Skim Mikro Kredit adalah antara RM5,000 hingga RM20,000, walau bagaimanapun, kadar jumlah pinjaman bukanlah penentu utama kepada timbulnya masalah penyalahgunaan pinjaman Skim Mikro Kredit sebagai pinjaman peribadi.

Penilaian pemberian pinjaman yang ketat dilakukan oleh bank-bank yang terlibat supaya pinjaman yang hendak diambil adalah sebenar-benar untuk tujuan perniagaan dan tidak disalahgunakan. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang menaikkan had maksimum pinjaman di bawah skim ini, ini kerana untuk jumlah pinjaman yang lebih besar terdapat skim-skim pinjaman lain yang lebih sesuai yang telah disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ikhwan seterusnya memandag serius terhadap masalah kelewatan bayaran kepada kontraktor kelas F dan mencadangkan supaya satu sistem bayaran yang berkesan diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mempercepatkan semua bayaran yang dilakukan dengan menggunakan sistem E-SPKB, bayaran melalui sistem elektronik, di mana bayaran dibuat secara elektronik, terus ke dalam akaun bank penerima.

Sekiranya maklumat yang disertakan adalah lengkap maka bayaran dapat dibuat dalam tempoh kurang daripada 30 hari. Dokumen yang sering gagal dihantar dengan sempurna ialah pengesahan projek telah siap oleh pegawai penguasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Boleh diteruskan, ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Ikhwan seperti maklumat yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Dato' Ikhwan tentang jumlah yang diperuntukkan bagi tabung mempromosi jenama Malaysia. Tabung tersebut jumlahnya ialah 200 tabung untuk mempromosi jenama Malaysia adalah sebanyak RM200 juta ringgit. Tabung ini bertujuan untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia mempromosikan jenama produk dan perkhidmatan Malaysia ke pasaran antarabangsa. Selain daripada itu, ianya juga turut membantu meningkatkan imej Malaysia sebagai negara pengeluar barangan yang berkualiti. Berhubung dengan koordinasi dengan Kementerian Pelancongan dalam mempromosikan jenama Malaysia di peringkat antarabangsa dalam sektor pelancongan, MATRADE sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan semasa melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi galakkan perdagangan seperti pameran produk Malaysia, seminar sempena dengan rombongan menggalakkan pelaburan dan perdagangan di luar negeri dan *promotional booth* di pameran antarabangsa. Melalui program-program ini MATRADE juga turut mengadakan promosi makanan Malaysia, pendemonstrasi makanan dan sebagainya bertujuan mempromosikan negara Malaysia.

Seterusnya Yang Berhormat Vijayaratnam juga telah menyentuh tentang bangunan MATRADE itu. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Jabatan Kerja Raya iaitu agensi yang menyelia projek bangunan MATRADE, tempoh penyiapan kerja-kerja pembaikan adalah 18 bulan, daripada keseluruhan peruntukkan tambahan sebanyak RM64 juta ringgit diterima. Bagaimana pun kerja-kerja penyediaan seperti pemasangan Scafe Holdings dan Mas Climber sedang dilaksanakan oleh pihak kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Vijayaratnam juga mempersoalkan mengapa kerajaan membeli peralatan pembedahan dari Germany dan UK sedangkan kos alat bedah dari Pakistan hanya 1/3 daripada kos alat dari Germany dan UK. Tuan Yang di-Pertua, pembelian peralatan pembedahan adalah berasaskan beberapa kriteria supaya peralatan tersebut telah benar-benar terbukti kualitinya dan menepati piawaian antarabangsa. Untuk menggunakan sesuatu peralatan pembedahan yang baru misalnya alat bedah dari Pakistan, kajian yang teliti perlu dilakukan terlebih dahulu untuk memastikan alat ini menepati kualiti dan piawaian yang telah ditetapkan.

Kajian ini dilakukan oleh Unit Gealth Technology Aassesment di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Vijayaratnam juga menyentuh tentang Jabatan Perkhidmatan Awam ingin tahu sama ada kerajaan menetapkan satu standard kriteria dalam pemberian biasiswa kepada pemohon-pemohon supaya keutamaan diberikan kepada keluarga yang tidak berkemampuan. Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan telah menetapkan kriteria untuk pemberian biasiswa. Pemberian biasiswa kerajaan adalah berdasarkan faktor-faktor berikut:

- (i) kecemerlangan akademik,
- (ii) kecemerlangan kokurikulum,
- (iii) prestasi semasa temu duga dan juga penempatan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Vijayaratnam bersama dengan Dato' Dr. Chin Fook Weng telah mencadangkan supaya kerajaan menjalankan pengeluaran ubat-ubatan oleh penguasa dalam negeri seperti yang dilaksanakan oleh beberapa negara seperti India dan ingin tahu sejauh mana kerajaan berusaha mengambil atau membeli ubat *generic* supaya kos ubat dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Oktober tahun 2004, terdapat 73 pengilang tempatan *pharmaceutical*, ubat racun dan juga bukan racun dan 126 pengilang ubat tradisional. 3,019 daripada 9,968 ubat racun yang berdaftar iaitu 30% adalah keluaran tempatan. 3,278 dari 7,398 ubat bukan racun yang berdaftar...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya mohon mengganggu Yang Berhormat sebentar. Saya ingin bertanya bila agaknya Yang Berhormat boleh ...

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Selesai?

Tuan Yang di-Pertua: Selesaikan ucapan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sedikit lagi dalam ½ jam lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Setengah jam ya?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: 25 minit? Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sebab kita ada usul selepas ini dan saya jangkakan mungkin Yang Berhormat Menteri Luar menunggu untuk membentangkan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya cepatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, saya mohon maaf kerana mengganggu Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya sambung lagi. Berkenaan dengan racun tadi sejumlah RM3,278 dari RM7,398 ubat bukan racun yang mendaftar iaitu 44.3% adalah keluaran tempatan dan RM7,767 dari RM12975 ubat tradisional yang berdaftar iaitu 60% adalah keluaran tempatan. Negara yang mengimport ubat-ubat dari 54 negara termasuk dari India setelah produk dinilai selamat, berkesan dan berkualiti.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah mendaftar 277 keluaran racun, 58 keluaran bukan racun dan 153 keluaran tradisional dari India. Kementerian Kesihatan sentiasa memberi keutamaan kepada pemilihan ubat *generic* dalam kontrak-kontraknya. Pertukaran kepada ubat *generic* dilakukan sekiranya ada tawaran ubat *generic* diterima setiap kali tender baru dipanggil sejak tahun 2000 Tuan Yang di-Pertua.

Selanjutnya Dato' Karim Ghani menjalankan supaya kerajaan melaksanakan kerja lima hari seminggu dengan menambah jumlah jam kerja untuk setiap hari. Setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan kerja lima hari seminggu. Walau bagaimanapun, jabatan-jabatan awam sedang mengkaji cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Karim Ghani juga seterusnya ingin tahu sama ada terdapat universiti perubatan yang diiktiraf oleh Malaysia dari negara Asia Tenggara. Tuan Yang di-Pertua, universiti-universiti di luar negara perlu mengemukakan permohonan untuk mendapatkan pengiktirafan kerajaan Malaysia terhadap kursus-kursus yang ditawarkan. Seterusnya, satu rombongan pengiktirafan akan mengadakan lawatan ke universiti-universiti berkenaan untuk melihat perkara-perkara berikut perkara-perkara berikut;

- a) *general characteristics* dengan izin
- b) *teaching academic staff*
- c) *educational programme*
- d) *facilities*
- e) *management system*

Laporan pengiktirafan akan dibentangkan dalam pertimbangan mesyuarat jawatankuasa tetap penilaian dan pengiktirafan kelayakan yang dipengerusikan oleh

Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi. Setakat ini negara-negara di Asia, negara yang diiktiraf oleh universiti-universitinya adalah Indonesia, Myanmar dan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya Yang Berhormat Dato' Rashid Ngah mengenai pemindahan pengundi-pengundi tanpa pengetahuan pengundi. Untuk makluman Yang Berhormat sistem pendaftaran pemilih di sepanjang tahun yang diperkenalkan pada 6 Julai 2002 telah menetapkan bahawa pemilih baru yang ingin mendaftar dan untuk bertukar alamat disyaratkan hadir sendiri dan menggunakan alamat yang tertera di dalam kad pengenalan ataupun MyKad. Soal perpindahan pengundi tanpa pengetahuan tidak akan berbangkit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Ismail Kassim meminta supaya kerajaan dan juga supaya Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dan Kementerian Pertahanan supaya mengkaji semula struktur pengurusan Kementerian Khidmat Negara. Untuk makluman Yang Berhormat struktur pengurusan Kem-kem Khidmat Negara telah disusun semula oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara di mana Jawatan Komandan Kem di lantik daripada kalangan pegawai tentera berpangkat Leftenan Kolonel dan Major. Komandan Kementerian Khidmat Negara akan bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara. Semasa PLKN Siri 1,2 dan 3 yang lalu, pengurusan Kem Khidmat Negara yang diletakkan di bawah pentadbiran Komandan Kem yang dilantik oleh syarikat swasta ialah iaitu Syarikat Institut Kemahiran Wawasan (IKM) telah menimbulkan banyak masalah dalam pengurusan dan pentadbiran Kem Khidmat Negara yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ismail Kassim seterusnya mencadangkan kepada Kementerian Pertahanan agar kadar bayaran kepada operator Kem Khidmat Negara dikekalkan kepada kadar RM46 ringgit sehari. Untuk makluman Yang Berhormat, memang benar kadar sewaan Kem Khidmat Negara telah dikurangkan daripada RM46 ringgit kepada RM41 ringgit, iaitu kadar bagi sewaan di kem-kem di Semenanjung manakala kadar sewa kem di Sabah dan Sarawak juga telah diturunkan dari RM61 ringgit kepada RM54.30 sen. Walau bagaimana pun untuk makluman Yang Berhormat, walaupun kadar sewaan berkenaan telah diturunkan Kementerian Pertahanan telah melanjutkan tempoh sewaan dengan operator-operator kem daripada satu bulan kepada tiga bulan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi mendakwa tempoh yang panjang selepas penamaan calon untuk menarik penamaan calon boleh

mewujudkan unsur-unsur rasuah. Ini adalah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut peraturan-peraturan perjalanan pilihan raya perjalanan pilihan raya yang ke-81, calon-calon dibenarkan menarik diri dalam tempoh 3 hari selepas hari penamaan calon. Peraturan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada calon untuk membuat keputusan yang tepat sama ada mereka yang berupaya untuk bertanding atau pun sebaliknya. Adainya bahawa tempoh masa tersebut memberi peluang dan ruang wujudnya amalan-amalan tidak sihat seperti rasuah adalah tidak benar dan merupakan satu tanggapan sesetengah pihak yang melihat dari sudut negatif sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya mewakili sesi pada malam ini, ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (Pindaan) 2004 ini. Banyak isu-isu yang telah disentuh ketika sesi perbahasan seperti pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara, Pengurusan Pilihan Raya Kesebelas, Isu pendidikan, kesihatan dan kewangan.

Insyallah semua pandangan, teguran serta cadangan yang telah dikemukakan ketika sesi perbahasan sepanjang tiga hari ini akan diberi perhatian oleh agensi-agensi yang berkenaan. Teguran dan cadangan ikhlas daripada semua Ahli Yang Berhormat akan dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepada rakyat Malaysia. Akhir sekali saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai yang telah membantu memberi maklumat terhadap persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Sebelum itu suka saya sebut bahawa lebih tinggi budi pekerti jika apabila kita bangkitkan persoalan kita hadir apabila jawapan diberi oleh rakan seperjuangan.

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu disetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL YANG BERHORMAT MENTERI LUAR NEGERI DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 26(3)

Konflik Israel-Palestin

11.45 tgh.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Selamat Pagi. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 26(3) Dewan Negara, saya mohon mencadangkan satu Usul seperti berikut:

BAHAWA, Dewan ini mengambil maklum mengenai isu situasi konflik di Palestin setelah kembalinya ke rahmatullah Presidennya iaitu Yasser Arafat;

BAHAWA, Dewan ini menekankan kembalinya ke rahmatullah Yasser Arafat dilihat sebagai suatu kerugian besar dalam sejarah Asia Barat. Isu konflik antara Palestin dan Israel telah terlalu lama menjadi sebat

dengan hal ehwal antarabangsa manakala nama Yasser Arafat telah sinonim dengan perjuangan rakyat Palestin; dan

BAHAWA, Malaysia kini diberi tanggungjawab yang penting selaku Pengerusi Sidang Kemuncak OIC dan NAM untuk terus membantu mencari penyelesaian kepada konflik tersebut bagi mencapai keamanan di Timur Tengah. Oleh itu, Parlimen Malaysia perlu berada di hadapan Parlimen-parlimen masyarakat sedunia yang lain untuk menerajui perjuangan rakyat Palestin yang semakin ditindas oleh Israel mendapat hak kebebasan.

DENGAN INI mengambil ketetapan seperti berikut:

- (1) menggesa semua pihak menyokong hak rakyat Palestin untuk menubuhkan Negara Palestin yang berdaulat dan merdeka serta menyokong pemimpin baru yang dilantik selepas 9hb Januari 2005;
- (2) mengutuk dan mengecam dengan lebih tegas dan sekeras-kerasnya tindakan ketenteraan Israel yang terus menindas dan membunuh rakyat Palestin yang tidak berdosa serta merobohkan rumah-rumah kediaman mereka; dan
- (3) mendesak ahli Quartet (iaitu Amerika Syarikat, Rusia, Kesatuan Eropah dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) untuk mengambil langkah seterusnya untuk memastikan Pelan Damai dibawa segera ke landasan yang sebenar dan memastikan Israel dihalang daripada mengeksploitasi situasi di Palestin selepas kembalinya Allahyarham Yasser Arafat ke rahmatullah.

Tuan Yang di-Pertua, konflik Israel Palestin merupakan satu isu yang telah sentiasa dibangkitkan di dalam forum serantau dan antarabangsa. Setelah lebih 34 tahun ianya didebatkan di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu, masih tidak ada penyelesaiannya. Segala usaha yang dibuat yang dibuat setakat ini gagal mencapai keputusan yang diharapkan oleh kerana kedegilan dan keengganan Israel untuk mendengar, untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya kepada masyarakat antarabangsa dan untuk mereka mematuhi kehendak dan kemahuan masyarakat antarabangsa selaras dengan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu serta undang-undang antarabangsa, normanya dan nilainya.

Israel masih menggunakan kekuatan ketenteraan yang melampaui batas bagi melakukan kezaliman dan membunuh rakyat Palestin. Harta benda dan rumah kediaman rakyat Palestin juga menjadi mangsa dan dimusnahkan. Ini telah

mendatangkan kesusahan dan kesengsaraan kepada seluruh penduduk Palestin. Tidak ada tanda-tanda yang tindakan mereka ini akan reda atau keadaan akan menjadi lebih baik. Kita perlu terus mengecam, mengutuk dengan sekeras-kerasnya tindakan Israel ke atas Palestin. Keganasan dan penyeksaan ke atas rakyat Palestin mesti dihentikan kerana bertentangan dengan norma dan prinsip undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia. Pada hari ini, ia bukan soal keagamaan, bukan soal kaum tetapi ianya adalah soal hak asasi, soal wilayah, soal keadilan, soal untuk mencari keadilan bagi rakyat Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, bila Presiden Arafat kembali ke rahmatullah pada 11 November lalu, ia merupakan satu kerugian yang besar kepada rakyat Palestin dan rantau Timur Tengah. Beliau merupakan simbol kepada perjuangan rakyat Palestin bagi mempertahankan hak mereka. Pemergian beliau telah membuka lembaran yang baru di dalam sejarah Palestin.

Kita berharap dengan terbentuknya kepimpinan baru selepas pilihan raya Presiden pada 9 Januari 2005, rakyat Palestin akan terus bersatu padu dan akan terus membuka ruang mereka untuk mencapai keamanan dan kesejahteraan bagi melahirkan satu penghidupan yang aman, selamat dan bahagia. Tidak wajar kita berdiam diri dan melihat dengan berpeluk tubuh di atas segala kezaliman dan penindasan yang dilakukan di bumi Palestin.

Perjuangan rakyat Palestin adalah satu perjuangan yang luhur untuk mencari keadilan dan memberikan mereka hak asasi yang sepatutnya. Oleh itu, Malaysia selaku Pengerusi Sidang Kemuncak OIC dan NAM turut memperjuangkan dan memainkan peranan bagi sentiasa membawa suara Palestin di semua peringkat forum-forum antarabangsa dan di persidangan-Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu atau Persidangan Rantau bagi menentukan bahawa perjuangan rakyat Palestin akan terus menjadi relevan, akan terus dihayati dan didengari oleh masyarakat antarabangsa untuk satu hari kelak insya-Allah, sebuah negara Palestin yang berdaulat, bebas akan terbentuk. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sokongan Yang Berhormat?

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan Negara memberi titik berat terhadap Usul ini, menghormati kedudukan negara sebagai Pengerusi OIC demi maruah negara. Prinsip-prinsip yang didukung ialah prinsip-prinsip sejagat, bukan berdasarkan keagamaan atau lain-lain pertimbangan yang sempit. Maka, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri di bawah Peraturan Mesyuarat 26(3) itu tadi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

11.52 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat berbesar hati, berdiri di sini untuk menyokong Usul yang telah dibentangkan sebentar tadi. Bagi saya, masalah yang dihadapi oleh rakyat Palestin itu sentiasa menjadi satu perkara yang berada di hati semua rakyat Malaysia. Kita selalu mengikut perkembangan di rantau ini dan harapan kita sebagai sebuah negara yang selalu mengamalkan dasar-dasar aman dan damai dan berkecuali, maka kita selalu mengambil berat tentang isu-isu yang telah terjadi di tempat ini. Sekarang, sebagai Pengerusi OIC dan NAM, maka tanggungjawab kita adalah lebih berat.

Saya menyokong dengan penuh usaha Kementerian Luar Negeri itu untuk membawa isu ini ke Dewan yang mulia ini. Setahu saya, apabila isu ini dibentangkan atau Usul ini dibentangkan di Dewan Rakyat, maka semua Ahli-ahli Yang Berhormat itu memberi sokongan sepenuh-penuhnya dan sebenarnya di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, kita juga harus memberi sokongan sepenuh-penuhnya. Ada beberapa seruan yang telah dibuat dalam Usul ini. Setelah saya membaca semua itu, maka saya dapati apa yang diminta itu adalah berpatutan dan itu patut disokong oleh dunia Tuan Yang di-Pertua, kerana apa yang kita minta ialah keadilan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau dunia menghayati prinsip-prinsip yang kita dukung sebagai sebuah negara berbilang kaum, apakah masyarakat antarabangsa akan jadi lebih aman damai dan lebih gemilang? Kalau dunia ikut Malaysialah, apakah dunia akan jadi lebih gemilang?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tentulah Tuan Yang di-Pertua. Tetapi, oleh kerana agenda negara-negara sendiri, maka mungkin sukar bagi mereka berbuat demikian. Dan ini adalah satu daripada perkara yang kita sentiasa mesti mengatasi. Kalau kita menunjuk teladan kita sebagai satu negara di mana semua rakyat tidak kira

keturunan, tidak kira warna kulit, tidak kira kebolehan, semua boleh hidup dalam suasana damai dan bahagia, maka ini adalah satu petunjuk yang baik kepada dunia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menghadiri persidangan-persidangan antarabangsa, kita mendengar cerita baik tentang keadaan dan banyak juga orang datang ke sini untuk mengkaji keadaan di Malaysia dan itu adalah satu kekuatan bagi kita. Jadi, apabila kita ada satu latar belakang sedemikian Tuan Yang di-Pertua, kita dapat memainkan peranan kita di dalam arena antarabangsa. Baru-baru ini apabila kita menjadi Pengerusi OIC, Pengerusi NAM, Pengerusi ASEAN, maka itu menunjukkan bahawa kita telah diberi pengiktirafan untuk memimpin rakyat kita dan juga rantau ini di arena antarabangsa. Ini bagi saya sebagai seorang rakyat Malaysia, adalah satu kebanggaan. Apabila saya menghadiri mana-mana seminar, persidangan di mana-mana negara, sebagai seorang rakyat Malaysia, saya rasa bangga kerana kita ada satu latar belakang yang kuat. Kita kata, kita ada *diversity* di Malaysia ini tetapi itu adalah satu kekuatan kerana.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah Yang Berhormat hairan kalau kita yang pelbagai ini boleh "*berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah*" di antara satu sama lain? Kalau kita boleh aturkan apakah susahnya pihak Yahudi menerima supaya orang-orang Arab Palestin "*berdiri sama tinggi, duduk sama rendah*" dan hidup dalam keadaan sama seperti kita.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, di tiap-tiap tempatlah juga, ada pihak-pihak terlampau. Itu adalah satu kesusahan. Setahu saya, di Israel juga ada penduduk-penduduk yang menyokong isu Palestin ini. Mereka benar-benar menyokong dan pagi ini semasa saya datang ke Dewan yang mulia ini, saya dengar dalam berita bahawa Amerika Syarikat telah bersetuju memberi bantuan kewangan untuk menguruskan pilihan raya Presiden Palestin dan amaun yang diumumkan itu termasuk amaun untuk menjalankan pilihan raya, amaun untuk menyediakan peralatan dan juga amaun untuk menghantar pemerhati-pemerhati ke tempat ini untuk memerhati urusan Pilihan Raya Presiden itu. Bagi saya, ini menunjukkan bahawa dalam keadaan yang begitu rumit ini, masih ada kesedaran bahawa isu ini harus diselesaikan.

Saya harap dalam satu, dua hari selepas ini, banyak lagi negara akan menyatakan kesanggupan mereka untuk membantu dalam proses ini termasuk Israel

Tuan Yang di-Pertua, kalau itu boleh berlaku, maka pada saya kita sudah mencapai satu *milestone* dalam isu ini..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sebagai seorang berlatarbelakangkan ilmiah dari universiti itu dahulu, pada pertimbangan Yang Berhormat, apa yang membuatkan perkara ini begitu susah hendak diselesaikan, adakah ianya agama, sebab bangsa atau sebab ideologi politik.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, isu semacam ini adalah sama dengan isu yang telah menghadapi *Indian subcontinent* Tuan Yang di-Pertua, iaitu isu Kashmir. Satu ketika dulu, selepas British itu meninggalkan beberapa tempat mereka, maka ada isu-isu lama yang tidak dapat diselesaikan. Mungkin ada yang berkaitan dengan Islam, *Hinduisme*, Kristianiti dan sebagainya. Tetapi kalau kita lihat di negara-negara itu, di India sendiri maka ramailah penduduknya ialah beragama Islam, bukan satu golongan yang kecil sahaja Tuan Yang di-Pertua, tetapi sebenarnya ramai bilangan penduduknya yang beragama Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Maka yang menjadi..

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Jadi bagi saya itu tidak menjadi isu, tetapi ada isu-isu lain yang dipermainkan oleh pihak-pihak pelampau yang mengakibatkan sesuatu perkara yang senang itu tidak dapat diselesaikan. Saya lihat usaha Malaysia setakat ini untuk menyelesaikan isu di Selatan Thailand, tetapi lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita ke Thailand juga kena di tangguh kerana ini tidak dapat diselesaikan. Kelmarin saya juga bertanya tentang Myanmar Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini dan Timbalan Menteri sendiri hadir untuk menjawab soalan saya. Tetapi oleh kerana keengganan mungkin negara tersebut untuk menyelesaikan isu ini ke suatu tahap kepuasan kita dan juga negara-negara lain, maka perkara itu sudah menjadi rumit. Di sini juga semasa Allahyarham Yasser Arafat masih hidup, maka ada satu peluang yang baik, semasa Presiden Bill Clinton itu menjadi Presiden Amerika Syarikat, ada suatu peluang yang baik untuk menyelesaikan perkara ini dan kalau kita membaca memo Presiden Bill Clinton itu ada menyatakan latar belakang tentang isu ini dan satu peluang yang terbaik itu sudah terlepas, oleh kerana masih ada syak wasangka kerana keadaan yang begitu rumit pada ketika itu.

Sekarang kita melihat keadaan sudah berubah dan sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, maka pihak Palestin dan pihak Israel telah mula membincang sungguhpun dalam keadaan yang sulit dan rahsia tetapi proses itu sudah bermula. Jadi bagi saya,

isu ini harus dilihat sebagai suatu isu yang melibatkan segolongan manusia yang menghadapi masalah, bukan dilihat dari segi agama ataupun keturunan dan sebagainya, itu tidak harus berlaku, kerana rakyat ini memerlukan bantuan dan sebagai seorang manusia, kita ada prinsip-prinsip yang dapat diperkenalkan ke tempat ini. Jadi kita berpeluang sebagai Pengerusi Badan-badan OIC, NAM dan sebagainya untuk membantu dalam proses ini..

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengikuti penghujahan Yang Berhormat dengan penuh minat, bermakna adakah Yang Berhormat hendak mengketengahkan bahawa penghalang terbesar ialah ideologi politik, mungkin kefahaman Zionis, Zionisme dan percaturan kuasa besar yang menjadi penghalang utama, sedangkan cubaan-cubaan mereka seperti Allahyarham Anwar Sadat dan Ishak Rabin sekali pun telah terkorban kerana menjadi korban kepada percaturan tersebut. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, tentulah itu menjadi juga faktor-faktor, tetapi sama ada itu adalah faktor-faktor utama ataupun faktor sampingan dan sebagainya itu kita kena mengkaji keadaan. Ada beberapa isu yang mungkin sukar bagi mereka menyelesaikan buat sementara waktu sebagai contoh, isu Jerusalem. Isu Jerusalem pun merupakan suatu isu yang sangat rumit kerana ada banyak tuntutan dan suatu isu yang timbul semasa Allahyarham Yasser Arafat itu masih hidup ialah selepas pemergian beliau itu, ke manakah mayat itu akan disimpan, itu juga menjadi suatu isu yang memecahkan perpaduan rakyat di tempat ini.

Jadi satu perkara yang mungkin menjadi rumit tetapi mungkin Malaysia dapat memainkan peranan, saya tidak tahu sama ada kita bersedia atau kita boleh, saya tidak tahu tetapi bagi saya semasa saya mendengar berita pada pagi ini, saya mendengar pencabar-pencabar calon untuk Presidens itu masih enggan menarik diri supaya pihak rakyat Palestin menunjukkan kekuatan mereka, perpaduan mereka, dengan mengadakan calon yang tidak akan memecahbelahkan rakyat mereka dalam usaha mereka melantik atau memilih Presiden baru. Kalau mereka dapat berbuat demikian, maka bagi saya di arena antarabangsa suara dari Palestin itu

Datuk Haji Karim Ghani: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bangun, kalau Yang Berhormat bangun sahaja, tidak bunyi apa-apa, orang tidak dapat perhatian, mungkin sebutkan Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan.

Datuk Haji Karim Ghani: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua saya minta laluan sedikit sahaja hendak bertanya, minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Chin mengatakan, Amerika sudah sedia membantu untuk memberi kewangan supaya diadakan pilihan raya. Tidakkah kita terfikir bahawa bantuan ini adalah sebenarnya sokong untuk membawa rebah, kerana Amerika tahu dengan adanya pilihan raya ini Palestin sendiri akan lebih berpecah, kerana ada golongan yang mahu mengadakan pemilihan untuk berpecah, bukan untuk bersatu supaya membolehkan negara-negara luar membolehkan Israel tidak lagi mempunyai alasan kenapa tidak mahu berbincang dengan kepimpinan Palestin, kerana mengatakan kalau berbincang dengan Presiden ini ada faktor yang lain yang tidak setuju tidak guna kita berbincang kerana perbincangan tidak mendatangkan hasil. Jadi, adakah atau tidak terbayang bahawa wang atau bantuan yang diberikan ini untuk mendedahkan supaya kita ini berpecah di Palestin. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya itu tidak, kerana rakyat Palestin itu mengikut dan mendaulatkan Perlembagaan mereka, mereka dalam Perlembagaannya telah menyatakan dalam tempoh 60 hari selepas pemergian Presiden itu, maka kena ada pilihan raya untuk memilih Presiden yang baru. Itu adalah suatu proses yang kena diadakan, bukan seperti di Iraq Tuan Yang di-Pertua, di Iraq kita masih bimbang sama ada di bulan Januari ini mereka dapat mengadakan pilihan raya atau tidak, itu masih menjadi suatu pertanyaan, tetapi di Palestin tidak, dalam tempoh 60 hari mereka mesti mengadakan perlantikan ...

Dato' Omar bin Faudzar: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang lagi yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi, tetapi cuma yang saya hendak mempertikaikan di sini ialah, apabila wang yang begitu banyak dikeluarkan daripada Amerika untuk membantu pilihan raya di Palestin. Yang kita takut ialah calon-calon yang hendak bertanding sebagai Presiden parti. Jadi, mungkin calon-calon yang hendak bertanding ini adalah calon-calon yang memihak kepada Bush, kepada pihak-pihak Yahudi.

Jadi, kalau sekiranya calon-calon yang memihak kepada Yahudi ini menang, adakah masalah di Palestin dapat diselesaikan, sebab yang menentang sekarang bukan calon, yang menentang sekarang ialah rakyat, rakyat Palestin sendiri yang menentang kerana mahukan hak mereka, ini berlaku di setiap negara mana pun

sekiranya ada *interruption* ataupun terlibat negara-negara seperti Amerika dan Israel, maka kita tahu ada calon-calon yang disogok untuk bertanding untuk memihak kepada Yahudi, apa boleh buat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana itulah saya ada juga rayuan supaya rakyat Palestin itu bersatu padu untuk menghadapi isu ini. Mereka mesti menunjukkan perpaduan ...

Tuan Yang di-Pertua: Bersatu padu itu macam mana Yang Berhormat, macam kalau Malaysia berjaya kerana Melayu terima Cina, dan Cina India terima Melayu dan lain-lain dan sebagainya, adakah bersatu padu macam itu, macam Malaysia?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bersatu padu, maka kita sudah wujud kekuatan *because unity is strength*, kita ada perkataan bahasa Cina, [*bercakap dalam bahasa Cina*] Tuan Yang di-Pertua, faham apa yang saya cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun dengan izin, Dewan Negara Malaysia masih terima [*bertutur dalam bahasa Cina*] [*Tepuk*].

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya kita semua orang satu hati, semua orang satu isi [*bercakap dalam bahasa Cina*] satu hati. Itu menunjukkan bahawa di Malaysia semua rakyat tidak kira keturunan, tidak kira warna tetapi kita memikir sebagai suatu keluarga. Jadi, itu dibayangkan dalam bahasa Inggeris *unity is strength*. Jadi kita mesti ada perpaduan, supaya perpaduan menjadi kekuatan. Tetapi...

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih. Kalau tadi, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin telah mengungkapkan satu perkataan, dalam bahasa Tionghua, dalam bahasa Melayu juga kita ada, 'bersatu itu teguh, bercerai itu runtuh.'

Maka itu bersatulah kita pada hari ini untuk menyatakan bahawa rasa tanggungjawab sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, untuk menentukan dan memberikan semangat yang jitu kepada perjuangan rakyat Palestin yang telah ditindas selama ini. Kita tahu telah melihat dan kita sedar bahawa mereka tidak mempunyai kekuatan untuk menegakkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat setelah berpuluh tahun perjuangannya sehinggalah Presiden Yasser Arafat

yang kita lihat hari ini telah pun pergi tidak sampai masanya dapat memperjuangkan nasib rakyatnya.

Mari kita sama-sama menangis, menangis bererti bukan kerana kita sedih, tetapi menangis di atas nasib yang menimpa rakyat Palestin yang selama ini sama perjuangannya dengan rakyat Malaysia sebelumnya, kita juga pernah memperjuangkan negara ini untuk dibebaskan daripada penjajah-penjajah lebih 400 tahun lamanya, dari penjajah Belanda, penjajah Portugis, Jepun, British dan akhirnya komunis.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya tidak sampuk, saya yakin Yang Berhormat boleh teruskan lama lagi. Tetapi Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng sedang menunggu untuk ambil balik giliran beliau.

Datuk Jins Shamsudin: *[Ketawa]* Kalau saya diizinkan., sedikit sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia beri laluan sebentar, tetapi jangan lama sangat.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya merasa begitu terharu apabila usul ini dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar di mana kita semua rasanya begitu tersentuh di atas perjuangan Palestin ini dan untuk memberikan kembali kepada Dato' Dr. Chin Fook Weng, maka saya dengan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat akan berpeluang untuk berucap dengan panjang lebar lagi.

Datuk Jins Shamsudin: Boleh, terima kasih banyak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju bahawa apa yang harus kita buat dalam perkara ini ialah merayu kepada semua pihak yang terlibat itu supaya bertolak ansur dan melihat ini sebagai suatu peluang untuk menyelesaikan satu isu yang bukan sahaja sudah kian lama tetapi sudah menjadi satu tragedi yang sudah besar kerana kalau kita kira berapa nyawa telah terkorban dalam isu ini, berapa harta telah musnah dalam perkara ini.

Oleh kerana itu, maka kita tidak boleh memanjangkan lagi isu ini dan sekarang adalah satu peluang yang baik. Oleh kerana ini saya amat menyokong usul ini kerana usul ini menunjukkan kebimbangan kita dan juga menunjukkan pengalaman kita sebagai sebuah negara yang sudah menghadapi.....

Tuan Yang di-Pertua: Sudah melalui.

Dato' Dr. Chin Fook Weng:sudah melalui.....

Tuan Yang di-Pertua: Ranjau dan liku tersebut.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Betul, dan telah mengikut apa yang telah berlaku dan dengan pengalaman itu sekarang kita mahu berkongsi pengalaman dengan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta rakyat Palestin supaya bersatu padu dalam menghadapi isu ini. Saya juga merayu kepada tiga calon utama itu daripada seksyen fata itu supaya bersatu padu, bertolak ansur dan kalau boleh hanya namakan seorang sebagai calon untuk Presiden.

Tuan Yang di-Pertua: Macam Barisan Nasional.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, macam Barisan Nasional kerana kita ada 14 rakan yang bersatu padu sama pendapat, sama pemikiran dan ada satu misi dan visi yang sama. Itu adalah penting dan kalau semua pihak itu boleh juga iktiraf perkara ini, maka kita boleh selesaikan ini. Jadi saya minta supaya semua pihak jangan kehilangan lagi peluang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain? Tidak, saya cuma bertanya boleh Yang Berhormat beri peluang.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, sila teruskan tetapi saya cuma memperingatkan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, ya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya.....

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Saya tertarik dengan perbahasan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan begitu juga dengan pandangan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani dan rakan-rakan yang lain. Kalau kita mendengar daripada hujah Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, *this is an ideal situation*, maknanya seperti apa yang berlaku di Malaysia.

Tetapi malangnya ini di Palestin dan masalah ini sudah berlarutan berpuluh-puluh tahun dan kita begitu bersimpati kerana sungguhpun ini adalah peluang keemasan. Saya berpendapat mereka tidak nampak peluang keemasan ini, kerana selama ini mereka hanya membela diri kerana diancam. Mereka sudah tidak ada

struktur politik seperti apa yang kita ada. Kita ada ketua bahagian, kita ada ketua cawangan, apa –apa permasalahan, mencari kepimpinan kita boleh turun ke akar umbi hendak beri penjelasan ini, yang ini tidak ada.

Sekarang ini saya juga mempersoalkan kenapa Amerika sanggup mengeluarkan duit begitu punya jumlah. Apa kepentingan di sebalik ini? Kita curiga adakah ini juga hanya untuk membeli kepimpinan. Siapa pula yang ditanam dan adakah rakyat tahu siapa yang ditanam itu akan membawa kebaikan ataupun kemusnahan yang berterusan. Ini saya hendak bertanya apa pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dalam hal ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, senang sahaja. Kenapa OIC dan NAM yang memimpin satu golongan yang begitu besar di arena antarabangsa itu tidak juga mengumumkan bahawa pihak ini juga akan memberi bantuan. Dunia Arab begitu kaya dan sebagainya kenapa mereka tidak boleh mengeluarkan ataupun menghulurkan bantuan ini kepada pihak ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Yang Berhormat mahukan OIC dan NAM bersaing dengan Amerika tawar untuk membiayainya.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, kita boleh tawar lebih daripada apa yang ditawarkan oleh pihak ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai Pengerusi OIC dan NAM boleh menyediakan satu pasukan pemerhati ke rantau ini untuk melihat bahawa proses pemilihan Presiden itu dijalankan dengan baik dan kita tidak mahu isu yang berlaku di Ukraine itu nanti berlaku di Palestin. Kalau itu berlaku maka bagaimana suara rakyat Palestin itu, bolehkah kita semua terima suara itu memandangkan kita juga tidak tahu siapa yang ada suara kuat dan siapa yang tidak kuat.

Tetapi kalau mereka menunjukkan perpaduan dan menyelesaikan perkara ini dengan cepat, sebagai *mandate* yang diberikan kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya umum kesebelas ini, *mandate* yang diberi kepada Barisan Nasional begitu kuat sehingga tiap-tiap ahli di sini kata kita ada *mandate* yang kuat. Perdana Menteri kata kita ada *mandate* yang kuat dan kita boleh melakukan.....

Dato' Omar bin Faudzar: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan, minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng:perkara-perkara yang penting bagi negara kita.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya ingin bertanya sedikit, apabila seorang pemimpin itu telah mendapat mandat daripada rakyat, adakah isu Palestin akan selesai sebab Yasser Arafat juga telah mendapat mandat daripada rakyat tetapi sehingga ke hari ini isu Palestin masih belum selesai. Kalau kita tengok dari sejarah, setiap kali ada pilihan raya.....

Tuan Yang di-Pertua: Maksud Yang Berhormat itu jelas ya. Maksudnya jelas bahawa kalau pun pemimpin memperolehi mandat adakah ini akan selesai.

Dato' Omar bin Faudzar: Isu Palestin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sebelum Yang Berhormat menjawab, saya memohon, saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri Luar selaku pembentang usul ingin bercadang untuk menjawab sebelum pukul 1.00 ataupun selepas pukul 2.30 petang.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, tertakluk kepada prosedur. Kalau saya boleh menjawab selepas perbahasan, saya akan jawab, tetapi kalau akan ditangguhkan sampai 2.30 petang, saya akan jawab pada pukul 2.30 petang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menghormati prosedur dan Dewan. [*Tepuk*] Sila teruskan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana begitu mengambil berat tentang isu ini sehingga berada dengan kita sepanjang hari ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan mengambil berat terhadap isu sahaja Yang Berhormat, mengambil berat terhadap Dewan dan kita.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, ya dan juga isu ini, kerana isu ini adalah satu isu antarabangsa. Kita tidak boleh katakan Tuan Yang di-Pertua apabila kita dapat mandat yang kuat itu maka isu itu tidak boleh selesai. Kita sudah mula dengan menghapuskan rasuah di negara kita, dengan mandat yang kuat itu Perdana Menteri kata kita boleh mengatasi. Kita harus melihat ini sebagai suatu peluang keemasan Tuan Yang di-Pertua.

Saya minta supaya pihak Palestin ini juga membolehkan proses itu supaya mereka ada banyak rakan di arena dunia termasuk kita sebagai satu rakan. Kita mahu melihat satu penyelesaian. Jadi janganlah kita kehilangan peluang ini lagi. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sekali lagi kebanggaan saya terhadap isu ini

dan saya amat menghargai peranan Malaysia untuk menyelesaikan perkara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Hassan bin Haji Shukri. Kita dengar pula satu lagi perspektif.

12.27 tgh.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Pertama saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Luar yang telah membentangkan suatu usul berkaitan dengan Palestin di Dewan yang mulia ini. Mudah-mudahan dengan usul yang dibentangkan ini akan menimbulkan keinsafan dan kesedaran kepada kita semua.

Oleh kerana kedudukan ataupun masalah Palestin ini adalah satu masalah berlarutan, saya ingin menggambarkan terlebih dahulu tentang suasana dan keadaan dan kumpulan-kumpulan yang ada di Palestin ini. Seperti yang sama-sama kita maklum, Yasser Arafat memimpin suatu gerakan perjuangan rakyat Palestin sejak sekian lama sehinggalah beliau dipilih sebagai Presiden Palestin mengikut Perlembagaan Palestin itu sendiri. Tetapi untuk menyelesaikan masalah, saya bersetuju dengan sesetengah pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan mungkin ada perkara-perkara yang boleh saya tambah ataupun saya pertikaikan terhadap pandangan yang disebutkan tadi. Mempertikaikan pandangan beliau itu bukanlah bermaksud kita tidak bersatu untuk menentang keganasan Israel di Palestin.

Saya kira semua manusia yang mempunyai rasa keinsafan dan rasa kemanusiaan tidak akan mampu untuk melihat keganasan yang dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin sekarang ini. Kita sering mendengar, malah saya sering ditemui oleh pelbagai pihak pemimpin-pemimpin dari golongan-golongan yang berada di Palestin itu. Kadang-kadang mereka datang ke rumah saya dan saya juga pernah bertemu dengan mereka ini di Jordan dan kesemua mereka memang meminta sokongan daripada seluruh dunia. Bukan sahaja negara Islam ataupun negara-negara OIC, NAM dan sebagainya tetapi mereka memang memohon sokongan dan bantuan supaya masalah Palestin itu dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tadi ada peringatan dan Yang Berhormat juga, ia bukan isu agama, tetapi saya melihat bahawa oleh kerana ada kaitan dan di Palestin itu bukan sahaja orang Islam, di Palestin itu terdapat orang-orang yang menganut agama Yahudi, orang-orang yang menganut agama Kristian dan juga yang menganut agama Islam dan mungkin juga ada orang-orang yang tidak beragama langsung. Saya katakan tidak percaya kepada agama langsung ini kerana di sana ada golongan yang mendukung fahaman komunisme.

Maka, dengan sebab itulah untuk memahami persoalan di Palestin ini, kita melihat misalnya Yasser Arafat, ada sayapnya yang dipergunakan juga untuk menentang keganasan Israel ini kerana Israel menggunakan senjata, maka sayap yang digunakan oleh Yasser Arafat ialah Al-Fatah namanya. Al-Fatah ini suatu gerakan yang mempunyai senjata, yang memang digunakan untuk menghadapi sebarang apa jua cabaran yang dilakukan oleh Israel terhadap Palestin. Selain daripada itu di hadapan kita juga ada gerakan yang lain.

Gerakan ini timbul ialah kerana mereka tidak mahu membiarkan selamalamanya rakyat Palestin itu ditindas, dizalimi dan kezaliman yang dilakukan oleh Israel itu adalah suatu kezaliman yang di luar keperimanasiaan. Memang, saya ingin menggambarkan suatu ayat yang disebutkan di dalam Al-Quran, ini saya orang Islam, Tuhan mengingatkan kepada kita, [*Membaca sepotong ayat al-Quranul karim*] yang bermaksud orang-orang Yahudi ini disebutkan oleh Allah S.W.T., bahawa sesungguhnya Allah S.W.T. menggambarkan, memberitahu kepada kita, malah kepada manusia seluruhnya bahawa Yahudi ini adalah suatu bangsa yang sangat degil.

Tuhan hantar kepada mereka Rasul, untuk memberikan penjelasan tentang ketuhanan, tentang supaya mereka tidak akan menentang Rasul-rasul, tidak akan melakukan kezaliman terhadap orang yang akan memimpin, membawa keselamatan dan kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar. Saya pernah membaca tafsir yang berbelah bagi sama ada maksud Yahudi itu ialah Yahudi Yathrib pada ketika itu atau Yahudi di sepanjang zaman.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yahudi ini suatu bangsa yang akan hidup sepanjang zaman, kecualilah kiamat, maka ayat Al-Quran ini memang sesuai untuk sepanjang zaman dan Yahudi itu juga

akan ada sepanjang zaman, tetapi di belakang, kalau Yahudi ini dia beriman dengan Taurat, saya rasa ia tidak akan melakukan penindasan dan kezaliman.

Saya ingin menyebut sedikit suatu ayat yang juga diturunkan kepada Bani Israel yang sangat degil itu, mereka tidak mahu berhukum dengan perintah Allah, Allah menurunkan ayat,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekali lagi, kalau Yang Berhormat boleh izinkan saya, saya ada sedikit ketakutan di sini. Saya takut kalau kita mengajak benci kepada suatu bangsa, orang lain pun boleh mengajak benci kepada bangsa kita dan kalau dunia ini banyak bangsa-bangsa dan masing-masing bangsa-bangsa mengajak membenci bangsa-bangsa lain, maka hendak mencari penyelesaian, hendak membuat semacam Barisan Nasional itu susah sedikit. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana ajaran Taurat, ajaran Al-Quran, dia tidak mengajak kita membenci manusia, membenci orang. Taurat diturunkan kepada Bani Israel ialah mengajak supaya mereka mengikut Rasul yang diutus kepada Bani Israel ini, untuk mewujudkan ketenteraman dan kedamaian, ini ajarannya.

Ianya kemudian disambung oleh Al-Quran, juga mengajak manusia ini supaya mewujudkan ketenteraman dan kedamaian, tetapi oleh kerana Injil juga begitu, oleh kerana sistem yang berada di Palestin itu, saya hendak sebut, dia tidak boleh disamakan dengan negara kita. Di Palestin ini pertubuhan-pertubuhannya semuanya tidak berdaftar, kita sebagai pertubuhan politik ataupun apa-apa jua pertubuhan mestilah didaftarkan kepada Pendaftar Pertubuhan. Parti-parti politik yang berdaftar ini sahajalah yang dibenarkan bertanding di dalam pilihan raya dan lambangnya pun kena daftar juga, kalau hendak bertanding pilihan raya.

Saya tidak hendak menyebut mana-mana parti, tetapi di Palestin ini tidak ada pertubuhan-pertubuhan. Saya hendak menyebut seperti Gerakan Harakah Mukawamah Al-Islamiah (HAMAS) disebut, itu tidak didaftar dan memang pun tidak ada peraturan mendaftar itu sepanjang yang saya tahu di Palestin. Begitu juga Gerakan Jihad (*Harakatul Jihad*) dalam bahasa Arabnya pun tidak berdaftar juga. Begitu juga ada satu lagi yang sekarang ini memainkan peranan, yang terus menentang kekejaman Israel ini melalui kekuatan senjata ialah HAMAS dengan Hizbullah. Selain daripada itu juga ada gerakan-gerakan yang lain dari kalangan orang Arab mengikut parti-parti yang ada di negeri Arab.

Untuk negeri Arab ini saya ingat Yang Berhormat sangat faham, sedikit sebanyak di Yamankah. Di Yaman misalnya Al-Hizbul Yamani, malah ada juga parti komunis Yaman, ada parti komunis Arab di Yaman dan begitu juga ada di Palestin.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat. Yang Berhormat diberi laluan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih. Yang Berhormat, saya tertarik dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi. Maksud Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional mengamalkan sistem pemerintahan yang terbaik? Sila jawab Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sistem yang ada di Malaysia ialah mengamalkan sistem pilihan raya. Jadi, semua parti dan pertubuhan yang berdaftar di bawah peraturan, maknanya parti kalau di Malaysia ini didaftarkan di bawah kebajikan, di bawah khairat kematian tidak boleh juga, tetapi ianya mestilah didaftarkan mengikut Akta Pertubuhan 1966 mestilah mendaftarkan sebagai sebuah parti politik, barulah ia dibenarkan bertanding dengan syarat-syarat yang tertentu.

Misalnya orang bankrap di sini, walau pemimpin besar mana pun dalam mana-mana parti, saya tidak mahu menyebut nama parti itu, saya mempunyai pendirian di dalam Dewan ini, kerana saya kira, bila disebut Parlimen, kita hendak menyokong usul ini maknanya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita bawah, sebab Parlimen itu mengandungi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat, itulah pengertian Parlimen. Ini bermakna ..

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ini bermakna usul ini sudah melibatkan seluruh rakyat daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentunya juga di bawahnya Majlis Raja-Raja, kemudian Dewan Negara, Dewan yang tertinggi, kemudian Dewan Rakyat, telah dibawa dan kalau usul ini, saya yakin bahawa Ahli-ahli Dewan Negara ini tidak akan mempertikaikan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Cuma sekadar saya hendak menerangkan di sini Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menyebutkan tadi tentang perpaduan rakyat Palestin.

Memanglah kita bersetuju, kita menyokong supaya seluruh rakyat Palestin itu bersetuju, saya juga mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, kerana beliau ini agak dekat sedikit, saya ingat Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain bila disebut Arab tadi dia bangun, mungkin ada sedikitlah, itu fahaman sayalah, saya agak-agak sahaja, boleh jadilah.

Tuan Yang di-Pertua: Kedua-dua insan Yang Berhormat sebutkan namanya tadi Ahli-ahli UMNO.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya, ahli UMNO tidak mengapa.

Tuan Yang di-Pertua: Nama panjang UMNOnya ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, mana ada Arabnya. *[Ketawa]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ha, ialah kerana dia sudah menjadi rakyat Malaysia.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dari segi *Standing Order*, tidak payah kita *very ethnic* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Saya fikir di dalam takrif Perlembagaan, saya adalah orang Melayu. Jadi, itu susah, bila disebut Arab itu tadi, saya pun 'dok' tengok Yang Berhormat itu, macam mana hendak ditakrifkan. *[Ketawa]* Jadi, kadangkala kita ingat tempat-tempat lain itu tidak menukar bangsa dan kaum kita.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Wallahu'alam. Kalau tidak saya ingat Yang Berhormat Menteri pun dia tidak bangun, hendak memberikan penjelasan. Tidak mengapalah, apa pun di negara kita ini siapa juga yang menjadi warganegara Malaysia, dia boleh menjadi ahli mana-mana parti politik, itu fahaman sayalah. Jadi, parti itulah yang menentukan siapa yang boleh masuk di dalam sesebuah parti yang ada di negara kita ini, parti yang berdaftar.

Jadi, saya ingat tidak payahlah kita timbulkan persoalan itu. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang hendak saya sebutkan peranan yang dimainkan di sini yang saya lihat ialah suatu gerakan Yahudi antarabangsa yang menganut fahaman Zionisme. Mereka ini ada sayap-sayap di seluruh dunia, maka dengan sebab itu saya baca apabila Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menyebutkan tentang Amerika hendak membantu kerja-kerja pilihan raya di Palestin ini, hati saya tergerak bahawa sesungguhnya mungkin pembiayaan yang akan dikeluarkan oleh Amerika adalah pembiayaan oleh korporat-korporat Yahudi ataupun Zionisme yang menguasai ekonomi Amerika itu.

Mungkin melalui ini mereka mengeluarkan bantuan atas nama Amerika sebagai kuasa besar yang ditakuti oleh seluruh dunia dan mungkin dengan itu juga dunia akan mendengar. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, kalau boleh negara-negara Islam maknanya mencadangkan, memberikan sumbangan, sedikit seorang bagi sebuah negara untuk mengendalikan pilihan raya Presiden di Palestin ini.

Tuan Hii Tiong Kuoh: Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya.

Tuan Hii Tiong Kuoh: Tuan Yang di-Pertua, adakah sumbangan Amerika Syarikat ini ataupun sumbangan yang diminta melalui Negara-negara OIC tidak ditakrifkan sebagai politik wang.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, mengenai politik wang ini, saya pun istilah politik wang ini saya tidak berapa faham, adakah dia sebenarnya rasuah ataupun politik wang itu suatu istilah baru yang dicipta oleh orang-orang politik untuk menghindarkan diri mereka supaya tidak terjebak ataupun tidak disiasat oleh BPR. Itulah pendirian saya. Jadi saya tidak mahu menuduh sesiapa dalam hal ini.

Walau bagaimanapun memanglah dalam arena antarabangsa kuasa-kuasa besar, mereka akan memainkan peranan untuk memecahbelahkan rakyat di dalam sesebuah negara. Kita lihat misalnya berhampiran dengan Palestin ini ialah Iraq. Iraq adalah orang ataupun negara yang dahulunya sangat kuat menyokong perjuangan Yasser Arafat. Tetapi, suatu ketika dahulu Amerika juga ketika Iraq berperang dengan Kuwait, Amerika memberi bantuan senjata kepada Iraq, tetapi sekarang ini Amerika bukan sahaja memberikan senjata malah membantu tentera lagi, tenteranya dihantar ke Iraq untuk menimbulkan sebenarnya kekacauan yang menyebabkan sehingga sekarang ini tidak dapat diselesaikan masalah Iraq. Walaupun ada cadangan bahawa pilihan raya akan diadakan pada bulan Januari ini, tetapi saya rasa Iraq juga kerana campur tangan Amerika dan konco-konconya di Iraq mungkin pilihan raya itu tidak akan dapat diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebutkan tentang penganut-penganut agama di Palestin. Selain daripada itu juga saya ...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri tadi ada menyebut tentang bahawa gerakan Zionis ini berpusat di Amerika. Oleh kerana Amerika ini

memanglah bapa pegganas sebenarnya dan berlagak menjadi polis dunia yang menyebabkan Israel ini semakin ganas kerana ia merasa terbelah oleh tindakan bapa pegganas ini. Maka bersetujukah Yang Berhormat kalau kita cadangkan bahawa kita juga mesti mengambil tindakan terhadap Amerika, satu antaranya ialah kita meneruskan sikap pemimpin-pemimpin kita ini yang mesti mengelakkan dirinya menjadi tali barut ataupun dipengaruhi oleh Amerika, itu yang pertama.

Yang kedua ialah bersetujukah kita, kalau boleh dicadangkan di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa kita juga mesti mengambil tindakan antaranya memulaukan barang-barang Amerika, jangan lagi makan di Mc Donald sebagai contohnya ataupun jangan lagi duduk di Hotel Marriott yang memang jelas adalah milik Yahudi sebenarnya, yang ada di negara kita ini, Marriott ada di Putrajaya, Marriott ada di Bukit Bintang. Jadi, saya ingin mendengar pandangan daripada Yang Berhormat, bahkan di Kelantan pun ada orang Melayu yang mendapat francais Mc Donald. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan tahniah kepada, pertama sekali saya tidak sempat mengucapkan tahniah kepada Ahli Senate baru daripada Johor, saya mengucapkan tahniah. Saya bersetuju dengan pandangan beliau, tetapi itulah untuk menyebutkan memulaukan barangan Amerika ini sudah lama, memulaukan hotel. Saya memanglah tidak tinggal di hotel seperti itu, saya berjalan pergi ke mana-mana kadang-kadang kalau ada rumah kawan saya tinggal di rumah kawan, itu sahaja. Hotel saya jarang menginaplah, kecuali kalau pergi ke luar negara, terpaksa tinggal di hotel, saya tinggal di hotellah.

Maknanya dalam fikiran saya memang ada hendak memulaukan hotel-hotel ini, bukan Amerika sahaja, yang besar-besar, yang ada sangkut paut sedikit dengan Amerika dan Yahudi, saya cuba elakkan diri, itu sayalah. Saya ingin menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sangat, Yang Berhormat itu tadi katakan ialah Amerika ini di kira samsengkah?, bapa pegganas dunia yang paling besar. Sehingga dalam usul ini pun kita masih ada menyebut Amerika, Rusia, Kesatuan Eropah.

Itulah maknanya pengaruhnya, saya bersetuju dengan usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Malaysia sekarang ini mencadangkan kepada Bangsa-Bangsa Bersatu supaya tidak ada kuasa besar dalam dunia ini yang boleh

membatalkan sebarang keputusan, yang dibuat oleh Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, kuasa veto itu tidak ada. Kerana kita membuat keputusan, semua negara-negara yang bergabung dalam NAM, negara-negara yang bergabung dalam OIC bersetuju, tetapi Amerika buat kuasa veto - habis.

Ini persoalan yang perlu juga saya rasa dalam konteks kita hendak memperjuangkan kebebasan rakyat Palestin ini, kita harus seboleh yang mungkin, Malaysia mempelopori supaya kuasa veto yang diberikan kepada negara-negara besar ini ditiadakan di Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya hendak baca satu ayat al-Quran tetapi diganggu oleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan kata saya ganggu.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ganggu sikitlah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Jadi saya hilang saya punya...

Tuan Yang di-Pertua: Salah mengganggu orang yang membaca ayat al-Quran.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Yalah, tetapi saya hendak baca tadi, Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan. Saya bagi, tidak apa. Tuan Yang di-Pertua, dalam al-Quran ini Yahudi punya cerita. Tuhan menjelaskan dalam al-Quran, ketika Yahudi diminta supaya berhukum dengan kitab Taurat supaya hukum itu ialah untuk mewujudkan keadilan di kalangan mereka, tetapi mereka enggan, sehingga Allah S.W.T. menurunkan ayat kalau saya tidak silap ingatan *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Barang siapa yang tidak berhukum dengan hukum Allah S.W.T., maka mereka itu adalah zalim. Maka dengan sebab itu dikatakan dalam Usul ini...terima kasih.

Dato' Dr. S . Vijayaratnam: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sikit dari Yang Berhormat sahabat saya Tuan Hassan Shukri, saya minta penjelasan ini daripada Yang Berhormat oleh kerana Yang Berhormat seorang yang begitu fasih dan pakar hal agama.

Tuan Yang di-Pertua: Alim!

Dato' Dr. S . Vijayaratnam: Alim, okay. Pengetahuan saya boleh jadi salah, tetapi pengetahuan saya ialah buku suci Islam iaitu Al-Quran, buku Kristian iaitu Bible, dan terutama sekali buku teks lama *Old Testament* dan juga buku agama Yahudi iaitu Torah ada juga kesamaan-kesamaan tertentu. Contohnya seperti semuanya

menghormati Nabi Ibrahim, Nabi Musa, dan saya faham juga orang Yahudi mengikut sunat dan tidak dibenarkan makan daging khinzir. Bolehkah kesamaan pengajaran agama-agama tersebut menjadi satu fakta kefahaman di antara kaum-kaum terlibat menerima satu sama lain supaya meneruskan proses pendamaian? Saya minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, bagi orang Islam memanglah kita diminta supaya beriman dengan kitab. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Kutub itu maknanya dalam bahasa Arab kata majmuk daripada kitab. Dia bukan buku, kami tidak panggil buku tapi kitab. Jadi menurut kitab kita kena beriman bukan sahaja dengan Al-Quran, kita kena beriman percaya dengan Injil, dengan Taurat dan Zabur. Ada empat kitab yang mesti kita beriman kerana kitab ini adalah diturunkan oleh Allah S.W.T., diwahyukan oleh Allah S.W.T. kepada Rasul-Rasul dan kesemua kitab ini hampir sama pendiriannya dalam bidang untuk mewujudkan kedamaian dan kesejahteraan antarabangsa. Maka dengan sebab itu, kalau sekiranya orang Yahudi itu berpegang kepada Taurat, saya rasa tidak timbul persoalan yang ada sekarang ini.

Orang Islam yang mesti tinggal di Palestin dia kembali kepada Al-Quran juga tidak akan berpecah dan demikianlah yang lain. Jadi orang Islam memang diajar oleh Allah S.W.T supaya mempercayai kitab-kitab ini kerana kitab ini adalah menjadi asas untuk mewujudkan perdamaian, perbincangan, perundingan dan sebagainya. Maka dengan sebab itulah saya ingin juga menyarankan kepada Menteri Luar Negeri kalau boleh sekali sekala Menteri Luar Negeri kita duduk dengan pemimpin-pemimpin Fatah, Al-Jihad, Al-Islam, pemimpin Hamas misalnya bertemu di Palestin atau di Lebanon, bertemu dengan mereka itu, kalau boleh kita memperlihatkan bagaimana kalau mereka boleh maknanya mewujudkan satu persefahaman supaya dalam hal-hal yang tertentu kefahaman semua.

Suami isteri pun tidak boleh persefahaman kadang-kadang, Yang Berhormat. Antara anak dengan ayah pun tidak boleh sefahaman. Tetapi pendekatan maknanya mengurangkan perbezaan pendirian dalam sesuatu masalah saya ingat boleh. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri memainkan peranannya.

Tuan Yang di-Pertua: Peranan untuk menegakkan formula kongsi kuasakah?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Boleh, tidak apa, terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang disebut dalam perbincangan kita hari ini berkenaan dengan Usul tentang pembelaan terhadap rakyat Palestin. Kita lihat di depan kita, negara yang sedang mengancam rakyat Palestin adalah sebuah negara yang begitu kecil. Sebuah negara yang begitu kecil hendak dibandingkan dengan negara-negara umat Islam, negara Arab dan sebagainya. Tetapi kenapa dalam suasana umat Islam ditentang dengan negara yang begitu kecil yang didalangi oleh Barat ini, kenapa umat Islam tidak bersatu? Sedangkan dunia kita hari ini, rakyat Islam mempunyai jumlah yang ramai. Begitu banyak negara-negara anggota OIC dan NAM.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat, adakah negara-negara umat Islam ini kurang bersatu ataupun apa sebabnya yang menyebabkan kuasa Barat begitu rakus dalam menekan umat Islam seolah-olah anjing yang lapar sedang mengerumuni makanan sekarang ini? Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas permohonan itu. Saya ingin menjelaskan dan saya mohon maaf jika sekiranya apa yang saya jelaskan ini mungkin tersasul ataupun mungkin tidak dipersetujui oleh sesetengah sahabat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sesetengah anggota negara OIC ini pun bukanlah mereka itu berpegang kepada dasar-dasar yang berlandaskan kepada kitab Al-Quran tadi, itu satu dan juga hadis ataupun sunnah Rasulullah. Ada negara-negara Arab misalnya Syria, sehingga sekarang ini mereka menganut fahaman sosialisme.

Iraq dahulu diperintah oleh Parti Ba'ath, ada pilihan raya Presiden, menang 90% lebih. 99% undi Saddam Hussein jika rakyat sokong semua tetapi pemilihan yang dibuat bukan untuk seluruh rakyat. Orang-orang Parti Ba'ath yang pilih, maka dia dapatlah undi 99%. Begitu juga di Mesir di mana Al-Istiraqia Al-Arabia Al-Misriah namanya, sosialis Arab Mesir. Ini di bawah kepimpinan Jamal Abdel Nasser pada zaman dahulu dan begitu juga Libya yang menggunakan buku hijaunya mencantumkan antara Islam sosialis dan juga nasionalisme, dicantumkan ketiga-tiga yang ditulis dalam apa yang dikatakan buku hijau.

Mungkin ini juga di antara sebab-sebab maka negara-negara umat Islam ini tidak dapat disatukan dengan secara sungguh-sungguh seperti yang dicadangkan oleh Puan Siti Zailah. Itu kita melihat secara insaf, saya tidak melihat dari sudut maknanya sentimen politik tetapi saya melihatnya secara sedar, secara insaf.

Maka dengan sebab itu, kerja-kerja bagi memberikan kefahaman kepada umat Islam dan rakyat ini seluruhnya pertama sekali kerana Amerika buat kacau, Israel buat kacau, membunuh siang malam orang Islam di Palestin dan pembunuhan yang dilakukan itu, kekejaman yang dilakukan, Tuan Yang di-Pertua, fikir adakah patut rumah yang orang sedang tidur diroket rumah itu. Mati orang-orang yang sedang tidur yang tinggal dalam rumah itu. Apakah ini ada peri kemanusiaan? Saya kata semua agama menentang perbuatan yang seperti ini. Agama Islam ke, Kristian ke, Hindu ke, Buddha ke semuanya tidak bersetuju dengan sikap, cara Israel melakukan tindakan ke atas rakyat Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, tadi telah disebutkan bahawa sesungguhnya apabila keupayaan negara-negara seperti OIC dan juga NAM misalnya kalau hendak kita kira sepatutnya OIC bulat, Nam pun bulat menyokong perjuangan Palestin ini kerana kedua-duanya adalah dipengerusikan oleh Malaysia dan Malaysia saya mengucapkan terima kasih walau apa pun suasana yang ada di hadapan kita, maknanya kita sekarang ini cuba memelopori perjuangan bagi menegakkan kebebasan, hendak menegakkan perikemanusiaan di kalangan seluruh umat manusia di dunia ini. Bukan sahaja kerajaan tetapi juga saya kira kumpulan-kumpulan ataupun pertubuhan-pertubuhan yang ada di Malaysia ini tidak seorang pun saya kira, kalau adapun maknanya orang itu memang tidak ada pemikiran yang waras.

Mereka tidak akan rela dengan apa jua langkah dan tindakan yang dilakukan oleh Israel terhadap orang-orang Islam. Sebab itu Yahudi sendiri untuk pengetahuan kita semua, orang Yahudi pun tidak bersetuju dengan tindakan Perdana Menteri Israel yang ada sekarang ini. Sesetengah orang-orang Yahudi yang berpegang kepada kitab, dari segi agama tentulah orang Islam akan terasa satu ketika orang Yahudi ini, orang Israel yang fahaman Zionisme ini telah mengorek masjid-masjid. Dia korek daripada bawah untuk merobohkan Masjid Al-Aqsa. Tetapi oleh kerana begitu segera disedari ianya dapat dihalang. Kalau tidak Masjid Al-Aqsa itu sudah roboh secara sulit mereka masuk, mereka cuba korek di bawah masjid Al-Aqsa itu.

Ini di antara tindakan-tindakan yang saya rasa dari segi agama langsung tidak menghormati agama lain. Pada hal tadi disebut oleh Yang Berhormat Dato Sri. Jerusalem itu didiami oleh bukan sahaja orang Islam, orang Kristian pun ada situ, orang Yahudi pun ada di situ. Tetapi demi untuk menegakkan kepentingan golongan tertentu di Israel mereka sanggup melakukan pembunuhan bukan sahaja kepada

orang Islam tetapi juga kepada golongan yang lain. Inilah yang saya katakan bahawa mereka ini tidak mempunyai perikemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian supaya Kementerian Luar ataupun Malaysia akan terus tampil ke hadapan untuk memperjuangkan kemanusiaan dunia ini melalui pertubuhan-pertubuhan yang dibenarkan seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu misalnya dan juga yang lain-lain.

Mudah-mudahan dengan yang demikian, itu akan dapat menimbulkan kesedaran, keinsafan dan juga meningkatkan keupayaan dan kemampuan negara-negara yang lain itu untuk berdiri teguh di belakang mana-mana juga negara yang ingin memperjuangkan keadilan ataupun yang ingin menegakkan keadilan sesama manusia ini. Kita tahu sebarang apa jua tindakan yang berbentuk kezaliman kita akan tentang.

Saya kelmarin sudah berucap mengenai tindakan yang telah diambil oleh Thailand misalnya terhadap orang-orang Islam di Thailand. Kita bukannya bercakap kerana agama, kerana golongan tertentu, tetapi oleh kerana ianya dilihat sebagai suatu penindasan, suatu penganiayaan. Telah ditanya adakah kita mengganggu campur tangan hal ehwal dalam negeri. Saya kata dan Dr. Chin pun telah menjawab dalam ASEAN kita mempunyai tanggungjawab untuk sekurang-kurangnya memberitahu kepada sahabat-sahabat kita di negara Thailand itu bahawa tindakan yang seperti itu tidak seharusnya dilakukan kerana ianya akan menimbulkan dan akan memanjangkan lagi kacau-bilau yang mungkin akan mengakibatkan negara-negara yang berdekatan ataupun negara-negara jiran. Ini pun sudah kita sebutkan.

Maka dengan sebab itulah saya sangat mengharapkan bahawa melalui Usul ini walaupun di sini Palestin tetapi saya ingin meluaskan bahawa perjuangan kita di negara ini dan kita telah membuktikan keupayaan antara kaum. Saya ingin menyebut kembali di sini ketika...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah sampai untuk Dewan ditangguhkan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih saya akan sambung pada jam 2.30 petang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan akan ditangguhkan sekarang. Dewan akan bermesyuarat semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan sambung semula perbahasan Usul. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri untuk menyambung, saya ingin memaklumkan bahawa Dewan bercadang untuk memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri bagi menjawab Usul ini pada pukul 3.30 petang. Jadi, selain daripada Yang Berhormat Tuan Hasan bin Haji Shukri, saya ingin tahu berapa orang lagi Ahli Yang Berhormat hendak bercakap.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Lima, okey. Saya akan memberi masa lebih kurang 10 minit seorang supaya kita dapat habiskan sebelum jam 3.30 petang. Silakan, Yang Berhormat.

2.33 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Insya-Allah saya akan mengambil waktu yang ringkas bagi memberikan ruang dan peluang kepada sahabat-sahabat Yang Berhormat yang lain untuk turut serta membahaskan Usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi menamatkan ataupun menengguhkan ucapan saya dengan menyebut banyak tentang peranan yang dijalankan oleh Malaysia melalui OIC dan NAM. Bagi mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin merayu supaya Malaysia memainkan peranan yang bersungguh-sungguh bagi meyakinkan Amerika, Rusia dan lain-lain negara yang sering menggunakan kuasa veto mereka di dalam memberikan sesuatu tentangan atas hal-hal yang mereka tidak setuju.

Misalnya di sini, dari segi kedegilan Israel ini jelas apabila Mahkamah Antarabangsa memutuskan, kalau tidak silap ingatan saya, bahawa pembinaan tembok yang telah dilakukan oleh Israel untuk menghalang lalu lintas orang-orang Palestin yang setengahnya bekerja di kawasan Israel itu, maka Mahkamah Antarabangsa telah mengisytiharkan bahawa pembinaan itu tidak sah, tidak diperakui oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Tetapi sehingga kini Israel tidak

mendengar dan banyak lagi keputusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah dikemukakan kepada pihak Israel, semuanya ini bertujuan, saya yakin untuk mewujudkan suatu ketenteraman dan juga untuk menegakkan hak asasi manusia di dunia ini, tetapi Israel tidak pernah mendengar dan tidak pernah menerima keputusan-keputusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu, kecualilah dalam perkara-perkara yang mereka rasakan bahawa mereka mempunyai manfaat dan keuntungan di atas keputusan-keputusan yang dilakukan itu.

Oleh yang demikian itulah Malaysia sebagai sebuah negara Islam, sebagai sebuah negara yang mengetuai OIC seperti saya katakan tadi, kita harapkan akan dapat memainkan peranan yang berterusan. Memanglah sukar hendak mendamaikan sesebuah negara, perkelahian di antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain atau di antara sebuah wilayah dengan sebuah wilayah yang lain bukanlah senang.

Saya ada sedikit pengalaman waktu Perang Teluk. Saya menyertai rombongan dan kebetulan rombongan itu kalau tidak silap ingatan saya, seramai 14 buah pertubuhan Islam dan kami telah berkunjung bukan sahaja kepada Raja Saudi Arabia, Raja Kuwait, kemudian Saddam Hussein sendiri dan juga Raja Jordan pada waktu itu, Almarhum Raja Hussein dan akhirnya kami pergi ke Iran untuk menyampaikan hasrat pertubuhan-pertubuhan Islam ini, pertubuhan politik dan kebajikan supaya Iraq mengendurkan, bukan kita hendak memberhentikan sahaja, mengendurkan ketegangan sudah cukup di antara Iraq dengan Kuwait.

Usaha-usaha ini walaupun mendapat layanan daripada raja-raja, tetapi akhirnya usaha yang kami buat ini juga telah menempuh kegagalan. Kami memakan waktu 24 hari untuk mengelilingi negara-negara ini, bertemu dengan pemimpin-pemimpin negara tetapi hasrat yang kami sampaikan itu nampaknya sia-sia. Itu, pada waktu itu.

Pada waktu ini apabila campur tangan Amerika, pertamanya di Palestin itu sendiri akan campur tangan, saya rasa dan memang pun dia campur tangan sejak dahulu, maka walaupun pilihan raya yang disebutkan oleh Dato' Dr. Chin itu berjalan, tetapi saya tidak mempunyai keyakinan bahawa kalau menanglah mana-mana calon yang bertanding sebagai Presiden Palestin yang akan datang ini, keamanan, kesejahteraan dan kedamaian antara Israel dengan Palestin itu tidak akan dapat dicapai.

Saya berpegang, saya katakan tadi kepada apa yang disebutkan oleh Tuhan di dalam Al-Quran dan juga di dalam kitab Taurat, saya baca sedikit, maknanya tentang kedegilan Israel ini amat sukar bagi manusia ini hendak menenteramkan atau memujuk mereka. Ini sudah dijelaskan.

Walau bagaimanapun, kita lain – tadi disebutkan di Malaysia ini lain. Di Malaysia ini selepas 13 Mei, saya sedikit sebanyak terlibat untuk membentuk Rukun Negara itu dan akhirnya kita bersetuju bahawa semua agama ini meletakkan asasnya ialah kepercayaan kepada Tuhan. Cuma untuk melayani pandangan agama-agama yang lain, kita tidak letakkan pada waktu itu ketuhanan yang maha esa. Itulah tolak ansur kita supaya suatu keamanan, kesejahteraan dan kedamaian di antara rakyat Malaysia ini dapat diwujudkan. Itu sepanjang yang saya ingat. Saya telah bertemu dengan Allahyarham Tun Abdul Razak dengan beberapa orang beberapa kali untuk meletakkan asas-asas ini, pertamanya secara tidak rasmi, kemudian barulah dirasmikan.

Jadi, pengalaman-pengalaman ini memberikan pengajaran kepada saya bahawa sesungguhnya untuk mendamaikan manusia dan pertentangan antara negara ini, kita tidak boleh anggap mudah. Walaupun saya tetap mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih seperti saya katakan tadi kepada Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri yang tidak jemu-jemu untuk mencari jalan supaya diwujudkan kedamaian dan dikembalikan hak rakyat Palestin itu kepada yang berhak iaitu rakyat Palestin.

Adapun soal pemilihan siapa Presiden itu sepatutnya kita serahkan kepada kebebasan rakyat Palestin untuk memilihnya. Walau apa pun seperti yang saya sebutkan tadi, kerana ada tangan-tangan halus ini dan mereka mempunyai tujuan-tujuan yang jauh atau motif yang jauh, seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi, kerana sahabat saya berpandangan bahawa Amerika bantu itu mungkin satu kebaikan kerana duit atau wang, tetapi saya yakin bahawa Amerika mempunyai motif yang sangat jauh, terutama sekali mungkin melalui bantuan itu lebih mudah.

Kita ambil contoh, Afghanistan misalnya, walaupun akan diadakan pilihan raya, Amerika campur tangan, sehingga sekarang ini kita tidak dapat melihat kedamaian di Afghanistan. Begitu juga di Iraq dan seterusnya. Oleh yang demikian, saya mohon kepada Kementerian Luar Negeri melalui pertubuhan-pertubuhan yang kita ketuai sekarang ini memainkan peranan yang bersungguh-sungguh supaya dapat meyakinkan, macam mana kita hendak meyakinkan Amerika, Rusia dan lain-lain

supaya mereka tidak terlalu jauh campur tangan dalam hal-hal atau urusan-urusan negara lain.

Mudah-mudahan dengan yang demikian itu kita akan dapat melihat sesungguhnya apa yang kita cadangkan ini akan dapat sambutan dan mudah-mudahan kita doakan akhirnya kalau tidak berjaya seluruhnya pun, saya kira kalau berjaya 50% pun saya kira itu sebagai satu kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian itulah saya juga mengharapkan supaya Yang Berhormat Menteri tidak akan jemu-jemu walaupun barangkali akan dicemuh oleh sesetengah negara, tetapi saya yakin bahawa khidmat yang kita berikan ini adalah suatu khidmat yang baik, bukan sahaja untuk agama tetapi juga untuk manusia seluruhnya. Manakala kalau kita dapat mewujudkan kedamaian, ketenteraman dan keamanan ini, saya yakin ini akan memberi manfaat bukan sahaja kepada rakyat Palestin tetapi juga kepada seluruh dunia. Itu pada pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, saya ingin melihat supaya kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Amerika yang kadang-kadang menggunakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu, walaupun ia adalah pertubuhan yang besar tetapi ianya dapat juga dapat diperalatkan. Itu tidak tahulah, mungkin Menteri Luar Negeri boleh betulkan, tetapi sepanjang pandangan saya, ia kadang-kadang boleh diperalatkan oleh Amerika itu sendiri dalam mengambil sesuatu keputusan dan menggunakan keputusan itu kemudiannya untuk kepentingan-kepentingan politik dan ekonomi ataupun untuk meneruskan cengkaman kekuasaan Amerika itu terhadap negara-negara lain.

Jadi yang demikian itu kita mengharapkan dengan suara-suara yang tidak berhenti-henti, bukan sahaja daripada Kerajaan Malaysia ini malah daripada rakyat, daripada sepanjang yang saya lihat, maknanya peniaga-peniaga kecil pun menyuarakan harapan mereka supaya Palestin itu dikembalikan kepada rakyat Palestin.

Saya juga mengharapkan, pertama sekali supaya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita akan dapat juga memainkan peranan kepada negara-negara Arab supaya negara Arab mempunyai pendirian yang teguh untuk menyokong perjuangan rakyat Palestin, dan mereka tidak berbelah bahagi dan tidak ada sebarang keraguan untuk memberikan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin bagi mengembalikan kedaulatan negara Palestin yang telah pun dipersetujui oleh

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya diwujudkan sebuah negara Palestin dan kalau tidak silap ingatan saya, sempadannya pun sudah ditetapkan. Tetapi itulah jahatnya Israel ini, Yang Berhormat sekalian. Tanah-tanah yang sepatutnya diserahkan kepada Palestin, sehingga kini mereka tidak lepaskan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian itu saya dengan sepenuh harapan dan sepenuh ucapan terima kasih menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Yaakob.

2.43 ptg.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dan tahniah serta syabas kepada Kementerian Luar Negeri di atas pimpinan Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar kerana tidak jemu-jemu, keringatnya tidak kering terus-menerus memperjuangkan hak asasi dan perjuangan rakyat Palestin.

Kita semua telah pun tahu tentang segala keganasan tindak-tanduk, agenda telah pun disebarikan begitu meluas oleh media cetak mahupun media elektronik dalaman ataupun antarabangsa. Saya seperti juga rakan-rakan yang lain ingin menyentuh isu ini, namun fokus saya lebih ke arah sejarah dan sebagaimana Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri telah sentuh ciri-ciri orang Yahudi. Saya akan sentuh dari aspek itu kerana asal-usul ini, fakta sejarah ada kaitan dengan Usul yang akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa sejarah telah membuktikan bahawa bangsa Yahudi telah wujud di negara Eropah berkurun-kurun lamanya. Namun dari sejarah juga, mungkin atas sifat-sifat dan ciri-ciri peribadi mereka yang angkuh ataupun yang *stubborn* ataupun pelbagai ciri yang agak banyak negatif menyebabkan masyarakat Eropah sendiri terus-menerus memberi tekanan kepada masyarakat Yahudi. Namun sehinggalah tibanya zaman Jerman fasis Hitler mereka telah pun dihapuskan hampir jutaan, mungkin hampir 2 juta telah pun dimusnahkan kerana gara-gara keangkuhan mereka.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Menteri tadi bahawa perjuangan kita untuk menegakkan sebuah negara Palestin yang sah

bukanlah untuk semata-mata pergeseran antara agama, tetapi adalah berlandaskan kepada hak asasi dan kedaulatan sesebuah negara. Ini berbeza dengan sejarah Peperangan Salib (Salib War) pada kurun ke-13 yang mana ia boleh menjuruskan kepada peperangan agama. Jadi, lantaran itu kita harus tegaskan bahawa perjuangan rakyat Palestin hari ini bukanlah pertembungan antara agama, tetapi adalah atas asas hak asasi dan kedaulatan sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu negara-negara penjajah di Abad ke-19 berlumba-lumba menjajah dan tidak ketinggalan di Timur Tengah termasuklah tanah Palestin, yang mana British dalam tahun 1917 telah pun menakluki dan menawan tanah Palestin, yang mana dengan strategi dan propaganda mereka telah menjanjikan sebuah negara Yahudi iaitu yang mana hari ini dikenali sebagai Israel.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat urutan peristiwa sejarah, ternyata rakyat Palestin hari ini adalah menjadi mangsa kepada pertembungan krisis negara-negara Eropah berkurun-kurun lamanya. Apakah wajar, apakah adil rakyat Palestin yang terpaksa menghadapi bencana akibat daripada gara-gara krisis di Eropah yang berkurun-kurun lamanya. Sehingga hari ini, masyarakat dunia khususnya masyarakat yang pro kepada perjuangan Palestin, perjuangan Israel begitu kelabu mata sehingga lupa kepada sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, negara Israel wujud pada tahun 1948 dan kita tahu bahawa negara Israel hari ini adalah cantuman daripada negara-negara Arab, iaitu seperti Tebing Timur dan juga Gaza adalah milik kepada negara-negara Arab iaitu sebagai mana yang kita tahu, Gaza ialah milik Mesir separuh daripadanya dan begitu juga dengan Tebing Barat, separuh daripadanya adalah Jordan. Jadi, dari segi asal usul ini kita lihat pergerakan Zionis telah pun menimbulkan kekecohan di Eropah satu ketika dahulu, kini telah pun wujud di Tanah Arab di mana hari ini telah pun wujud negara Israel.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba ringkaskan daripada sejarah tersebut kepada percaturan politik hari ini, di mana kita tahu bahawa isu Palestin bukan lagi menjadi isu negara-negara Islam, malah ia telah pun menjadi isu perdebatan negara dunia.

Tuan Yang di-Pertua, wujudnya tuntutan rakyat Palestin ialah mulai Almarhum Yasser Arafat, di mana beliau mula menonjolkan diri sebagai pemimpin perjuangan demi menuntut hak dan tanah air mereka dalam tahun 1960-an dan kita tahu bahawa mereka tidak jemu-jemu urutan peristiwa, usaha-usaha dibuat antara pelbagai pihak

termasuklah kita lihat tahun 1993 di mana Perdana Menteri Israel, Rabin dan Bush dan juga Yasser Arafat telah pun membuat rundingan demi mewujudkan arah perpaduan bagi memenuhi matlamat rakyat Palestin. Namun usaha-usaha tahun 1993 menemui jalan buntu apabila Perdana Menteri Israel, Rabin telah pun dibunuh, ditembak dan pergolakan terus berlaku, akhirnya di mana peristiwa Oslow di Norway, Camp. David, bekas presiden U.S, Clinton dan Ehud Barak termasuk Yasser Arafat mengadakan perjanjian dengan syarat-syarat yang mana telah pun diterima *road map* ataupun pelan damai yang direstui, yang didalangi oleh Amerika sendiri. Namun kita lihat Presiden Arafat tidak jemu-jemu, banyak bertolak ansur semata-mata untuk menjadikan perjuangannya sebagai realiti untuk penubuhan sebuah negara yang berdaulat.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu, jalan-jalan buntu telah pun dapat kita lihat apabila berlakunya perubahan pucuk pimpinan di Amerika dan apabila Januari 2001, pemilihan Presiden Bush, di sini telah wujud arah hala tuju yang agak berbeza daripada hasrat pelan damai yang telah diwujudkan oleh bekas Presiden Amerika, Clinton pada ketika itu di mana muslihat agenda Presiden Bush ternyata dengan pelbagai alasan, dengan menganggap Yasser Arafat sebagai pengganas langsung beliau tidak mempunyai ruang, peluang untuk mengadakan sebarang pertemuan. Jadi, jalan-jalan buntu senantiasanya dihadapi oleh pemimpin "PLO" yang tersebut sehingga keadaan tersebut berlanjutan dan mungkin peristiwa 11 September 2001 itu yang dirancang semata-mata untuk dijadikan alasan untuk mereka terus melupakan isu pelan damai tuntutan rakyat Palestin. Kita lihat peristiwa tersebut juga telah pun mengalih pandangan rakyat Amerika kepada isu Afghanistan dan juga isu Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat matlamat hala tuju yang kita telah war-warkan akan berlakunya pilihan raya, akan wujudnya sebuah negara demokrasi berdaulat di Palestin pada 8 Januari 2005, hanya tinggal mungkin tidak sampai sebulan. Apakah ia akan menjadi realiti atau ia hanya akan menjadi igauan kepada masyarakat Palestin atau ia akan menjadi suatu perkara yang mungkin boleh kita fikirkan bersama, apakah ia boleh dikecapi oleh rakyat Palestin sebagaimana pelan damai yang telah ditetapkan?

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan persekitaran di Israel hari ini juga menimbulkan persoalan kerana kedudukan kepimpinan Sharon sendiri agak tergugat. Kestabilan politik di Israel sendiri dipersoalkan oleh konco-konco ataupun parti-parti

dalam Israel dan banyak masalah, tanda-tanda *indicator* yang kita lihat boleh kita baca, boleh kita analisis, yang mana perjalanan pilihan raya yang diimpikan pada Januari tahun hadapan akan berhadapan dengan kegusaran dan mungkin kegagalan. Namun begitu, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh sahabat-sahabat Senator yang lain, saya hanya mengharapkan kita sebagai Pengerusi NAM, sebagai Pengerusi OIC, mungkin Yang Berhormat Menteri, saya ingin mendapat sedikit pandangan iaitu sejauh manakah peranan kita, OIC dan selaku Pengerusi NAM boleh membuat desakan, tuntutan agar *road map* yang ditaja, yang telah pun dipersetujui dahulu boleh menjadi realiti?

Yang kedua, saya juga ingin mendapat sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Menteri, iaitu apakah negara-negara ahli-ahli OIC dan negara-negara NAM mempunyai satu kesepakatan dari segi pendirian di dalam mewujudkan sebuah negara berdaulat Palestin dan kalau ada mungkin dikenal pasti negara-negara anggota yang senantiasa tidak memberikan kerjasama ataupun bak kata orang, tikam dari belakang. Mungkin strategi kita boleh cuba menggunakan modus operandi diplomatik agar negara-negara yang di bawah telunjuk Amerika tersebut menyedari akan hakikat kesucian perjuangan rakyat Palestin.

Di sini juga saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Datuk Seri, apakah strategi dan perancangan kita selaku Pengerusi OIC ataupun NAM, andai kata hasrat suci pilihan raya yang direncanakan pada 8 Januari tahun hadapan menghadapi kegagalan, atau berlaku pergaduhan yang pastinya berdasarkan senario hari ini boleh kita agak akan berlaku pergaduhan dan akan berlaku kegagalan, dan apakah ini yang diimpikan oleh pihak-pihak, tangan-tangan yang sentiasa cuba mengatur keadaan persekitaran dunia.

Kalau ini berlaku, apakah kita selaku Pengerusi OIC dan Pengerusi NAM akan bertindak cara bagaimana yang boleh mempengaruhi badan-badan dunia termasuk PBB, dan kalau kita lihat pemimpin yang akan bertanding di Palestin pada hari ini yang ditonjolkan tidak lain dan tidak bukan ialah bekas Perdana Menteri Palestin sendiri, iaitu Mahmood Abbas dan beliau dikenali sememangnya lebih disokong oleh Israel sendiri dan disokong kuat oleh pengurusan Amerika sendiri, kerana ciri-cirinya agak sederhana yang banyak mengorbankan ciri-ciri perjuangan Yasser Arafat sendiri.

Seorang lagi tokoh yang dikenal pasti mungkin Marwan Barghouti, seorang tokoh muda, yang mana berada dalam penjara sekarang ini, namun terdapat banyak

desakan daripada golongan generasi muda di Palestin yang merupakan mungkin Gerakan Intifada, gerakan pembaharuan di Palestin yang juga merupakan beliau bertanding.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh ringkaskannya?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sanjung, saya sokong, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri Menteri Luar Negeri di atas tidak jemu-jemunya turut memperjuangkan kedudukan perjuangan rakyat Palestin. Terima kasih. Saya menyokong Usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih di atas kerjasama Yang Berhormat. Selepas ini Datuk Karim dan selepas Datuk Karim saya ingin memberi peluang kepada wanita, selepas itu Yang Berhormat Chiam dan disusuli dengan Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam dan kalau ada masa lagi, kita beri peluang kepada Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi sebelum jam 3.30 petang.

2.58 ptg.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

Banyak yang sudah kita dengar hujah-hujah mengapa Usul ini harus disokong. Banyak sudah kita dengar sejarah terhadap masalah Palestin. Akibatnya, orang-orang di Palestin sekarang terseksa, teraniaya tetapi semua masalah ini kita lihat dari mula wujudnya negara Israel sehingga sekarang tidak akan selesai dan tidak mungkin selesai dengan menggunakan kekerasan. Sudah kita lihat peperangan, bom dan sebagainya berterusan, tetapi rakyat Palestin terus menderita dan ini harus dikutuk sekeras-kerasnya bukan sahaja oleh negara-negara OIC, negara-negara Islam malahan manusia seluruh dunia ini harus bersama kita mengutuk kekejaman dan kekerasan yang berlaku di Palestin pada ketika ini.

Selepas itu apa? Mengutuk, mengecam tidak akan menyelesaikan masalah. Oleh itu, kita mempunyai peluang yang terbaik pada ketika ini sebagai Pengerusi OIC, fokus apa sebenarnya masalah yang kita hendak selesaikan ini? Dalam pendapat saya, masalah yang pertama kita hendakkan keamanan, yang kedua, kita hendak wujud negara Palestin yang merdeka, berdaulat, hidup aman dengan tetangganya.

Apa syaratnya untuk wujud negara Palestin ini, dalam keadaan sekarang semua orang tahu, wujudnya negara Palestin nanti, berdasarkan perundingan, saya fikir itulah syaratnya berdasarkan perundingan, menggunakan senjata tidak akan wujud, tidak akan selesai.

Kalau berdasarkan perundingan, mesti ada pihak yang berunding, kalau ada pihak tidak mahu berunding tidak juga akan selesai melalui perundingan. Jadi, kalau mahu berunding apa syaratnya?

Pertama, di Palestin sendiri, rakyat Palestin sendiri mesti berpakat untuk mewujudkan suatu kepimpinan yang boleh dihormati oleh negara-negara di dunia, dan kepimpinan itu boleh duduk berunding dengan musuh, kalau musuhnya tidak mahu duduk berunding tidak juga akan selesai.

Jadi, untuk ini saya percaya Menteri Luar Negeri kita tahu, dia tahu baca apa yang perlu untuk membolehkan musuh-musuh ini duduk berunding., Pertama, di Palestin sendiri kepimpinan dalam pilihan raya ini mesti wujud seorang yang dapat dihormati oleh rakyat Palestin dan dapat juga dihormati oleh musuh, dan di sinilah peranan OIC.

Tolonglah Menteri Luar Negeri, kalau boleh gunakan *influence* kita supaya menasihatkan orang-orang di Palestin bersatu, lupakan dahulu sengketa antara sesama sendiri di dalam Palestin sendiri, jangan ada calon yang mahu diketengahkan, ada orang yang hendak boikot, ada dari penjara yang hendak ikut juga bertanding, yang membolehkan orang lain masuk campur tangan, memberi udang dan “ada batu di sebalik udang”, bukan “ada udang di sebalik batu”. Dia tunjukkan udang, tetapi ada batu, hah inilah yang kita katakan tadi, mungkin ada orang yang hendak memberi pertolongan dengan muslihat yang lain.

Oleh sebab itu, dengan kita sebagai Pengerusi OIC tentu mempunyai pengaruh bukan sahaja di Palestin, tetapi di sekeliling negara-negara Palestin untuk menasihatkan orang-orang Palestin, bersatu kita dahulu, lupakan sengketa sesama sendiri di dalam Palestin sehingga ada satu orang yang dikemukakan sebagai calon, kalau boleh jangan ada orang tanding, biarlah dia menang tanpa bertanding, jadi suaranya penuh dengan mandat untuk berunding dengan musuh.

Yang kedua, kita mesti tahu juga minda orang Israel. Apa yang dia mahu? Saya percaya, orang Israel daripada kata-kata yang kita dengar, ia mahu berunding dengan orang yang mempunyai mandat, supaya bila dia berunding dengan orang itu

cakapnya didengar oleh orang Palestin. Tidak guna dia berunding dengan Yasser Arafat, orang Hamas pergi mengebom. Tidak guna dia berunding dengan Yasser Arafat orang Fatah pergi mengebom, kalau itu berlaku dia kata sama siapa kami berunding?

Jadi, kalaulah di Palestin dalam pilihan raya ini dapat satu orang pemimpin yang dia bila berunding, cakapnya didengar oleh orang Palestin, jadi barulah orang ini boleh berunding dengan Israel dan Israel pun mungkin akan percaya kalau keputusan dibuat, persetujuan dibuat oleh kepimpinan Palestin, orang Palestin akan hormat.

Saya fikir itulah sahaja caranya baru kita boleh duduk berunding, baru mendapat penyelesaian, kalau tidak, penyelesaian tidak akan mungkin, kerana pada ketika ini banyak pengaruh luar yang terlibat di situ, sehinggakan keganasan di seluruh dunia ini mungkin berpunca daripada masalah Palestin, orang-orang Islam yang terlibat marahkan tentang keadaan di Palestin, keadaan di Jerusalem, terjadilah macam-macam tuduhan yang menyebabkan masyarakat Islam dituduh sebagai masyarakat pengganas berpunca daripada itu, tetapi percayalah kalau saya, isteri saya dibunuh, saudara saya dibunuh, saudara lelaki saya dibunuh, anak saya dibunuh, rumah saya dibom, tanah saya dirampas, saya tidak hairan kalau saya sendiri yang bawa bom untuk berbuat demikian, tetapi cara itu tidak akan menyelesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi,

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta ringkaskan.

Datuk Haji Karim Ghani: Ringkas? Ya, inilah yang harus kita fikirkan, Israel sekarang setiap tahun menerima USD3 bilion daripada US, betul atau tidak, ini yang saya difahamkan. Jadi, selagi USD3 bilion ini diberikan untuk membantu Israel dalam peperangan yang tidak mungkin mahu mengadakan keamanan, kalau aman ia tidak akan berikan USD3 bilion lagi, sebaliknya pula kalau ada keamanan di Palestin, tidak ada ketegangan di rantau itu, orang yang menjual senjata akan bankrap, jadi inilah masalah yang harus kita fikirkan, bantuan kepada Israel, kalau betul orang yang membantu itu mahu menolong menyelesaikan masalah di Palestin, *stop* bantuan itu, kecuali Israel tunduk kepada kehendak dunia dan sebaliknya orang yang ingin menjual senjata di rantau itu, kita mintalah OIC memberitahu adakan keamanan, janganlah kerana mengambil kesempatan menjual senjata di dalam keadaan masalah di Palestin itu.

Jadi, inilah Tuan Yang di-Pertua dan Menteri Luar Negeri, saya percaya lebih bijak dan mengetahui keadaan ini, *we go straight to the point*, masalah di Palestin tidak akan selesai dengan peperangan, ia hanya akan selesai dengan perundingan, carilah jalan supaya berunding dan saudara-saudara kita di Palestin bersatu menghadapi perundingan ini dengan mandat yang penuh daripada rakyat Palestin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta wakil wanita seorang lagi, Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan. Yang Berhormat boleh bercakap berapi-api tetapi ringkas.

3.07 ptg.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Tuan Yang di-Pertua, ya, okey. Terima kasih. Saya ucapkan terima kasih di atas kebenaran kepada saya berucap sedikit dalam Usul Negara Palestin yang dibawa oleh Menteri Luar Negeri, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, Menteri ada bersama-sama kita ya.

Jadi, pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Palestin ini, yang mana saya rasa saya teringat lagi, tahun 1977 Usul ini saya bawa dalam Mesyuarat Wanita UMNO, sehingga hari ini, Usul ini ada lagi, iaitu Usul dibawa di dalam parti.

Usul yang dibawa semata-mata memberikan gambaran sokongan rakyat Malaysia kepada negara Palestin tidak berhenti-henti, dengan sokongan diberi melalui NGO-NGO, badan-badan sukarela, sumbangan dari segi pakaian, makanan, perubatan dan sebagainya, begitulah prihatinnya rakyat Malaysia kepada negara-negara yang ditimpa bencana seperti ini.

Di sini kita dapat gambaran bahawa kita semua patut bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan negara Malaysia yang berbilang kaum, berbilang agama, berbilang keturunan dan sebagainya dapat hidup dalam keadaan aman, damai dan tenteram.

Saya juga berasa syukur kerana rakyat Malaysia ini mempunyai semangat penyayang, semangat prihatin kepada apa juga bangsa sekali pun. Di dalam Dewan yang mulia ini, kita lihat isu Palestin dibawa oleh pelbagai bangsa dan agama, ada orang India pun bersama-sama menyokong, Cina sama-sama menyokong, Melayu juga sama-sama menyokong, demi hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat gambaran yang ditunjukkan di dalam media massa, di dalam media elektronik kita melihat betapa sedihnya masyarakat Palestin yang hari ini menyabung nyawa mempertahankan negara, bak kata pepatah, berapa berat mata memandang berat lagi bahu yang memikul.

Saya sungguh berasa bangga kerana Usul ini dibawa di dalam Dewan yang mulia ini, dan saya berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang sentiasa prihatin kepada masyarakat setempat, sentiasa prihatin kepada masalah-masalah yang dihadapi, dan saya berdoa di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Malaysia sentiasa sentosa aman.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan takziah kepada rakyat Palestin di atas kematian Yasser Arafat, pemimpin kesayangan mereka, seorang pejuang yang mempunyai semangat juang yang tinggi, yang telah menghabiskan masa, hidupnya semata-mata untuk memperjuangkan nasib rakyat dan negara Palestin, kematian beliau merupakan suatu kerugian, suatu kehilangan yang besar kepada rakyat Palestin. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan syabas kepada rakyat Palestin supaya menyambung perjuangan mereka dengan berterusan.

Saya juga berharap perjuangan kemerdekaan negara mereka akan tercapai. Saya juga berasa bangga dengan rakyat Palestin yang tidak putus-putus asa memperjuangkan hak mereka dengan bersabung nyawa sekali pun, pengorbanan yang begitu tinggi, yang dilahirkan oleh rakyat Palestin yang telah berlarutan selama 34 tahun, bayangkanlah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, 34 tahun, terharunya saya apabila melihat beberapa ramai kanak-kanak terbunuh, orang awam terbunuh, isteri kehilangan anak, suami kehilangan isteri, datuk dan nenek kehilangan cucu, keluarga kehilangan saudara mara, harta benda, hancur, rakyat menderita, titisan air mata yang tidak berhenti-henti bercucuran, alangkah sedihnya mereka.

Jadi, pada hari ini saya rasa Dewan yang mulia ini, telah melahirkan suatu semangat yang prihatin kepada rakyat Palestin yang ditimpa bencana yang amat mengecewakan kita.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini, saya juga mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Israel terhadap hak asasi manusia. Keganasan Israel yang zalim, yang begitu kejam, yang tidak mempunyai peri kemanusiaan, begitu juga dengan tentera-tentera Israel yang begitu kejam terhadap wanita, kepada Amerika juga yang berpura-pura membantu untuk keamanan, sebenarnya Amerika adalah pemusnah,

boleh diiktiraf sebagai pengganas, sebagai makhluk perosak yang tidak perlu dihormati, dan perlu dipulaukan sahaja, kalau kita tidak boleh pulaukan dia sebagai negara yang besar, kita pulaukan segala barangannya.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Datuk Haji Karim Ghani: Pohon penjelasan sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Karim Ghani: Saya minta penjelasan dua perkara, satu memang kita kutuk, tetapi apa cara penyelesaiannya. Nombor dua, kalau kita pulau Amerika, macam mana pula kalau Amerika pulau kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pepatah Melayu berkata, "Kalau kita bersatu, kita teguh", jangan anggap kita sebagai sebuah negara yang kecil, kita tidak boleh menjatuhkan negara besar, kerana kita tidak bersatu. Sekiranya OIC, negara-negara Islam ini bersatu boleh kita menangani negara-negara besar, jangan tidak kalau barang-barang pengeluaran Amerika sahaja yang kita pulaukan, seperti yang berlaku di India di masa zaman pemerintahan Indira Ghandi, bagaimana mereka memulaukan barangan Amerika, begitulah juga kita boleh buat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung!

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Saya lihat Bangsa-Bangsa Bersatu sekarang ini tidak berperanan yang sebenarnya, peranan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak ada penyelesaian hingga hari ini, saya anggap Bangsa-Bangsa Bersatu seolah-olah melepaskan batuk ditangga, dan hari ini dengan adanya OIC di mana Malaysia menjadi Pengerusi OIC, saya berharap usaha-usaha yang benar-benar, usaha yang bersungguh-sungguh di bawah Menterinya, yang saya tahu Datuk Seri Syed Hamid, orang yang bekerja kuat untuk bersama-sama dalam OIC ini supaya dapat memainkan peranan membantu negara-negara Palestin, seperti kata pepatah, "Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh".

Kepada negara-negara Arab ini juga perlu disarankan agar bersatu menentang Israel dan menyokong perjuangan rakyat Palestin serta mengutuk tindakan kejam Israel atas hak-hak asasi manusia. Saya berdoa agar rakyat Palestin dan negara yang berdaulat akan terbentuk. Dengan kata-kata itu, saya turut menyokong Usul berkaitan

dengan Palestin yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, Menteri Luar Negeri Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Sekarang saya mempersilakan Tuan Chiam Yong Tee.

3.16 ptg.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut sama dalam membahaskan untuk meluluskan Usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Menteri sendiri pada pagi ini, di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak perlulah saya mengambil masa 10 minit, 5 minit pun sudah cukup asalkan hasrat saya dapat disampaikan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Menteri dan juga rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini .

Tuan Yang di-Pertua, sementara kita menikmati kemakmuran, kedamaian dan kesejahteraan hidup yang kita ada di negara kita ini, tidak patutlah kita melupakan kawan-kawan kita di Palestin yang masih menderita dan hidup di dalam ketakutan, kekejaman dan keganasan yang dilakukan ke atas mereka oleh Israel.

Tuan Yang di-Pertua, pada Perang Dunia Kedua semasa Hitler atau Nazi yang melakukan kekejaman ke atas kaum Yahudi pada masa itu, rakyat di dunia mengutuk kelakuan Jerman itu. Jadi, sekarang pula negara Israel melakukan kekejaman ke atas rakyat Palestin dan patutlah rakyat seluruh dunia juga turut sama mengutuk perbuatan negara Israel itu. Kita nampak liputan dalam media massa bahawa kanak-kanak dan wanita dibunuh, rumah dan bangunan diruntuhkan dan juga pemimpin yang dipilih oleh orang Palestin sendiri disekat kebebasannya. Saya rasa ini adalah sesuatu yang langsung tidak menghormati hak asasi manusia, dan patutlah dikutuk dan ditentang sehabis-habisnya oleh semua negara termasuklah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bukan kita memberi sokongan semangat sahaja dengan meluluskan Usul yang dibawa ke dalam Dewan ini, tetapi kita juga jika perlu, jika wajar dan jika ada peluang memberi pertolongan dan bantuan dalam bentuk yang lain. Bentuk kewangan, kepakaran kita, apa sahaja bantuan yang kita mampu dan patut, kita perlulah sampaikan kepada rakyat Palestin yang menderita itu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada juga pandangan bahawa kaum Yahudi itu *stubborn*. Saya tidak setuju dengan pandangan itu. Sebenarnya yang kita tidak setuju dan kita benci ialah perbuatan kejamnya dan bukan apa-apa kaum ataupun mana-mana agama. Jadi ini patutlah kita jelaskan dengan sejelas-jelasnya bahawa yang kita tentang ialah perbuatan mereka yang kejam, yang mencerobohi hak asasi manusia yang dilakukan oleh Israel ke atas negara Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan keadaan atau konflik di antara Israel dan Palestin itu sebenarnya berlatarbelakangkan yang begitu rumit dan bukanlah semudah atau sejelas apa yang kita lihat. Tidak dapat dinafikan bahawa ada satu tangan yang tersembunyi di belakang konflik itu iaitu Amerika Syarikat dan kadang-kadang tangan itu tidak tersembunyi, tetapi terdedah oleh sokongan Amerika kepada Israel yang begitu jelas. Saya rasa Amerika ada agenda sendiri di Middle East kerana rantau itu kebetulan adalah kaya dengan *oil reserve*, dengan izin jadi kita fahamlah Amerika ada agenda sendiri dalam hal itu. Tetapi saya bersetuju sepenuhnya dengan seorang rakan yang berucap tadi, bahawa kalau kita hendak mencari penyelesaian mestilah dapat duduk semeja dan berunding dengan musuh. Kalau kedua-dua pihak atau mana-mana satu pihak enggan berdamai, enggan berunding, maka tidak ada keamanan ataupun kedamaian di rantau tersebut. Jadi, langkah yang konkrit, yang dapat kita buat pada masa ini setelah pemergiannya pemimpin kaum Palestin yang agung, Yasser Arafat, ialah kita berikhtiar mencari satu jalan penyelesaian supaya *road map* yang terbantut itu dapat dihidupkan semula dan cara yang menghala ke arah itu, ialah mengadakan satu pilihan raya dan juga memberi mandat yang sepenuhnya kepada seorang pemimpin yang akan dipilih oleh rakyat Palestin sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayarajam, kalau boleh Yang Berhormat Dato' saya beri masa 5 atau 6 minit kerana saya hendak beri peluang sedikit lagi, lebih kurang 5 minit kepada Tuan Lee Sing Chooi sebelum dijawab oleh Yang Berhormat Menteri sebentar lagi.

3.25 ptg.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba. Saya merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri di atas Usul berkenaan dengan isu Palestin yang begitu wajar dan tepat pada masa ini. Biarkan saya memberi sedikit latar belakang ataupun sejarah yang boleh kita menghargai atau *appreciate* keadaan ketidakadilan di Timur Tengah, isu Palestin-Israel.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1948, di ibu pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu di Flushing Meadow . New York, satu keputusan telah disampaikan oleh negara-negara merdeka yang wujud pada ketika itu. Keputusannya ialah membahagikan satu keluasan tanah sebelah Timur Laut Mediterranean yang di bawah pemerintahan British dan sudah dinamakan Palestin dari dahulu lagi di bawah jajahan Ottoman. Tanah itu dibahagikan untuk mencipta satu negara baru yang dinamakan Israel. Pada tahun 1948, kebanyakan negara yang wujud di dunia khususnya di Eropah dan Amerika Latin di bawah pengaruh negara Amerika Syarikat dan United Kingdom, negara-negara yang telah menang di dalam Perang Dunia Kedua. Negara lain seperti yang ada sekarang belum wujud lagi kerana semuanya masih di bawah pemerintahan negara-negara Eropah, Britain, France dan sebagainya dan tidak layak mengundi di Bangsa-Bangsa Bersatu pada masa itu.

Seperti kita Malaysia di bawah British, Indonesia di bawah Belanda dan negara-negara di Africa juga satu pun tidak layak mengundi pada masa itu, hanya negara-negara Arab membantah. Boleh dikatakan ini satu keputusan yang tidak adil untuk mencipta negara Israel. Apa yang selalu dilupakan atau diketepikan ialah keputusan itu juga sepatutnya memberi hak kewujudan negara Palestin bersama-sama dengan Israel. Malangnya selepas terciptanya negara Israel, maka hak-hak rakyat Palestin tidak dipedulikan langsung. Dengan keluarnya British daripada Palestin, tanahnya menjadi satu zon tanpa undang-undang dan penduduk-penduduknya, iaitu orang Palestin pun telah menjadi orang tiada negeri. Mereka didera dan diseksa oleh pihak Israel dan dipaksa lari ke sana ke sini sebagai pendatang tanpa izin, *refugee* dengan izin. Selepas itu pada Suez Crisis tahun 1956, perang 1957 dan perang Yom Kippor 1973, negara-negara Arab yang berhampiran dengan Israel iaitu Mesir, Syria dan Arab Saudi gagal menewaskan Israel di atas sebab bantuan kuat dari negara-negara Barat, khususnya Amerika Syarikat dengan senjata-senjata moden dan teknologi tinggi termasuk kapal terbang-kapal terbang perang, kereta kebal dan *missile*.

Pada tahun 1970 hingga 1980, ramai orang Palestin masuk tanpa izin ke negara Jordan dan di sana mereka diseksa dan dihalau oleh kerajaannya di atas huru-hara yang timbul. Pada tahun 1982 hingga 1986 satu keadaan rusuhan berada di Lebanon Selatan dekat sempadan Israel. Mereka menyerang dan Israel membalas serangan, itu ialah intifada. Di semua peperangan, pemberontakan dan huru-hara tersebut yang mengalami penderitaan ialah rakyat Palestin. Mereka dipaksa duduk di dalam kem-kem pendatang tanpa izin, diseksa oleh tentera Israel. Satu golongan rakyat dunia tanpa harapan.

Di dalam keadaan yang sengsara ini, satu isyarat harapan ialah Almarhum Tuan Yasser Arafat, walaupun dianggap oleh pihak-pihak tertentu sebagai seorang penganas, tetapi sebenarnya beliau adalah seorang perwira bagi rakyat Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkataan Inggeris "*One Man's Terrorist Is Another Man's Freedom Fighter*". Begitu juga dengan Jomo Kenyatta di Kenya, Mandela di Afrika Selatan (*South Africa*), Ben Bella di Algeria, Ho Chin Minh di Vietnam di anggap sebagai penganas oleh kuasa pemerintah tetapi sebetulnya mereka adalah wira – *freedom fighters*, dengan izin. Perjuangan Yasser Arafat untuk sebuah negara Palestin yang bebas adalah suatu perjuangan yang tidak terhingga.

Tuan Yang di-Pertua, usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar harus disokong. Ini bukan soal agama oleh kerana di antara golongan Palestin, selain daripada orang-orang Islam ramai juga yang beragama Kristian. Ini adalah satu soalan hak asasi manusia dan harus disokong bukan sahaja oleh rakyat Malaysia tetapi oleh seluruh dunia, tidak ada saluran lain lagi. Satu negara Palestin yang betul-betul bebas dan merdeka harus dibenarkan wujud di kawasan yang telah ditentukan dahulu peta jalan (*road map*) yang dicadangkan tidak beberapa lama dahulu khasnya Amerika Syarikat mesti dilaksanakan tanpa syarat-syarat dan tanpa kelewatan.

Kezaliman kepada rakyat Palestin harus diberhentikan dan mereka mesti diberi peluang menyertai komuniti dunia dan hidup di dalam suasana aman dan damai. Dengan kata-kata itu saya terus menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Luar. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' dan dipersilakan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Cuba ringkaskan.

3.31 ptg.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi kesempatan untuk saya berbahas mengenai usul ini. Masalah Palestin ini, semua sudah mengetahui ia adalah masalah yang rumit. Tokoh-tokoh yang mendapat Nobel Prize pun sehingga kini pun tidak dapat menyelesaikannya. Kita pasti mengkaji semula apa-apa strategi yang boleh digunakan supaya kedamaian dapat dicapai di tanah Palestin ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu cabaran – cabaran Palestin yang kritikal adalah pilihan raya yang akan datang. Kalau dalam pilihan raya itu tidak dapat satu *mandate* yang kuat, maka susahlah pihak Palestin untuk berunding dengan pihak yang lain. Saya harap dengan pengalaman Malaysia menguruskan perkara-perkara antara kaum dapat menasihatkan pihak pemimpin-pemimpin Palestin dan ketua-ketua parti Palestin yang bertanding supaya mereka dapat memutuskan dan memilih satu tokoh yang kuat untuk bertanding, itu yang mustahak. Kalau dapat kongsi kuasa seperti yang dilaksanakan di Malaysia, konsep ini dapat diberitahu kepada parti-parti Palestin yang akan bertanding itu supaya mereka memilih satu tokoh, kalau bukan semua parti sekurang-kurangnya parti-parti yang lebih kuat di situ supaya memilih satu tokoh untuk bertanding. Itu adalah satu strategi yang sangat kritikal untuk jalan perdamaian.

Tuan Yang di-Pertua, selepas itu juga kita mesti balik ke jalan dengan prinsip sejagat yang diberitahu oleh Tuan Yang di-Pertua pada pagi ini supaya kehormatan atas nyawa Malaysia itu, semua pihak mesti menghormatinya iaitu yang asas (*basic*) supaya nyawa-nyawa yang tidak berdosa itu tidak terkorban berterusan. Apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani tadi itu iaitu bom di sini dan di sana dan ini sudah menjadi suatu sebab dan kesan, kesan yang baru itu menjadi sebab yang baru dan selepas pengeboman itu sudah menjadi kesan dan sebab (*cause and effect*) itu berterusan, maka ini tidak akan menyelesaikan masalah itu. Saya harap dapat satu tempoh selepas kepimpinan itu diwujudkan, satu tempoh damai yang mana pengeboman itu diberhentikan supaya kedua-dua pihak itu boleh berunding dan berbincang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, kita tahu bahawa perasaan kebencian itu tidak akan mendatangkan kedamaian. Kalau ada tindakan yang dibuat kerana kebencian, maka kedamaian itu susah dicapai, maka semua emosi kebencian itu hendaklah dikurangkan supaya dapat hormat-menghormati di antara satu sama lain

dan kedamaian itu boleh dicapai. Saya harap dengan pengalaman Malaysia yang mengurus banyak perkara antara isu-isu mengenai berbilang bangsa dan agama itu dapat membantu orang-orang Palestin dan juga pelan perdamaian itu boleh dicapai supaya nyawa-nyawa yang tidak berdosa itu tidak lagi berterusan terkorban.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong usul ini.

Timbalan Yang di Pertua: Ringkas dan jelas. Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk memberi jawapan. Silakan.

3.32 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di Pertua, mulanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan usul mengenai konflik Israel-Palestin setelah kepulangan ke rahmatullah Yasser Arafat.

Tuan Yang di Pertua, saya khususnya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Wing, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri, Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani, Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah, Yang Berhormat Tuan Chiam Yong Tee, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam dan yang akhir sekali Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

Saya mendapati bahawa isi dan kandungan perbincangan ini menunjukkan keprihatinan dan penghayatan kita terhadap isu-isu semasa yang mempunyai kaitannya bagi mendirikan sebuah oder dunia yang lebih aman, yang lebih damai, yang mempunyai keselamatan dan kestabilan supaya umat manusia dapat hidup dengan sejahtera dan makmur, insya-Allah.

Isu Palestin bukan suatu isu konflik yang biasa dan Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh bahawa isunya adalah rumit, mempunyai *complexity* dengan izin, yang tersendiri dan mempunyai perkara-perkara yang berdekatan yang kadangkala berbeza di antara persepsi dan realitinya. Dari segi persepsi dan teorinya, mungkin cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan kita mudah untuk dilaksanakan, tetapi dari segi realitinya di atas bumi Palestin dan dari segi perspektif sejarahnya, ia mempunyai perkara-perkara yang amat susah dan payah bagi dirungkaikan.

Oleh itu saya mendapati bahawa tujuan dan niat kita memanglah jujur dan ikhlas. Ini yang mahu kita sampaikan. Walaupun kita mempunyai peluang yang amat tipis sekali untuk mencari penyelesaian dan kedamaian yang dapat dipertahankan bagi selama-lamanya, kita mesti menggunakan peluang ini dengan sebaik mungkin.

Oleh sebab itu apabila Ahli-ahli Yang Berhormat menyebut terhadap perundingan, dialog, permusuhan tidak akan mencetuskan kedamaian, kebencian adalah satu senjata yang memusnahkan manusia sendiri, itu semua tidak dapat diterima hakikat dan kebenaran. Tetapi apabila kita melihat kejadian-kejadian di Palestin yang menjadi mangsa adalah orang Palestin.

Orang-orang Palestin, dengan izin Tuan Yang di Pertua, "*The Palestinian are the victims and they are not the caused of the conflict*". Orang-orang Palestin adalah mangsa kepada apa yang berlaku terhadap soal keadilan sejagat, soal kemanusiaan, soal keadilan, soal pencabulan hak asasi – merekalah mangsa.

Apabila mangsa *react* ataupun reaksi mangsa di dalam sesuatu ketika, reaksinya kadangkala melampaui apa yang kita dapat lihat dari segi kemanusiaan. Sebab itu kita tengok dan saya berjumpa dengan anak-anak Palestin dan bila mereka mengatakan kepada saya, ini adalah sesuatu yang menyedihkan. Mereka mengatakan apakah saya sebagai seorang Palestin? Negara ini negara saya, sekarang saya menjadi pelarian dan tidak bernegara dan tidak beridentiti. Apabila saya tidak mempunyai identiti dan negara, saya hanya dikenal apabila saya melakukan, memusnahkan diri saya dan dengannya membawa kemusnahan kepada orang-orang lain yang telah menyebabkan kedudukan saya menjadi begini.

Jadi, perkara ini memang susah untuk kita fahami kalau kita melihat bukan soal agama, fasal di sana, saya fikir kalau saya berjumpa dengan orang-orang Yahudi, orang-orang Yahudi juga dijadikan Allah untuk menghuni bumi ini. Yang kita menentang ialah keadilan rejim Israel yang pada masa ini di bawah Areal Sharon yang tidak mengendahkan undang-undang antarabangsa, yang mencabul undang-undang dunia, mencabul hak asasi, yang menafikan segala keputusan yang dibuat oleh badan dunia, tetapi mereka diberi perlindungan yang amat besar sekali, payung mereka besar sekali, Tuan Yang di Pertua.

Apa pun, kalau kita hendak mengambil langkah menggunakan saluran undang-undang di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu, ataupun di Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, maka pelindung yang kukuh, suatu kuasa besar yang tidak

mempunyai tolok bandingnya, sebagaimana zaman dahulu, ada kuasa besar dan akhirnya Tuhan menjatuhkan kuasa besar itu, maka kita kena berdoa dan memohon tetapi dalam masa yang sama kita tidak boleh berhentian mulut kita dari bercakap dan menyuarakan. Sebab itu kita membawa usul ini bahawasanya usul ini menunjukkan kita mempunyai kesedaran dan keinsafan kita.

Tiap-tiap kali kalau saya pergi ke Bangsa-bangsa Bersatu, saya tidak lupa untuk berjumpa dengan pertubuhan-pertubuhan dan kumpulan-kumpulan Yahudi. Fasal apa? Kalau kita mahu mengenal orang, kalau kita mahu mempengaruhi orang, tidak ada jalan melainkan untuk kita bertemu dan bercakap. Tetapi saya tengok pada masa ini Areal Sharon mengatakan, masa zaman Allahyarham Yasser Arafat, dia kata dia tidak mempunyai rakan kongsi di dalam perdamaian. Tetapi kita tengok, ia ini adalah seorang yang dianggap oleh Amerika Syarikat sebagai seorang yang paling aman sekali, sedangkan sejarah dan latar belakang Areal Sharon menunjukkan beliau telah melakukan pelbagai jenayah kemanusiaan, *genocide* daripadanya, tetapi dia pada masa ini dianggap sebagai rakan.

Sebab itu Malaysia sebagai sebuah negara yang kecil, memimpin negara-negara OIC dan NAM, kita tahu bahawa kita tidak mempunyai kuasa untuk menundukkan kuasa besar, tetapi kita menganggap dan mengambil iktibar daripada peribahasa kita, kalau lidi itu satu mudah dipatahkan, tetapi kalau ia dicantumkan dan menjadi penyapu, kita cuba patahkan, tidak mungkin dan penyapu itu boleh melakukan sesuatu yang baik untuk membersihkan sesuatu kejadian, membersihkan kawasan dan persekitarannya.

Sebab itu saya menghargai pandangan-pandangan, sama ada daripada perspektif sejarah yang penting pada tahun 1917 jangan kita lupa peranan British. Peranan British amat besar sekali, Balfour telah membuat satu deklarasasi iaitu menjanjikan Israel, orang-orang Yahudi pada ketika itu untuk diwujudkan bumi Israel di Palestin. Dan sebagaimana yang Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam tadi mengatakan bahawa sebenarnya negara Israel ini adalah satu-satunya negara di dalam sejarah dunia yang dicipta melalui Bangsa-Bangsa Bersatu - Bangsa-bangsa Bersatu yang menciptanya.

Oleh kerana itu kita mesti menganggap dia sebagai suatu ciptaan, ciptaan itu telah wujud realitinya. Pada suatu masa negara Arab dan negara-negara Islam tidak mahu langsung mengiktiraf Israel, mereka mahu Israel dihapuskan tetapi demi

kedamaian, demi keselamatan, demi bagi mewujudkan sebuah negara Palestin, sekarang kita menerima apa yang diusulkan oleh Amerika Syarikat iaitu se buah negara Palestin dan Israel dengan izin, *living side by side in peace, security and stability*; iaitu sebuah negara Israel dan Palestin duduk sebelah menyebelah di dalam keadaan aman, damai dan selamat.

Ini telah kita setuju dan Palestin sendiri bersetuju, ini adalah suatu anjakan. Saya bertanya dengan Setiausaha Negara Amerika, saya bertanya dengan Setiausaha Negara Britain dan saya bertanya dengan Kesatuan Eropah, setelah Negara-negara Arab dan setelah Negara-negara OIC dan Negara-negara NAM menerima kewujudan Israel hidup sebelah menyebelah negara Palestin dengan aman dan damai, apakah balasan di atas persetujuan itu.

Buat masa ini tidak ada lagi balasan, *is one sided*, dengan izin *is one sided affair*. Saya fikir suasana persekitaran bukan bergantung pada pilihan raya Palestin. Pilihan raya Palestin ini siapa hendak bagi duit pun tidak mengapa tetapi yang kita tidak mahu ialah ada negara luar yang sekali lagi mahu menunjukkan siapa patut menjadi pemimpin di dalam sesebuah negara.

Masa dahulu kita diberitahu bahawa kita mahu tentukan, kita dapat menukarkan Kerajaan Iraq di atas asas ada senjata pemusnah, ada senjata kimia, ada senjata yang boleh mengancam ketenteraman di dalam kawasan itu. Tetapi pada hari ini kita tengok sebenarnya kita telah *terdodoi* ataupun terleka kerana sebenarnya ialah untuk menukar pucuk pimpinan dalam sebuah negara.

Kita hendak siapa juga yang dipilih oleh rakyat Palestin, kita akan sokong, itu hak rakyat Palestin yang mempunyai kebebasan autonomi. Malaysia patut berbangga, kita mengiktiraf negara Palestin pada tahun 1948 sebagaimana Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam cakap tadi, memang sudah pun ada usul yang negara Palestin patut diwujudkan setelah diwujudkan negara Israel. Tetapi sekarang kita tengok 242 Oslo Accords, kita tengok Madrid Accord, macam-macam, lepas itu sekarang peta, *road map*, sekarang perkataan yang paling popular sekali ialah *road map*, semua *road map*. Road map di Myanmar, ada apa-apa masalah sahaja *road map*.

Memanglah kita perlukan kepada satu hala tuju, tunjuk arah untuk menunjuk demikian. Tetapi saya fikir yang penting sekali ialah kita berharap, baru-baru ini Perdana Menteri kita berbincang dengan Presiden Bush setelah ia dipilih semula untuk mengatakan Amerikalah yang akan menjadi penentu sama ada negara Palestin

wujud, fasal tanpa Amerika, negara Israel tidak boleh bersikap begitu. Israel tidak boleh mengambil sikap yang terlampau sombong dan *ignore* ataupun tidak mendengar langsung apa yang masyarakat antarabangsa hendak.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya fikir mesej atau pesanan yang akan kita sampaikan pada hari ini, hasil daripada perbahasan dan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat akan menjadi satu hantaran mesej yang akan memberi semangat kepada roh perjuangan orang-orang Palestin.

Saya berasa amat gembira sekali melihat komitmen kita, dedikasi kita dan kita membincangkan perkara ini tanpa mengaitkannya dengan soal, ini orang Islam punya, ini orang Arab punya, tetapi ini adalah isu keadilan sejagat. Memang kita sudah bagi tahu Israel, bila saya bercakap dengan Allahyarham Presiden Yasser Arafat beberapa bulan sebelum beliau meninggal dunia, saya telefon dia, bercakap dengan dia, dia mengatakan kepada saya yang dia cukup berterima kasih dengan Malaysia kerana Malaysia walaupun jauh kita duduk dan kita bukan sebahagian daripada rantau Arab dan rantau Timur Tengah, kita begitu prihatin dan rakyatnya prihatin dan ini menjadikan masyarakat Palestin begitu terharu kepada apa yang kita lakukan dari masa ke semasa.

Bila saya pergi ke Ramallah sebelum daripada ini saya pergi ke Ramallah, hendak masuk Ramallah itu dalam bumi Palestin mesti mendapat izin daripada Israel. Saya pergi ke Ramallah daripada Jordan, daripada Amman. Daripada Amman, apabila saya masuk sahaja ke kawasan itu naik sahaja helikopter, kita dilindungi, diikuti oleh dua kapal terbang ataupun helikopter pejuang Israel, dia masuk dan dia bagi kita tidak boleh duduk lama, satu jam kena keluar.

Saya pergi ke Ramallah dan saya tengok di mana Yasser Arafat tinggal. Dia tinggal di bawah tanah dekat bangka, dekat bangka itulah, tidak ada katil tidak ada apa, tempat tidur begitu, asyik duduk sahaja dan makan dia, dengan barang-barang yang sudah disejukkan dan saya tengok dekat luar, kereta hancur, rumah-rumah hancur, lepas itu saya pergi melawat hospital dan bila saya melawat hospital begitu, saya berasa amat sedih sekali, sebab saya melihat remaja-remaja walaupun hidup tetapi tidak mempunyai keupayaan lagi.

Ada yang ditembak supaya dia akan menjadi *paralyse*, bukan dia hendak matikan, dia tentukan remaja ada di tempat-tempat yang kita sangka kalau kita telah dizalimi. Orang-orang Yahudi yang menzalimkan mereka adalah orang-orang Eropah.

Bila terjadinya Perang Dunia Kedua, tempat-tempat mereka telah dibunuh secara beramai-ramai. Masa zaman pemerintahan Islam, tempat mereka berlindung adalah negara-negara Islam seperti di Mesir, di Morocco, di Maghribi, di Tunisia, di Iraq, di Iran, ini semualah tempatnya, sebab itu saya tidak menganggap sebagai masalah agama dan masalah kaum. Saya fikir ini adalah masalah *geopolitik* dunia yang dimainkan.

Memang kita memberitahu bahawa pendekatan kekerasan, kita bagi tahu kepada Israel pendekatan, saya salah seorang Menteri yang berjumpa dengan Menteri Luar Israel, saya tahu PAS hentam saya, masa saya jumpa dengan dia. Saya tengok, kalau kita hendak mendapat perundingan ini masa Peperangan Udaibiyah, kita membuat ikatan janji di antara kaum, Islam dan bukan Islam.

Begitu juga dengan hasilnya Piagam Madinah kerana kita memberi perlindungan, kalau mereka tidak memusuhi kita, orang tidak memusuhi kita, kita mencari perlindungan. Tetapi bila saya berjumpa dengan dia, dia tanya dengan saya satu soalan. Dia kata fasal apa kita tidak boleh mengikat perjanjian ataupun mengadakan hubungan diplomatik.

Tetapi Menteri Luar itu tidak lama, David Levi. David Levi ini pandai berbahasa Arab, fasih dia berbahasa Arab kerana dia seorang Yahudi daripada Morocco dan bila dia bercakap dengan saya dia kata, kita mesti adakan hubungan diplomatik. Saya kata tidak boleh. Lepas itu dia cakap kalau diplomatik tidak boleh mari kita adakan hubungan perdagangan. Saya kata juga tidak boleh.

Lepas itu dia tanya saya macam mana Malaysia ini tak boleh. Negeri-negeri Arab pun ada jalinan hubungan diplomatik dengan kita, Indonesia pun ada hubungan dengan kita. Saya kata Malaysia ada perbezaannya, selagi soal-soal pokok tidak dapat diselesaikan, negara Palestin tidak terbentuk, kedamaian tidak diwujudkan, selagi itu kita tidak akan dapat mengadakan hubungan diplomatik.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Karim bahawa cara penyelesaian ialah untuk berunding. Kita memberitahu Israel tidak boleh menggunakan kekerasan bagi mereka menundukkan rakyat Palestin, ia tidak akan menyelesaikan masalah. Cara yang terbaik ialah mencari rakan kongsi kedamaian.

Kini dan dahulu sudah ada rakan kongsi, mereka mesti duduk dan kalau mereka mahu kedamaian, kehendak rakyat Palestin mesti dipenuhi. Kalau tidak dipenuhi melalui saluran diplomatik dan politik sahajalah akan mendapat penyelesaian.

Pada hari ini kita berhadapan dengan keadaan ini, kita hanya setakat dapat membuat usul sahaja. Kita membuat usul tetapi Malaysia akan terus berusaha setakat yang mungkin untuk melahirkan suasana yang boleh ada keyakinan. Keyakinan mesti diwujudkan, *confidence-building measure*, Tuan Yang di-Pertua bagi kita membawa rakyat yang bertelagah. Di Israel sendiri bukan sedikit orang Arab. Di Israel dekat dua bilion orang Arab di Israel dan mereka menggunakan orang Arab, pasport mereka Israel dan Ahli Parlimen Israel, Neseder adalah Ahli Parlimen daripada orang Palestin, orang-orang Arab.

Tetapi soalnya apakah hak asasi yang diberikan kepada orang-orang ini, apakah kebebasan? Macam tembok itu, tembok itu dia buat tembok. Dia hendak buat tembok untuk keselamatan buatlah tembok keselamatan, tetapi fasal apa tembok keselamatan itu dibina di kawasan, di wilayah yang mereka takluk secara tidak sah. Itu keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa bahawa pembinaan tembok itu adalah dibuat di dalam wilayah yang tidak sah, bukan wilayah mereka, wilayah Palestin buat dekat kawasan dia, kita hendak buat di kawasan rumah kita tembok, buatlah, orang lain tidak boleh marah. Tetapi apabila kita masuk kawasan orang lain, mesti kita mempunyai hak untuk merasakan ini adalah suatu kesalahan.

Tetapi apabila sudah diputuskan salah, dia kata ini nasihat, ini tak guna, Mahkamah Keadilan tak guna, padahal Rejim Israel sekarang, hanya berguna jika ia memihak kepada Israel.

Jadi, Malaysia memang kita cari, saya tahu yang Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tunjukkan contoh-contoh Malaysia. Saya tengok ia ada ajaran dalam agama Islam, kadangkala manusia dijadikan ada mata tetapi tidak dapat melihat, ada telinga, kita tidak boleh mendengar, kita ada mulut tetapi kita tidak berani untuk menegakkan kebenaran.

Oleh itu, kita berharap dan berdoa kepada Allah S.W.T. supaya orang-orang Malaysia akan terus dapat menyuarakan di atas asas keadilan sejagat, di atas asas kita mahu kedudukan rakyat Palestin terbela, insya-Allah dan bila kita berjumpa dengan ibu-ibu Palestin, ibu-ibu Palestin memberitahu kepada kita walaupun anak-anak mereka terbunuh, kita tidak menyokong keganasan tetapi kita kena memahami mengapa keganasan itu dilakukan.

Adakah ibu mahu melihat anaknya meletup, berkecai, saya tak fikir ada ibu atau bapa hendak melihat, tetapi kita kena menghilangkan suasana dan persekitaran

yang melahirkan keganasan. Sebab itu Malaysia berpegang teguh kepada cara bagi mengatasi keganasan, mengatasi tindakan-tindakan pelampau. Salah satu caranya ialah untuk kita mengetahui, bukan simptomnya tetapi untuk mengetahui sebab yang sebenar supaya kita memberikan *diagnosis* yang tepat bagi mengatasi masalah tersebut.

Jadi, atas sokongan ini, saya akan dapat menyampaikan dan memberikan saya kekuatan yang istimewa daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pandangan, di atas teguran yang telah diberikan yang saya fikir bukan satu usul yang dibawa kerana mempunyai matlamat dan unsur politik, tetapi unsur sejagat dan keadilan, unsur kemanusiaan, unsur hak asasi dan saya dapatlah berani sedikit lagi bila saya bersuara di peringkat antarabangsa ataupun rantau dengan dokongan dan sokongan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Rakyat dan pada hari ini daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu banyak perkara yang telah disebutkan satu persatu. Kalau saya hendak menjawab satu persatu, maka ia akan mengambil masa yang agak panjang dan banyak. Segala perkara yang dibawa dan teguran dan cadangan, pandangan telah dicatatkan dan kita akan mengambil tindakan mengikut kewajaran dan kesesuaiannya di dalam sesuatu perkara yang telah disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Insya-Allah dengan kesepakatan yang kita tunjuk, dan dengan perpaduan yang kita tunjuk ia boleh menjadi contoh dan teladan kepada negara-negara lain untuk kita mencapai matlamat melahirkan kedamaian dan keamanan serta keselamatan dan insya-Allah dengan itu kemakmuran untuk dunia sejagat. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya mencadangkan. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

**RANG UNDANG-UNDANG AGENSI ANTIDADAH
KEBANGSAAN 2004**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.02 ptg.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 adalah bertujuan untuk menubuhkan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dengan mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya untuk bertindak melaksanakan fungsi-fungsi penguatkuasaan berhubung dengan:

- (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234);
- (b) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Akta 283);
- (c) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta 316); dan
- (d) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 (Akta 340).

Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) yang ada sekarang ini ditubuhkan dengan kuasa Jemaah Menteri pada tahun 1996 dalam mesyuarat yang diadakan pada 7 Februari 1996 dan diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Mulai Mac 2004, ADK ini diletakkan di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. ADK merupakan gabungan dua badan kerajaan, iaitu Pasukan Petugas Antidadah (PPAD) di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah (BRPD) yang dulunya terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Fungsi-fungsi ADK ialah melaksanakan pencegahan, rawatan dan pemulihan penagihan dadah, menjalin hubungan serta kerjasama antarabangsa mengenai usaha membanteras dadah dan menjadi Urusetia kepada Majlis Dadah Kebangsaan (MDK). ADK tidak mempunyai kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ke atas Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 yang dikuatkuasakan pada masa sekarang.

Fungsi penguatkuasaan undang-undang dadah dilaksanakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan juga Bahagian Farmasi, Kementerian Kesihatan. Dalam pada itu Jabatan Kastam & Eksais Diraja Malaysia dan Unit Pencegahan Penyeludupan menjalankan fungsi mencegah penyeludupan dan kemasukan dadah secara haram. Fungsi-fungsi penguatkuasaan Undang-undang Dadah meliputi penahanan, penangkapan, penyiasatan, pendakwaan dan perisikan yang diberikan kepada ADK adalah bertujuan untuk memantapkan lagi peranan ADK sebagai agensi *focal point* negara dalam usaha membanteras gejala dadah.

Fungsi penguatkuasaan kepada agensi *focal point* membanteras dadah telah pun dilaksanakan di beberapa buah negara seperti *Drugs Enforcement Agency*, Amerika Syarikat; *Central Narcotics Bureau*, Singapura; *Philippines Drug Enforcement Agency*, Filipina; Badan Narkotika Nasional, Indonesia; *National Narcotics Control Committee*, China; dan *Anti-Narcotics Forces*, Pakistan.

Fungsi-fungsi penguatkuasaan yang diberikan kepada ADK tidak termasuk fungsi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Bahagian Farmasi, Kementerian Kesihatan, iaitu yang berkaitan dengan pengimportan, pengeksportan, pengilangan, penjualan dan perdagangan dadah dan bahan-bahan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Selanjutnya dengan fungsi penguatkuasaan yang diberikan kepada ADK, fungsi-fungsi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia akan *complement*, dengan izin, kepada fungsi-fungsi penguatkuasaan AADK.

Tuan Yang di-Pertua, perkara penting yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini adalah seperti yang berikut:

- (i) penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan;
- (ii) kuasa dan fungsi-fungsi agensi;
- (iii) perlantikan seorang Ketua Pengarah agensi oleh Yang di-Pertuan Agong dan perlantikan pegawai-pegawai lain agensi;
- (iv) pegawai-pegawai agensi mempunyai segala kuasa dan kekebalan berdasarkan pangkat tertentu seseorang pegawai polis;
- (v) pegawai agensi yang menjalankan siasatan diberikan tempoh selama tiga bulan untuk mengemukakan laporan siasatan serta

- kertas siasatan kepada Pendakwa Raya. Sekiranya gagal, Pendakwa Raya boleh mendakwa pegawai berkenaan; dan
- (vi) seseorang yang memberi maklumat terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Akta Dadah yang berkaitan dilakukan oleh orang yang disyaki boleh meminta laporan status siasatan dari AADK dan seterusnya boleh mengadu kepada Pendakwa Raya jika AADK gagal memenuhi permintaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan dengan lebih lanjut rang undang-undang ini.

Bahagian I -

Fasal 1 mengenai tajuk ringkasan dan membenarkan Menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 pula memberikan takrif terhadap perkataan-perkataan yang digunakan dalam akta yang dicadangkan, iaitu 'agensi', 'Ketua Pengarah', 'Menteri' dan 'Pegawai Agensi'.

Bahagian II -

Fasal 3 ialah mengenai Agensi Antidadah Kebangsaan adalah ditubuhkan di bawah Akta yang dicadangkan. Agensi ini digunakan khidmatnya bagi melaksanakan pencegahan, rawatan dan pemulihan penagih dadah, pengesahan, penangkapan, penguatkuasaan, penyiasatan dan pendakwaan pesalah-pesalah yang melibatkan kesalahan dadah berbahaya. Tahanan, pencegahan khas orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubung dengan/atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya, perlucuthakan harta yang dikaitkan dengan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan dadah berbahaya dan pengumpulan risikan keselamatan yang berhubung dengan aktiviti dadah berbahaya.

Fasal 4 ialah mengenai pelantikan Ketua Pengarah bagi mengetuai agensi. Ketua Pengarah hendaklah daripada kalangan anggota pentadbiran awam yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri untuk suatu tempoh dan atas terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam suratcara perlantikan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini Ketua Pengarah ADK adalah dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dari kalangan anggota perkhidmatan awam tanpa apa-apa syarat yang khusus. Bagaimanapun, sekiranya seseorang pegawai yang dilantik itu dari kalangan bukan Pegawai Tadbir dan

Diplomatik, cara perlintikannya dibuat secara pinjaman atau pertukaran sementara yang mengandungi terma dan syarat tertentu.

Fasal 5 ialah mengenai pelantikan pegawai-pegawai lain agensi. Pegawai-pegawai lain agensi ialah:

- Timbalan Ketua Pengarah;
- Pengarah;
- Ketua Penolong Pengarah;
- Penolong Pengarah;
- Penyiasat;
- Penolong Kanan Pegawai;
- Penolong Pegawai; dan
- apa-apa bilangan pegawai lain sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan akta ini.

Pegawai-pegawai agensi hendaklah diberikan perakuan lantikan dalam bentuk kad kuasa yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah agensi.

Bahagian III –

Fasal 6 ialah mengenai fungsi-fungsi agensi iaitu seperti berikut:

- (i) mendidik orang ramai untuk menentang penyalahgunaan dadah berbahaya;
- (ii) mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi penyalahgunaan dadah berbahaya;
- (iii) menguatkuasakan, menjalankan, menunaikan dan melaksanakan kuasa kewajipan dan fungsi di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983;
- (iv) mencegah dan menyekat pengedaran haram dan penyalahgunaan dadah berbahaya;
- (v) menguatkuasakan, menjalankan dan memberi kuat kuasa kepada peruntukan Akta Dadah Berbahaya 1952, kecuali Seksyen 457, perenggan 91A Seksyen 11, subseksyen 12(1) dan Seksyen 16 dan 17;
- (vi) melaksanakan kuasa kewajipan dan fungsi di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985;

- (vii) menguatkuasakan, mentadbirkan, menjalankan dan memberi kuat kuasa kepada peruntukan Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988;
- (viii) memberikan bantuan dalam apa-apa perkara penyalahgunaan dadah berbahaya atas permintaan negara asing sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 atau Akta 621;
- (ix) menasihati Menteri mengenai polisi yang berhubungan dengan pencegahan penyalahgunaan dadah berbahaya, rawatan dan pemulihan penagih dadah, langkah pencegahan khas terhadap orang yang ada kaitan dengan pengedaran dadah berbahaya dan pelucuthakan harta yang dikaitkan dengan kesalahan dadah berbahaya; dan akhir sekali
- (x) secara amnya melaksanakan apa kewajipan lain bagi memerangi penyalahgunaan dadah berbahaya atau melakukan segala perkara yang bersampingan dengan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya fungsi-fungsi yang tersebut tadi adalah sudah jelas dan tidak memerlukan huraian yang lanjut. Bagaimanapun wajar saya nyatakan sekali lagi di bawah fungsi-fungsi ADK yang diberikan oleh akta ini tidak meliputi penguatkuasaan ke atas seksyen-seksyen yang tersebut di dalam akta ini yang kekal di dalam bidang kuasa bahagian farmasi Kementerian Kesihatan.

Fasal 7, ialah mengenai kuasa agensi, iaitu agensi hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan maksud yang disebut dalam subseksyen 32 dan untuk melakukan segala perkara yang munasabah perlu atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah seksyen 6.

Seterusnya Fasal 7 ini, menerangkan mengenai pegawai agensi diberikan segala kuasa dan kekebalan kepada pegawai polis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1992 atau Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988.

Kuasa dan kekebalan pegawai agensi yang diperjelaskan ialah seperti berikut:

- Timbalan Ketua Pengarah;
- Ketua Penolong Pengarah; dan

- Penolong Pengarah
 - (i) mempunyai kuasa pegawai polis berpangkat Penolong Penguasa Polis atau yang lebih tinggi;
 - (ii) penyiasat mempunyai kuasa pegawai polis berpangkat inspektor;
 - (iii) penolong kanan pegawai mempunyai kuasa pegawai polis yang berpangkat sub-inspektor;
 - (iv) penolong pegawai mempunyai kuasa pegawai polis yang berpangkat sarjan; dan
 - (v) pegawai lain yang berpangkat lebih rendah dari pangkat Penolong Pegawai mempunyai kuasa pegawai polis berpangkat koperal atau lebih rendah.

Bahagian IV –

Fasal 8 bertujuan untuk membenarkan mana-mana orang yang telah memberikan maklumat kepada agensi mengenai sesuatu kesalahan di bawah 4 akta dadah yang saya sebutkan tadi untuk meminta agensi supaya memberikan laporan tentang status penyiasatan. Bagaimanapun, agensi tidak dikehendaki memberi laporan status tentang penyiasatan sesuatu kesalahan melainkan permintaan tersebut belum luput tempoh empat minggu dari tarikh pemberian maklumat diterima dan laporan penyiasatan berkenaan mengandungi perkara-perkara yang mungkin memudaratkan penyiasatan atau pendakwaan kesalahan berkenaan.

Seterusnya fasal ini memberi kebenaran kepada orang yang meminta laporan daripada agensi membuat laporan atau aduan kepada pendakwa raya jika agensi gagal memenuhi permintaannya tanpa sebab-sebab tertentu yang ditetapkan di dalam akta ini. Pendakwa raya selanjutnya hendaklah mengarahkan agensi memberikan sesuatu laporan, status penyiasatan yang berkenaan dan memberikan laporan berkenaan kepada pemohon atau mengarahkan agensi memberikan laporan berkenaan kepada pemohon.

Sekiranya pegawai agensi tidak mematuhi arahan pendakwa raya, dia melakukan sesuatu kesalahan yang apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sebulan atau denda tidak melebihi RM1,000 atau kedua-duanya. Fasal ini bukanlah bertujuan untuk menekankan atau menyusahkan pegawai agensi, sebaliknya ia adalah bertujuan melindungi kerajaan supaya rakyat yang prihatin lagi

komited membantu kerajaan untuk membanteras dadah, merasa sumbangan mereka dihargai dan tidak akan rasa kecewa dan putus asa. Ia juga mencerminkan dasar kerajaan yang mengamalkan ketelusan dalam pentadbirannya.

Fasal 9 ialah mengenai pegawai agensi yang membuat penyiasatan hendaklah mengemukakan sesuatu laporan penyiasatannya berserta dengan kertas siasatan kepada pendakwa raya dalam masa satu minggu selepas tamatnya tempoh tiga bulan dari tarikh maklumat itu diberikan. Kegagalan berbuat demikian merupakan satu kesalahan yang apabila disabit boleh dipenjarakan selama tempoh boleh sampai sebulan atau denda boleh sampai RM1,000 atau kedua-duanya.

Fasal ini mungkin difikirkan oleh sesetengah pihak termasuk anggota pentadbiran awam sebagai tidak adil kepada pegawai penyiasat. Ia adalah kerana pegawai penyiasat melakukan satu kesalahan jika gagal mengemukakan laporan dalam tempoh yang ditetapkan. Sedangkan tempoh siasatan mungkin mengambil masa yang lebih lama jika melibatkan kes yang rumit atau pegawai penyiasat mempunyai jumlah kes yang banyak.

Saya juga menjangkakan bahawa ada pihak yang akan membuat andaian bahawa fasal ini boleh menyebabkan seseorang pegawai penyiasat mengambil jalan mudah atau dengan menyediakan laporan penyiasatan dengan ala kadar atau tanpa berkualiti atau untuk melepaskan batuk di tangga bagi mengelakkan dari dikenakan tindakan. Saya juga sedar bahawa perkara ini sedang dikaji oleh dengan izin, *Select Committee*, dengan izin apabila fasal seperti ini dimasukkan dalam cadangan pindaan kanun Acara Jenayah atau dengan izin *Criminal Procedure Code*. Dengan hubungan ini wajar juga saya menyatakan bahawa kuasa seperti ini telah pun dimasukkan dalam Akta Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia 2004 atau Akta 637.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya berpandangan positif dalam perkara ini. Fasal ini bukanlah bertujuan untuk mengetepikan keselesaan pegawai penyiasat dalam mengendalikan sesuatu siasatan. Begitu juga ia tidak seharusnya dijadikan sebagai satu punca bagi pegawai penyiasat menyediakan laporan penyiasatan yang tidak berkualiti. Kita hendaklah melihat kepada semangat fasal itu iaitu untuk kerajaan memberikan *delivery service*, dengan izin, dengan cepat dan untuk mengelakkan seseorang pegawai penyiasat mengambil sikap sambil lewa dan tidak bertanggungjawab dalam menyelesaikan sesuatu penyiasatan. Inilah hasrat kerajaan Barisan Nasional untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Saya

percaya pendakwa raya tidak sewenang-wenangnya melaksanakan fasal ini melainkan bagi kes-kes yang benar-benar menunjukkan kecuaiian dalam kelembapan seseorang pegawai penyiasat.

Fasal 10 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa setiap pegawai agensi disifatkan sentiasa berusaha apabila dikehendaki melaksanakan kewajipan atau fungsinya.

Fasal 11 bertujuan untuk mengkehendaki pegawai Agensi supaya mengemukakan kad kuasanya jika diminta oleh orang yang mengambil terhadapnya tindakan di ambil.

Fasal 12 bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah bagi mengeluarkan yang disebut sebagai perintah-perintah tetap yang mengandungi perkara-perkara mengenai pentadbiran kawalan am, latihan, tugas dan tanggungjawab pegawai Agensi.

Fasal 13 bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Menteri membuat peraturan-peraturan yang perlu dalam melaksanakan fasal ini.

Saya berpendapat bahawa Fasal 10 hingga 13 mempunyai maksud yang sudah jelas. Oleh itu saya merasa tidaklah perlu untuk saya menghuraikan dengan lebih lanjut lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat di atas pembentangan yang cukup lengkap dan komprehensif.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk menubuhkan agensi Antidadah Kebangsaan untuk meletakkan kuasa pada pegawai-pegawai agensi untuk melaksanakan fungsi pencegahan, rawatan, pemulihan, penguatkuasaan, penyiasatan, langkah-langkah pencegahan khas, pelucuthakan harta dan pentadbiran mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234], Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, [Akta 283], Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 [Akta 316], Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 [Akta 340] dan bagi perkara-perkara yang perlu atau yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Datuk Dayang Mahani, silakan.

4.25 ptg

Datuk Hajah Dayang Mahani Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkanlah saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004. Sebelum itu, kesempatan ini juga saya ambil untuk mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Dewan yang baru mengangkat Sumpah dan saya mengucapkan selamat menjalankan tugas dan dalam kesempatan ini saya juga ingin merakamkan takziah kepada keluarga mendiang Yang Berhormat Sinniah a/l Raju. Kita mendoakan agar keluarga beliau kuat dan sabar menerima dugaan Tuhan dan saya berkeyakinan bahawa jasa dan sumbangan beliau kepada Dewan yang mulia ini akan sentiasa dikenang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah dadah yang melanda negara kini bukannya sesuatu yang baru. Sejak daripada Tanah Melayu dipelopori atau memperolehi kemerdekaan, dadah sudah menjadi antara jenayah yang sering kali mengancam keselamatan negara. Jika satu ketika dahulu ancaman yang terbesar yang dihadapi oleh negara ini datangnya daripada pihak penjajah dan juga ancaman komunis tetapi kini setelah kedua-dua ancaman besar ini dapat dipulihkan, muncul pula masalah dadah yang dilihat sekarang ini menjadi masalah yang serius dan perlu ditangani dengan secara segera.

Penyalahgunaan dadah bukan isu bermusim, sebaliknya ia umpama barah yang apabila tidak dicegah dan dirawat akan merebak dengan cepat dan akibatnya boleh membawa kehancuran serta kemusnahan kepada orang yang membabitkan diri kepadanya. Dengan erti kata yang lain walaupun penguatkuasaan, pencegahan dan pelbagai langkah telah diambil, namun hingga kini masalah dadah masih menjadi ancaman nombor satu negara. Tidak hairanlah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu supaya negara bebas sepenuhnya daripada masalah dadah menjelang tahun 2015, ini kerana beliau melihat kesan yang dibawa oleh masalah dadah ini amat besar dan terlalu signifikan kepada kehidupan penduduk negara secara keseluruhan dan boleh menjejaskan kepimpinan di semua peringkat. Kebimbangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

sememangnya berasas berdasarkan kepada data yang ada, dadah mampu memberikan keburukan kepada negara dari pelbagai aspek.

Pertama, dari segi penglibatan golongan yang terjerumus ke dalam aktiviti hina ini berdasarkan statistik, 70% penagih dadah merupakan golongan remaja dan muda. Angka sedemikian memanglah membimbangkan kita lebih-lebih lagi pada masa kini kerajaan semakin terdesak untuk menghasilkan pemimpin-pemimpin pelapis yang benar-benar berwibawa dan di kalangan daripada golongan ini iaitu golongan muda dan remaja supaya kecemerlangan dan kegemilangan yang dicapai oleh negara sekarang ini mempunyai kesinambungan pada masa yang akan datang.

Di Sabah Tuan Yang di-Pertua, 65% penagih dadah adalah mereka yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 39 tahun, di mana kategori usia sedemikian adalah golongan muda. Malah, apa yang lebih menakutkan ialah apabila menemui kes di mana terdapat penagih baru sahaja berusia 13 tahun. Ini menunjukkan kepada kita bahawa masalah dadah ini bukan lagi untuk golongan dewasa sahaja tetapi telah menular kepada golongan awal remaja dan ini sememangnya sangat membimbangkan kita.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kita juga boleh melihat akibat masalah dadah ini dari segi penglibatan satu-satu kaum. Daripada *population* ataupun populasi penagih dadah sekarang ini yang menjangkau angka suku juta ataupun 255,725 orang penagih dari bangsa Melayu mencatat jumlah yang tertinggi berbanding dengan bangsa-bangsa yang lain.

Daripada jumlah tersebut, 65% adalah penagih Melayu, 19% penagih Cina, 11% penagih India, manakala 5% lagi adalah dari bangsa-bangsa yang lain. Fenomena yang melanda bangsa Melayu sekarang ini amat perlu segera kita perbaiki kerana fenomena yang melanda bangsa Melayu, kalau tidak ditangani merupakan masalah yang paling besar kerana bangsa Melayu merupakan tulang belakang kepada bangsa Malaysia dan tulang belakang kepada parti terbesar yang memerintah negara ini.

Sekiranya kita tidak memberi perhatian yang sewajarnya kepada fenomena ini, saya percaya kemungkinan kita tidak akan mempunyai pemimpin-pemimpin muda yang berwibawa untuk diketengahkan sedikit masa lagi bagi menggantikan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang. Justeru itu, saya ingin menyarankan kepada pihak kerajaan khususnya Agensi Antidadah Kebangsaan supaya dapat mencari punca

sebenarnya penglibatan terlalu ramai golongan muda daripada bangsa Melayu di dalam aktiviti-aktiviti penagihan dadah ini.

Seperkara lagi yang ingin saya utarakan di sini ialah berkenaan dengan perbelanjaan yang dibuat oleh golongan penagih ini. Apabila dilihat secara keseluruhan perbelanjaan yang dibuat oleh golongan penagih di negara ini, kita mungkin tidak percaya dan barangkali ramai di antara kita terkejut kalau saya sebut, bahawasanya berdasarkan dengan statistik yang dikeluarkan sebanyak RM2 bilion iaitu RM2 ribu juta telah dibelanjakan oleh penagih dadah untuk membeli dadah dalam masa setahun.

Setiap hari secara purata, setiap penagih menghabiskan kira-kira RM30 hingga RM50 untuk mendapatkan bekalan dadah, ataupun apabila kita menjumlahkannya dalam masa sebulan ianya menjadi antara RM900 hingga RM1,500 sebulan. Bayangkan, betapa besarnya jumlah yang tersalur kepada aktiviti-aktiviti tidak sihat ini, sedangkan dalam masa yang sama kita sepatutnya mampu membelanjakan jumlah ini untuk pembangunan rakyat dan negara.

Namun, para penagih ini begitu senang dan mudah menggunakan wang yang diberikan oleh kerajaan untuk membelanjakan membeli dadah. Lebih malang lagi apabila didapati golongan penagih ini bukan sahaja terdiri daripada mereka yang tidak bekerja, ataupun yang kita gelar penganggur tetapi turut melibatkan penyertaan golongan eksekutif yang tinggal di bandar-bandar besar dan mereka ini dikenal pasti dalam jumlah yang agak besar. Bilangan mereka ini di katakan mencatat peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak 33% berbanding golongan lain seperti kampung tradisional 30%, skim rancangan FELDA 15% dan nelayan 5%.

Dari segi kemampuan sememangnya golongan eksekutif ini mampu berbelanja besar untuk memperoleh bekalan dadah yang banyak. Manakala jenis dadah yang mereka perolehi juga dari jenis yang mempunyai harga yang tinggi seperti *amphetamine*. Oleh itu saya juga berharap, pihak Agensi Antidadah Kebangsaan dapat memberi perhatian yang serius kepada fenomena ini kerana sekiranya benar, peratusan yang tinggi ini disumbangkan oleh golongan eksekutif di bandar-bandar maka sudah pasti usaha yang kita lakukan untuk memerangi habis-habisan masalah dadah ini tidak akan sampai ke mana.

Saya difahamkan antara punca golongan eksekutif ini membeli dadah adalah untuk tujuan keseronokan dan tumpuan mereka adalah kelab-kelab malam ataupun

kelab-kelab hiburan. Walaupun hanya untuk tujuan hiburan tetapi apabila kerap digunakan, lama kelamaan akan jadi ketagih. Selain itu, kita juga berharap pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan dapat bekerja sama rapat dengan pihak majikan di mana tempat golongan ini bekerja supaya dapat dikesan dengan segera bagi mengambil tindakan.

Malah kita juga mengharapkan agar tindakan sama akan diambil ke atas mana-mana kakitangan yang berstatus eksekutif yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti penyalahgunaan najis dadah ini. Ini kerana saya turut mendengar terdapat kes-kes di mana golongan pendidik kita ada yang terlibat dengan masalah ini dan kita sangat khuatiri dari sinilah punca bagaimana golongan awal remaja kita boleh terjerumus dalam aktiviti tidak sihat ini. Di sini juga kita amat menuntut kerjasama dari pihak Kementerian Pelajaran supaya melaporkan penglibatan golongan pendidik dalam aktiviti tidak sihat ini supaya ianya akan dapat dibendung dan dikawal.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkan saya ganggu sebentar?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum di hadapan kita adalah satu masalah, satu rang undang-undang dan seperti jelas kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, rang undang-undang ini ialah kalau diluluskan akan jadi undang-undang. Ianya undang-undang yang kelima Akta 234, Akta 283, Akta 316, Akta 340. Satu proses yang bermula pada tahun 1952, bermakna 50 tahun negara memerangi gejala ini melalui proses perundangan yang semakin mantap.

Maka, perbahasan mengenai tajuk ini boleh diambil pendekatan daripada kupasan mengenai gejala itu sendiri atau Yang Berhormat boleh memilih mengambil pendekatan perundangan dan kuasa. Kedua-duanya memungkinan satu penghujahan yang cemerlang.

Jadi saat-saat ini adalah saat yang amat memberangsangkan bagi seseorang *legislator* seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat, selama 12 minit. Yang Berhormat Datuk Mahani telah bercakap dan sehingga detik ini, baru menyentuh latar belakang sahaja. Latar belakang tergubalnya rang undang-undang yang kalau akan jadi undang-undang, merupakan undang-undang yang kelima dalam satu proses yang telah berjalan separuh abad. Maka, bayangkanlah material atau bahan Yang

Berhormat-Yang Berhormat boleh cedok untuk menjayakan perbahasan ini. Saya jemput Datuk Dayang Mahani untuk teruskan.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menyentuh lebih kepada gejala sebab dalam perundangan dan dalam masa penghuraian pembentangan rang undang-undang ini telah terhurai tanggungjawab seperti mana yang telah dikatakan Akta ini untuk membentuk satu agensi Anti Dadah Kebangsaan, untuk meletakkan kuasa kepada pegawai dan sebagainya.

Saya akan menyentuh kepada gejalanya sebelum kita menyelesaikan tentang apa cara untuk kita membentuk satu perundangan atau pengawalan sama ada yang dibuat oleh kerajaan ataupun oleh NGO ataupun melalui Kastam, daripada penyeludupan dan sebagainya. Izinkan saya meneruskan Tuan Yang di-Pertua.

Penubuhan Agensi Anti Dadah Kebangsaan ini sememangnya tepat pada masanya bagi membendung masalah dadah yang semakin hari semakin meruncing. Ditambah lagi dengan keprihatinan dan ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam memerangi masalah ini hingga ke akar umbi. Kerana itu tidak hairan mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengetuai Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah ataupun lebih dikenali sebagai JKMD bagi menggantikan fungsi Majlis Dadah Kebangsaan yang ditubuhkan sejak tahun 1996.

Oleh yang demikian, kita semua amat berharap agar Agensi Anti Dadah Kebangsaan dapat bertindak dengan tegas dan berkesan dalam membendung, mengawal dan seterusnya menghapuskan masalah dadah ini selari dengan ketegasan yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita tidak mahu ketegasan dan komitmen yang ditunjukkan oleh pihak agensi hanya pada masa-masa tertentu sahaja atau secara bermusim sedangkan masalah dadah ini memerlukan perhatian setiap masa di mana menurut statistik dalam masa satu jam, dua orang rakyat Malaysia akan menjadi penagih baru dan sekiranya perkara ini berlarutan tanpa adanya kawalan secara agresif sudah pasti jumlah akan sentiasa bertambah dan ini juga secara tidak langsung seakan-akan membenarkan kepada kita jangkaan populasi penagih dadah yang ada di Malaysia ini menjelang tahun 2015 iaitu seramai 443,000 orang.

Di samping itu, saya amat menyokong peruntukan di bawah Rang Undang-undang ini di mana para pegawai di bawah agensi ini diberikan kuasa sebagaimana

kuasa seorang pegawai polis mengikut hiraknya. Ini kerana apabila keadaan sedemikian dapat dilaksanakan maka satu-satu langkah penguatkuasaan dan pencegahan akan dapat dijamin dari segi keberkesanannya.

Namun begitu dalam masa yang sama, kita juga berharap agar pegawai agensi mampu bertindak mengikut bidang tugas serta peraturan yang telah ditetapkan dan bukan bertindak mengikut gerak hati mereka sehingga boleh menyebabkan mereka bertindak di luar kawasan seperti menindas penagih dan sebagainya.

Keadaan ini sebaliknya akan membawa kesan yang lebih buruk kepada usaha-usaha pembanteras masalah dadah ini kerana umpama bermain dengan api. Kita tidak seharusnya memadamkannya dengan minyak. Tetapi sepatutnya kita menggunakan air supaya mudah memberhentikannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita menuntut kerjasama daripada Agensi Bertindak Kerajaan melalui usaha berterusan dalam membanteras masalah dadah ini, dalam masa yang sama kita juga berharap bantuan sokongan daripada pihak lain terutamanya NGO dan masyarakat termasuk ibu bapa penagih dan keluarga mereka sendiri dalam menjayakan segala usaha-usaha pembanteras ini. Ini kerana daripada kes-kes sebelum ini dapati kebanyakan golongan ibu bapa tidak mahu menerima kembali anak-anak mereka sehingga menyebabkan mereka terjerumus semula kepada aktiviti-aktiviti yang tidak sihat ini.

Buktinya 70% daripada pelatih pusat serenti yang keluar daripada pusat pemulihan tersebut telah kembali menagih disebabkan tidak diterima semula oleh ibu bapa mereka. Oleh itu, saya amat berharap agar para ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang merupakan bekas penagih supaya memberikan peluang kepada anak-anak tersebut untuk bangun dan memulakan kehidupan yang baru serta memberikan sokongan kerana kita selaku ibu bapa sememangnya amat faham dengan tingkah laku mereka. Janganlah dibiarkan mereka ini terjerumus semula kepada aktiviti-aktiviti tidak sihat ini dan berikanlah perhatian sewajarnya serta tumpuan kasih sayang kepada mereka.

Ini kerana menurut kajian juga didapati salah satu punca mengapa anak-anak muda ini menagih dadah ialah disebabkan mereka kurang mendapat perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa dan keluarga dan sebagai tindak balas kepada keadaan ini, mereka menagih dadah supaya dalam hati mereka apabila mereka melakukan perbuatan tersebut, ibu bapa mereka akan kembali memberikan perhatian

kepada mereka. Malangnya ramai di kalangan ibu bapa sekarang ini tidak faham gerak hati anak-anak ini sebaliknya mereka mengherdik, memaki hamun serta memarahi mereka atas perbuatan yang telah mereka lakukan.

Di sinilah juga kesilapan yang dilakukan oleh golongan ibu bapa ini yang tidak mahu cuba menyelami hati anak-anak mereka. Golongan ibu bapa harus sedar akan tanggungjawab kepada anak-anak ini kerana ibu bapa yang telah mendidik, membesar serta mencorakkan kehidupan mereka sudah tentu ibu bapa tidak mahu segala usaha yang telah dilakukan selama ini menjadi sia-sia dan musnah dalam sekelip mata sahaja dan sudah pasti kita juga tidak mahu masalah amanah yang diberikan oleh Allah ini tidak dapat dijalankan dengan sempurna kerana apa yang pasti pada kemudian hari, perkara ini akan dipersoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kita juga berharap agar pihak NGO dapat memainkan peranan lebih aktif seperti mengadakan program-program bagi meningkatkan kesedaran kepada masyarakat terhadap usaha pembanterasan masalah dadah dan menuntut mereka supaya sama-sama melibatkan diri kerana masalah dadah ini bukanlah hanya masalah kerajaan semata-mata tetapi juga masalah yang melibatkan semua orang.

Pihak NGO juga boleh menganjurkan khidmat-khidmat kaunseling kepada para penagih yang baru keluar daripada pusat pemulihan dan telah pulih supaya mereka ini dapat kembali ke pangkuan masyarakat terutama sekali kepada keluarga mereka sendiri serta paling penting ialah mereka ini tidak lagi kembali kepada aktiviti yang lama.

Walau bagaimanapun, kita juga harus melihat semua kepada setiap modul ataupun kurikulum pemulihan yang diguna pakai oleh semua pusat serenti di seluruh negara. Ini kerana kita seharusnya dapat menerapkan nilai-nilai kekuatan dan ketabahan dalam diri penagih-penagih ini supaya apabila mereka telah keluar dari pusat pemulihan nanti, mereka akan dapat meneruskan kehidupan baru tanpa memikirkan perlunya kembali kepada aktiviti tidak sihat ini. Walaupun mungkin dalam masa yang sama, mereka belum dapat diterima oleh masyarakat apatah lagi ahli keluarga sendiri. Sekiranya kekuatan sedemikian ataupun kekuatan dalaman ada wujud dalam diri mereka sendiri, mungkin tidak mudah untuk mereka kembali kepada amalan yang lama.

Saya percaya mereka ini akan lebih dapat mempertahankan diri untuk berjuang untuk kehidupan mereka, sekurang-kurangnya dalam satu jangka masa yang lama dan kemungkinan dalam jangka masa seperti perubahan ataupun berlakunya terhadap sikap dan cara penerimaan ahli masyarakat serta keluarga kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengambil tindakan positif untuk mendirikan pusat-pusat pemulihan serenti. Saya tidak tahu berapa jumlah pusat serenti di seluruh negara. *[Disampuk]* Kawan saya di sebelah katakan 28, alhamdulillah.

Tetapi seperti mana yang telah disentuh semasa soal jawab pertanyaan bagi jawapan lisan soalan No. 20 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wan Ramlah soalan No. 10 tentang Serenti Cheroh dan Sungai Ruan.

Kita tidak mahu mendengar tentang masalah pagar usang, tidak cukup kakitangan, kawalan dan sebagainya kerana seharusnya kita sentiasa memantau dan kalau boleh memperbaiki keadaan kelemahan-kelemahan ini kerana tujuan kita ialah untuk mengatasi masalah ini. Jangan apabila ditimbulkan dalam Dewan ini barulah jawapan seperti ini dan sedih bagi kita untuk menerima kerana kita mahu menghapuskan masalah ini dalam masa yang begitu singkat - 2015 sebagai target - cuma sebelas tahun dari sekarang. Ini bukan masalah yang mudah.

Jadi walaupun saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas tindakannya, tetapi saya merayu kepada kerajaan dan kementerian yang telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan bahawa kita mengenal pasti tentang kelemahan-kelemahan ini dan juga kita memastikan bahawa kita meletakkan orang yang mempunyai kemahiran kakitangan dan juga memastikan keselamatan. Kita review balik. Mungkin kedudukan pusat serenti itu tidak sesuai dibuat inland. Mungkin kita boleh buat di pulau kalau terlalu senang atau mudah untuk pengaruh luar masuk atau dia keluar dan sebagainya. Mungkin kita dudukkan di pulau supaya senang untuk dikawal. Tetapi tidak mungkin juga, kalau sudah dia khayal dan terjun satu masalah pula. Tetapi kalau itu menjadi satu cara yang terbaik mungkin perkara ini harus difikirkan semula sebab tujuan kita ialah supaya dia mempunyai total isolation. Dia diasingkan supaya rawatan sepenuhnya dapat diberikan kepada mereka yang telah menyalahgunakan dadah ini.

Jadi, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian dan saya merayu sangat untuk pusat serenti ini dikaji dan dilihat keseluruhannya di

mana yang kurang baik kita perbaiki. Penyalahgunaan najis dadah ini tidak akan dapat dihapuskan dalam sekelip mata. Ia memerlukan langkah serta pendekatan secara bersepadu untuk memastikan masalah dadah ini tidak mempunyai kesinambungan. Justeru itu apa yang perlu kita pastikan ialah setiap hari kita perlu kurangkan jumlah penagih baru supaya segala usaha selepas ini dapat ditumpukan kepada usaha-usaha pemulihan.

Di samping usaha-usaha susulan bagi memastikan mereka tidak terjebak kembali, itu kita perlu memperbanyakkan usaha bagi menggerakkan lebih anggota masyarakat, menyedari pelbagai usaha yang dijalankan sama ada oleh kerajaan melalui kementerian, polis, kastam, imigresen untuk mencegah penyeludupan dan sebagainya mahupun NGO seperti mana usaha yang dilakukan oleh PEMADAM yang meletakkan 150,000 orang sebagai agen mereka di mana mereka ini terdiri daripada semua lapisan masyarakat iaitu pelajar sekolah, penuntut institusi pengajian tinggi, guru, ahli jawatankuasa pembangunan bagi setiap kampung dan sebagainya.

Daripada pendekatan-pendekatan sedemikian, sekiranya kita lakukan secara berterusan dan konsisten, ditambah lagi dengan komitmen yang tinggi, kita mampu mencapai sasaran membanteras najis dadah ini daripada negara kita menjelang tahun 2015. Sekali gus kita boleh menghasilkan warga Malaysia khususnya golongan muda yang berwibawa yang berketerampilan untuk menerajui kepimpinan negara ke arah masa depan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siw Chun a/p Eam.

4.54 ptg.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya bagi menyertai dalam perbincangan dan turut menyokong Rang Undang-undang Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2004.

Seperti mana yang kita semua sedia maklum bahawa persoalan besar yang kita hadapi yang dianggap menjadi musuh utama negara kita ialah dadah. Tuan Yang di-Pertua, kita semua menyedari bahawa negara kita yang makmur dan aman damai ini tidak terlepas dari menghadapi berbagai-bagai ujian dari Tuhan yang maha berkuasa. Kita bukan sahaja diuji dengan kegawatan ekonomi tetapi juga sedang menghadapi kegawatan sosial. Sebenarnya kegawatan sosial yang berlaku ini adalah

lebih parah dan berbahaya dari kegawatan ekonomi yang telah pulih dan dapat diatasi oleh kerajaan.

Di antara kegawatan sosial yang masih kita hadapi dan merupakan ancaman utama keselamatan negara hingga ke hari ini adalah masalah penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat kita terutamanya golongan belia remaja yang terjebak dengan masalah tersebut. Saya amat bersetuju dengan pindaan yang dibuat dalam Rang undang-undang di mana menampakkan kerajaan sentiasa peka dan memberi penekanan yang berat bagi memastikan negara kita Malaysia supaya berada dalam keadaan selamat dan menuju ke arah pembangunan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya amat yakin bahawa dengan wujudnya Agensi Anti Dadah Kebangsaan ini selaku sebuah institusi yang akan memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan usaha-usaha kerajaan untuk membasmi dadah dalam negara kita. Dalam alaf baru yang serba moden ini, masyarakat harus menjalani kehidupan yang sihat dan sanggup membuat perubahan dalam hidup untuk memajukan diri dari masa ke semasa. Kehidupan yang sihat tanpa dadah perlu dijadikan prinsip serta pegangan dalam diri setiap individu.

Tuan Yang di-Pertua, sudah 47 tahun negara kita merdeka tetapi penagihan dadah terus meningkat dan bukannya menurun. Saya masih ingat pada tahun 1983 iaitu 20 tahun dahulu, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi menyatakan tentang betapa kritikalnya kita berhadapan dengan masalah dadah dan pada tahun 2003 kerajaan mewujudkan kempen menangani dadah habis-habisan. Saya ingin mendapatkan penjelasan dari pihak kementerian apakah keberkesanan kempen tersebut dan berapakah wang yang telah dibelanjakan.

Tuan Yang di-Pertua, tahap penagihan dadah di kalangan masyarakat kita semakin membimbangkan dari masa ke semasa. Jumlah penagih dadah baru di negara ini semakin meningkat dengan kadar seorang penagih baru bagi setiap 29 minit. Pengiraan ini dibuat berdasarkan kewujudan 50 penagih dadah baru setiap hari. Di peringkat nasional mencatatkan 1,490 penagih baru setiap bulan yang majoritinya ataupun 98.72% berumur di antara 20 hingga 29 tahun yang berkelulusan SRP ataupun PMR dan ke bawah. 85.7% dari kalangan yang tidak mempunyai pekerjaan tetap. Faktor utama ialah akibat pengaruh kawan. Ini adalah satu fenomena yang sangat berbahaya terhadap pembangunan negara di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maka tidak hairanlah kalau dalam sejarah negara China, mereka berperang dua kali. The First Opium War dan the Second Opium War kerana begitu hebatnya ancaman dadah candu ketika itu yang mana morfin dan heroin adalah menjadi bahan-bahan yang dibuat daripada candu itu.

Silakan, Yang Berhormat.

Puan Siw Chun a/p Eam: Saya amat bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kumpulan yang banyak terlibat dengan penyalahgunaan dadah adalah golongan remaja atau belia yang bakal mewarisi negara di masa hadapan, sekiranya kita biarkan keadaan begitu sahaja, maka saya percaya dalam keghairahan kita untuk melihat negara kita maju menjelang tahun 2020, negara kita akan dipelopori oleh belia-belia, masyarakat yang lemah longlai, tidak bermaya, tidak ada minda untuk memperkasakan negara kita, dan masyarakat kita pada masa itu rata-rata menjadi penagih dadah.

Seperti mana yang kita sedia maklum dadah adalah sejenis bahan kimia yang boleh mempengaruhi minda kita dan kadang-kadang kita boleh lupa diri sekiranya kita terdedah dengannya. Ianya membawa banyak masalah sosial yang boleh mengancam keselamatan dan menyekat kemakmuran rakyat dan negara.

Laporan polis menyatakan 40% sehingga 60% daripada kes jenayah adalah membabitkan penagih dadah. Mereka sanggup melakukan apa sahaja termasuk membunuh, walaupun ibu bapa mereka, walaupun datuk nenek mereka menjadi perogol, menyamun, perompak, peragut dan lain-lain lagi, semasa mereka ketagih dan tidak dapat bekalan, kesannya amatlah serius dan menakutkan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya sekarang siapakah dan pihak manakah yang patut dipersalahkan, dadah, penagih, pengedar ataupun pembekal dadah, ibu bapa, orang awam ataupun agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan oleh pihak kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa keselamatan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan juga kampung yang melibatkan banyak agensi kerajaan dan juga pihak-pihak yang bersangkutan seperti polis, kesihatan, penerangan, agen antidadah, JKKK, pengerusi-pengerusi NGO dan jabatan-jabatan lain yang telah menjalankan tanggungjawab bagi membasmi dadah ini.

Apakah jawatankuasa ini masih berfungsi, adakah satu penyelarasan dibuat mengenai peranan-peranan dan fungsi-fungsi jawatankuasa yang saya sebutkan tadi dan juga Agensi Antidadah Kebangsaan yang akan diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan saya agar semua pihak sama ada agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, pihak swasta, ibu bapa-ibu bapa dan orang awam mengambil tindakan bersama bagi menangani masalah dadah. Janganlah dipikul tanggungjawab ini kepada agensi-agensi tertentu yang terlibat secara khusus dalam menangani masalah dadah ini, seperti Agensi Antidadah Kebangsaan.

Badan bukan kerajaan seperti PEMADAM dan lain-lain badan sukarela juga harus melipatgandakan lagi usaha untuk memerangi ancaman dadah secara bersepadu dan akhirnya hasrat kerajaan bagi merealisasikan negara bebas dadah menjelang 2015 akan tercapai. Kerana kita sudah tahu dan mengenal pasti musuh utama kita adalah dadah, kenapa kita harus membiarkan musuh ini menyerang kita.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan semua kementerian dalam negara kita yang dipimpin oleh Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen adalah Ahli Parlimen yang berjaya dipilih oleh rakyat jelata melalui pilihan raya, di mana rakyat jelata berharap sangat supaya calon yang mereka pilih sudah mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka, seperti masalah dadah ini dan dapat menyelesaikannya.

Jadi, berpakatlah di kalangan Menteri-menteri dan kementerian yang berkaitan dan yang boleh membantu memerangi dan membanteras musuh utama ini secara besar-besaran. Sekiranya cara yang sedia ada tidak memberi apa-apa kesan fikirkan dan rancangkan cara lain pula. Saya percaya dan yakin Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan kakitangan ataupun *staff* di kementerian yang bijaksana sudah tentu masalah ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini saya ingin mengemukakan cadangan dan menyarankan kepada pihak kerajaan supaya agensi-agensi yang berkaitan haruslah berganding bahu melipatgandakan penguatkuasaan di sempadan-sempadan, semua pintu masuk ke negara kita, melalui jalan-jalan darat, udara dan laut bagi mengenal pasti pengedar ataupun pembekal dadah ini. Bagi saya musuh utama negara kita adalah pengedar dadah. Keberkesanan dan kecekapan kepada pelaksanaan hukuman mati mandatori terhadap pengedar dadah seolah-olah tidak

mendatangkan kesan, apabila hari demi hari terdapat peningkatan penagih-penagih dadah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya semua agensi kerajaan yang berkaitan berganding bahu dengan memperketatkan penguatkuasaan di sempadan ataupun di pintu-pintu masuk lebih memfokuskan untuk mencari dan mengenal pasti siapakah sebenarnya pengedar-pengedar dadah, maka masalah ini pasti boleh ditangani.

Tuan Yang di-Pertua, penagih dadah yang mencecah 1% dari bilangan penduduk Malaysia, kerajaan haruslah menetapkan ataupun mengurungkan mereka di atas satu pulau khas yang berasingan, yang jauh dari dunia luar supaya mereka dapat menjalankan pemulihan ataupun rawatan sepenuhnya. Satu *task force* khas bagi pengurusan dan pengawalan yang ketat di pulau haruslah diwujudkan. Bagi penagih-penagih tegar pula sekiranya mereka ketagih sehingga, kalau tidak dapat menghisap dadah boleh mati, biarkanlah mereka mati sahaja. Ini tidak bermakna kita bertindak zalim, sebaliknya demi menyelamatkan keadaan dan masa depan anak-anak bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, penagih-penagih yang biasa telah pun dikurung di pulau, penagih tegar pula kalau dapat diubati akan diubati dan kalau mati biarkan dia mati..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Siw Chun a/p Eam: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kita mempunyai undang-undang dan di bawah undang-undang berkenaan cuba bunuh diri itu walaupun memilih sendiri untuk bagi mati diri adalah salah di bawah undang-undang. Jadi, macam mana kita hendak membuat undang-undang hendak membiarkan mereka membunuh diri secara beransur-ansur?

Puan Siw Chun a/p Eam: Apa yang saya maksudkan di sini ialah bukan menggalakkan mereka membunuh diri. Saya tahu undang-undang negara kita ini menjadi satu kesalahan apabila seseorang itu membunuh diri. Tetapi apa yang saya maksudkan di sini ialah sekiranya penagih itu, kita sudah cuba untuk mengubati, cuba untuk merawat, tetapi penagih ini memang sudah teruk. Jadi, saya rasa kalau terpaksa biarkan mereka mati, mati sahajalah mereka, itu maksud saya. Kita bukan hendak membunuh dia.

Tuan Yang di-Pertua, penagih-penagih yang biasa telah pun dikurung di pulau, penagih-penagih tegar pula mungkin habis mati dan pengedar serta pembekal dadah semua dapat diberkas dan dijatuhkan hukuman. Pembekal ini Tuan Yang di-Pertua sekiranya tiada yang memerlukan bekalan, mereka pun tidak tahu hendak membekalkan kepada siapa. Jadi, pihak agensi kerajaan pula memperketatkan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk ke negara kita dan melipatgandakan undang-undang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, lama-kelamaan saya yakin dan percaya masalah dadah ini dapat dibendung dan dapat dibasmi terus, dan hasrat kerajaan bagi merealisasikan negara bebas dadah menjelang 2015 akan tercapai. Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa kerja-kerja ini bukannya senang untuk dilaksanakan. Akan tetapi sekiranya semua pihak dapat berganding bahu lebih gigih berusaha, bekerja keras mencari satu jalan yang betul-betul berkesan, maka masalah penyalahgunaan dadah akan dapat dibanteras.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan langkah pertama yang patut kerajaan lakukan ialah mendapatkan statistik berapakah bilangan penagih dadah yang sedang menjalani rawatan di pusat-pusat serenti, bilangan bekas-bekas penagih, buat satu operasi bagi mengesan penagih-penagih tegar ataupun penagih-penagih biasa yang masih berkeliaran di jalanan. Cari satu pulau yang strategik dan pindahkan mereka semua ke situ. Saya masih ingat dahulu Pulau Jerjak di Pulau Pinang. Kerajaan telah menjadikan pulau itu khas untuk pesalah yang bersangkutan dengan dadah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, selalu pulau memberi gambaran yang romantik. Kini Yang Berhormat telah memberi gambaran baru terhadap pulau-pulau indah. Sila teruskan.

Puan Siw Chun a/p Eam: Kita Malaysia ada banyak pulau..

Tuan Yang di-Pertua: Saya sebut sebab Yang Berhormat terlalu banyak kali sebut pulau.

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini ada banyak pulau, jadi pulau yang saya katakan hendak letakkan penagih-penagih ini, kita boleh mempercantikkan pulau itu supaya penagih ini nampak: "Oh, dunia ini memang cantik, kenapa aku hendak jadi penagih?" Jadi kita memperelok, mempercantik, memperindahkan keadaan di atas pulau itu, bukannya secara tidak ada keselesaan,

tidak ada keindahan, kita tanam banyak bunga dan jadikan satu pulau itu macam dunia yang mereka hendak duduki, itu maksud saya. Saya bukan... [Ketawa].

Beberapa Ahli: [Bangun]

Puan Siw Chun a/p Eam: Sila, sila dua-dua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Laluan diberi bukan oleh saya Yang Berhormat. Siapa yang *hold the floor*.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, terima kasih. Satu aspek yang penting Yang Berhormat, ialah tentang pemulihan di bawah akta ini juga, rang undang-undang ini juga ada satu peruntukan bagi pemulihan. Setahu saya pemulihan melibatkan yang penting sekali, yang berjaya sekali melibatkan keluarga. Kalau seseorang itu dipulaukan, tidak dipedulikan oleh keluarga, tidak dapat balik berhubung rapat dengan keluarga, itu bermakna orang itu sudah di tolak oleh masyarakat dan tidak dikehendaki lagi. Dalam aspek itu, mungkin pemulihan itu tidak dapat berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu, adakah munasabah bagi kerajaan mengamalkan suatu dasar yang mana kumpulan ini tidak di....

Tuan Yang di-Pertua: Dipulaukan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sudah dipulaukan, tetapi tidak dibantu untuk pulih dan balik ke pangkal masyarakat. Ini adalah satu pendapat yang saya tidak tahu sebagai satu masyarakat penyayang. Malaysia kita bangga dengan sikap kita sebagai satu masyarakat penyayang. Kalau kerajaan berbuat demikian, ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maka sebab itu kita bahas untuk mencari kebenaran, kita bahas.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, jadi kalau kita berpendapat bahawa kumpulan ini tidak berguna dan tidak patut dibantu dan kena dipulaukan, maka bagi saya itu satu dosa. [Ketawa]. Apakah pendapat Yang Berhormat, terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua, dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, apa yang saya maksudkan meletakkan mereka di pulau, tidak bermakna kita mengasingkan mereka daripada dunia luar. Maksud saya kita akan adakan jadual supaya ahli keluarga, adik beradik dan orang luar boleh melawat mereka, sebab itu kita bukanlah hendak mengasingkan mereka kata mereka ini tidak guna.

Tuan Yang di-Pertua: Penguasaan bahasa itu hebat, tetapi loghat sahaja boleh. *[Ketawa]*

Puan Siw Chun a/p Eam: Memanglah saya orang Perlis, dia keluar juga kadang-kadang, ya terkeluar juga loghat itu. Jadi saya rasa itu tidak menjadi satu masalah dan selepas mereka sudah dirawati dengan sepenuhnya dan mungkin kerajaan akan membantu mereka untuk mencari kerja, ataupun meletakkan mereka di mana-mana pejabat kerajaan misalnya, untuk mereka mencari nafkah hidup. Itu yang saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kedua pula ialah memperketatkan ataupun melipatgandakan kawalan di semua pintu masuk ke negara kita bagi mengesan pengedar-pengedar, penangkapan dibuat dan hukuman berat dijatuhkan terhadap mereka. Pembekal dadah pun kalau semua sudah ditangkap, maksudnya semua penagih dadah itu sudah diletakkan di pulau, jadi saya rasa cara-cara yang berkesan untuk kita membasmi penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, pendidikan dan penerangan awal harus diberikan kepada anak-anak kita bermula daripada tahap tadika, tentang bahayanya dadah terhadap kesihatan, kesejahteraan dan kemakmuran kita dan negara kita. Kerajaan juga harus memperuntukkan peruntukan khas pada setiap tahun, berikan kepada mana-mana pihak, tidak kira PEMADAM dan lain-lain badan sukarela untuk mengadakan atau menganjurkan forum yang boleh memberi pendidikan dan penerangan awal mengenai bahayanya dadah dan usaha-usaha kerajaan untuk membasmi dadah yang menjadi musuh utama negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apabila pendidikan sebegini diajar, diterangkan kepada mereka, kepada anak-anak kita, saya percaya anak-anak kita akan membesar dalam keadaan sihat dan menjauhi dadah. Sekaligus negara kita Malaysia akan menjadi sebuah negara yang maju, makmur, cemerlang, gemilang dan terbilang di masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani.

5.16 ptg.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi...*[sambil menoleh ke arah jam]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak perlu menoleh ke arah jam. Kita akan meneruskan perbahasan sehingga hari Isnin.

Datuk Haji Karim Ghani: Saya berhasrat untuk bercakap sekejap sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk mengambil serta di dalam perbahasan Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004.

Sejak masalah dadah ini didedahkan di negara kita, ia bertambah dari setahun ke setahun sehingga menjadi suatu perkara yang begitu besar dan membahayakan bukan sahaja bagi mereka yang penagih dadah malah membahayakan bakal pemimpin dan rakyat Malaysia di masa yang akan datang.

Langkah-langkah yang diambil seolah-olah tidak berkesan. Sedangkan di Malaysia ini dari apa suku bangsa pun kita mempunyai orang-orang yang mempunyai pengajian pendidikan doktor, *lawyer* dan sebagainya mempunyai otak yang bukan kecil, kata orang, malah banyak. Apakah kita tidak boleh duduk untuk memikirkan apa cara kita mencari jalan bagaimana untuk menyelesaikan masalah dadah ini. Masalah dadah sejak dahulu, yang bertambah ini sudah ada sampingannya pula, daripada dadah mereka menggunakan jarum berkongsi jarum, sekarang sudah timbul masalah AIDS.

Daripada menghisap dadah, mengambil dadah, saya difahamkan kalau seorang itu mengambil dadah heroin, ia mempunyai tenaga yang hebat kepada satu golongan manusia. Golongan manusia itu saya difahamkan adalah golongan pelacur. Orang-orang yang mengambil dadah heroin ini jadi buruan orang-orang pelacur dan dengan yang demikian, maka masalah yang dibawa oleh orang-orang yang serupa ini seperti penyakit kelamin, AIDS akan bertambah lagi. Jadi kalau benda ini kita tidak bendung, pada masa ini ia akan merebak, maka pemimpin-pemimpin kita yang masa depan mungkin orang korporat dan rakyat Malaysia yang otaknya sudah rosak kerana dadah akan menghuni negara ini, maka negara ini juga akan hancur.

Saya cuma terfikir apakah cara kita menyelesaikan mereka yang penghidap dadah ini dengan membuat Pusat Serenti, mengadakan agensi dan memberikan kasih sayang dan sebagainya sudah cukup, nampaknya tidak cukup, nampaknya tidak berkesan. Jadi apakah cara yang lain yang harus kita buat, sama ada menghantar mereka ke Pulau Jerjak ataupun mungkin itu juga tidak berkesan. Tetapi masalah

yang berat ini mungkin memerlukan 'pengubatan yang berat', berat umpamanya kalau kita dapat pengedar dadah, hukumannya gantung.

Kalaulah dalam masalah dadah ini, kenapa kita tidak cuba pula apabila seseorang itu sah sebagai penagih dadah, kita sebat sama ada dua rotan atau tiga kali rotan bagi kali yang pertama. Apabila terbukti dia terus mengidap atau mengambil dadah haram buat kali yang kedua, sebatan itu ditambah dan bertambah selanjutnya buat kali yang ketiga. Begitulah barangkali kali yang keempat atau kelima, kita *jail* dan sebagainya.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Apa pula kata Yang Berhormat jika kita dikecam oleh pihak yang merupakan jaguh hak-hak asasi manusia?

Datuk Haji Karim Ghani: Ada, nanti saya jawab sekali.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Ya, minta laluan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Karim. Oleh kerana beliau menyentuh tentang hukuman yang berat. Malaysia sudah mempunyai undang-undang yang berat iaitu tidak ada lagi lebih berat daripada hukuman mati. Kalau sudah mati, sudah tidak ada benda lagi.

Tetapi walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan ini barangkali melalui Datuk Karim untuk menambah kalau boleh kita menyoal dan bertanya kepada kementerian berapa ramaikah penagih dadah yang sudah digantung, yang sudah diketemui dan digantung. Ataupun berapa ramaikah pengedar dadah yang diambil tindakan dan jumlahnya dan sebagainya.

Saya rasa oleh kerana mungkin tidak banyak contoh, orang tidak takut walaupun dia digunakan sebagai *deterrent* sebagai contoh supaya orang takut. Oleh kerana tidak ada yang dibuat, jadi tidak ada orang takut. Itu sebabnya umpamanya kita letak anjing umpamanya di pintu-pintu masuk, anjing itu ada di sana dan apabila dia tahu, kita buat cara lain pula.

Saya ingin bertanya melalui Datuk Karim mungkin berapa banyak tindakan atau jumlah pengedar dadah yang telah digantung?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak beri laluan lagi sekali gus atau

Datuk Haji Karim Ghani: Ya, sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Hassan bin Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambung apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat. Dari segi pengedar ini ada banyak juga yang kena tahan. Saya bukan menjawab bagi pihak kementerianlah, sebagaimana yang kita baca berita. Tetapi yang saya sekarang ini menjadi tanda tanya ialah pembekal. Sebab saya ada dengar cerita, seorang pengedar dadah itu sampai diberi upah RM5 juta.

Pihak pembekal berkata, tauke dadah yang memberi upah sampai RM5 juta ini tentulah dadah yang diedarkan itu harganya lebih dari RM5 juta. Yang ini saya tidak pernah lagi dengar di Malaysia ada, mungkin di Australia dahulu pernah disebutkan. Tetapi di Malaysia saya tidak dengar lagi tauke ataupun pembekal dadah ini yang diberkas dan dihukum dengan hukuman yang berat.

Kalau adapun undang-undang yang menghukum mati tetapi pembekal itu terus ada dan kalau ada pembekal barulah ada pengedar. Yang penting saya rasa kita berusaha mencari pembekal-pembekal ini sampai ke akar umbi di mana pembekal-pembekal ini sebenarnya. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi?

Datuk Haji Karim Ghani: Lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat benarkan. Saya pun minta duduk dahulu. Sila duduk Yang Berhormat sebentar. Saya pun benarkan kerana selagi dibenarkan oleh Peraturan-peraturan Mesyuarat, saya cuba untuk membuatkan keadaan di dalam Dewan ini supaya lebih seronok Ahli-ahli Yang Berhormat berada di dalam daripada di luar [*Ketawa*] Sila teruskan.

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, atas kebenaran untuk saya meminta laluan selepas Ustaz Hasan, nampaknya ramai yang berminat untuk bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Karim ini merupakan seorang yang *expert* dalam perkara ini. Mungkin Yang Berhormat Datuk terlibat dengan PEMADAM sekian lama yang boleh membahaskan isu ini dengan cukup terperinci.

Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Karim, pandangan sahaja. Mungkin pandangan saya ini agak berbeza sama sekali daripada pandangan rakan-rakan. Kalau kita menyebut tabii manusia khususnya rakyat Malaysia, kalau kita

melarang macam contoh kita mengadakan 'Kempen Tak Nak' iaitu melarang orang merokok, orang hendak merokok juga sebab kita melarang. Kadang-kadang benda yang diharamkan itu, orang hendak mencuba sebab orang hendak tahu apakah sebabnya keseronokan akibat kesan yang boleh dirasakan daripada larangan benda yang dilarang.

Tuan Yang di-Pertua: Memang. Memang ada pepatah Inggeris *'forbidden fruits are sweeter'*.

Tuan Ismail bin Kasim: Ya. Kita tengok di setengah-setengah negara Barat, mereka membenarkan ada *corner*, ada jalan dan mungkin ada kedai pun yang menjadi tempat khas atau laluan, macam contohnya di Amsterdam, saya terlupa nama tempat itu Tuan Yang di-Pertua. Di satu lorong khas, diadakan tempat untuk menghisap. Jadi, saya dengan kawan-kawan merasa berpeluang mengikuti *Investment Trade* ke Holland, saya melihat tidak ada pun orang yang menghisap di situ iaitu di kedai yang dibenarkan menghisap hendak hisap apa? Morphine kah, heroin kah, apakah boleh hisap, ganja kah apa benda boleh dibeli dengan senang di kedai itu secara *legal* atau kedai yang menjual secara terbuka.

Tetapi tidak ada orang yang membeli pun semasa berada di situ lebih kurang setengah jam, saya duduk perhati tengok, tidak ada orang yang membeli sebab tidak ditegah, malah dibenarkan. Adakah kalau kita juga tidak meletakkan undang-undang yang keras yang mengatakan ini berbahaya, itu berbahaya, maka boleh atau tidak persepsi ini atau keadaan ini diterima dengan *level of thinking*, dengan izin, taraf pemikiran rakyat Malaysia yang kita sayangi. Apa pandangan Datuk?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh ingatkah beri laluan kepada tiga orang Yang Berhormat?

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan. Sebenarnya pengedar dan pembekal sudah ada undang-undangnya. Tetapi pengguna cuma setakat kita taruh di serenti dan kita cuba ubat tetapi belum kita sebat. Kita cuba pula sebat, apakah kesannya? Tuan Yang di-Pertua katakan macam mana fikiran *human rights and all*? Kita tanyalah *human rights* macam mana hendak menyelesaikan ini. Adakah kita biarkan orang kita menghisap dadah, mengambil dadah yang mengakibatkan 10 tahun atau 20 tahun nanti negara kita jahanam atau kita ikut kehendak *human rights* membiarkan orang kita menghisap dadah dan biarkanlah kita jahanam.

Saya juga baru-baru ini kembali dari menghadiri CPA di Kanada dan singgah di Amsterdam. Di Amsterdam memang betul ada kedai-kedai yang membenarkan menjual dadah tetapi Yang Berhormat, yang saya tahu cuma setakat ganja (*cannabis*), bukannya *hard drugs*. Itu yang dibenarkan di sana, memang betul tidak banyak orang yang menghisapnya. Tetapi kalau kita pergi sana kita ciumlah bau orang yang menghisapnya. Di Amsterdam ini, kita tidak boleh juga terlalu sangat sebab di sana *along the canal* ada lagi *window shopping*. Saya fikir kita tidak mahu juga ikut perkara-perkara itu di negara kita.

Ada juga negara yang sekarang ini yang saya anggap seperti United States of Sodom dan Gemura takkan kita ikut juga begitu yang dia boleh kahwin lelaki sesama lelaki, perempuan sesama perempuan, bercium di televisyen lelaki sesama lelaki. Takkan kita benarkan begitu. Undang-undang kita di Malaysia ini dikekalkan undang-undang iaitu pengedar dan pembekal dihukum gantung, ditambah lagi undang-undang supaya penagih disebut dan undang-undang yang menguatkuasaan. Saya ingin mengucapkan dan merakamkan tahniah kepada Datuk Arzmi yang mengatakan supaya orang yang melaporkan pendatang haram diberi hadiah dan panjangkan undang-undang kita.....

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat terus.....

Datuk Haji Karim Ghani: orang-orang yang melaporkan penagih dadah

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat teruskan lagi, kalau Yang Berhormat perlu pastikan hadir hari Isnin.

Datuk Haji Karim Ghani: Satu minit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua. Yang pastikan orang-orang yang melaporkan penagih dadah itu juga diberikan hadiah barangkali ada kesan yang lebih daripada sekarang. Dengan itu saya menyokong undang-undang pindaan ini. Saya mengucapkan terima kasih [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup [*Ketawa*] Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada hari Isnin pukul 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.